



## **PENYATA RASMI**

**PERSIDANGAN KEEMPAT,  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
DEWAN NEGERI YANG KESEBELAS PERAK DARUL RIDZUAN  
PADA HARI JUMAAT, 14 APRIL 2006**

**PERAK DARUL RIDZUAN**  
**DEWAN NEGERI YANG KESEBELAS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**

---

**Persidangan Keempat, pada hari Jumaat, 14 April 2006**

---

di Dewan Mesyuarat, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh mulai jam 9.00 pagi

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan  
Dato' Haji Mat Isa bin Ismail, DPMP., KMN., PPT., JP.  
(Kawasan Changkat Jering)

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan,  
Dato' Seri Diraja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, SPSA., SPMP., DGSM., DPMP.,  
AMP.  
(Kawasan Pengkalan Hulu)

Yang Berhormat Dato' Ramly bin Zahari, DPCM., KMN., AMP., PPT.  
(Kawasan Manong)

Yang Berhormat Dato' Ho Cheng Wang, DPMP., AMP. (Kawasan Pokok Assam)

Yang Berhormat Dato' G. Rajoo (Kawasan Hutan Melintang)

Yang Berhormat Dato' Chang Ko Youn, DPMP., PMP., KMN., PPT., PJK., JP.  
(Kawasan Jalong)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan, DPMP., PJK., JP.  
(Kawasan Tualang Sekah)

Yang Berhormat Dato' Tan Chin Meng, DPMP., PMP., AMP. (Kawasan Kepayang)

Yang Berhormat Dato' Haji Saarani bin Mohamad, DPCM., AMP., PJK.  
(Kawasan Kota Tampan)

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zaim bin Haji Abu Hassan, DPMP., AMP., PPT.  
(Kawasan Belanja)

Yang Berhormat Dato' Dr. Zambry bin Abd. Kadir, DPMP., AMS. (Kawasan Pangkor)

Yang Berhormat Dato' Siti Salmah binti Mat Jusak, DPCM., PPT., PJK.  
(Kawasan Chenderoh)

Yang Berhormat Dato' Yik Phooi Hong, DPMP., PMP., AMP. (Kawasan Buntong)

Yang Berhormat Dato' Hajjah Mazidah binti Haji Zakaria, DPMP., AMP., DSM. (Kawasan Hulu Kinta)

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Malek bin Md. Hanafiah, DPMP., PPT. (Kawasan Kamunting)

Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong, DPMP., AMP. (Kawasan Malim Nawar)

Yang Berhormat Dato' Haji Hamdi bin Haji Abu Bakar, DPMP., PMP., AMP., PPT., JP. (Kawasan Pengkalan Baru)

Yang Berhormat Dato' Haji Nadzri bin Haji Ismail, DPMP., PMP., AMP., PPT. (Kawasan Manjoi)

Yang Berhormat Dato' Lee Kon Yin, DPMP., PMP., AMP. (Kawasan Tronoh)

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Jaafar, DPMP., PMP., AMP., AMN., PPT. (Kawasan Bukit Chandan)

Yang Berhormat Dato' Chew Wai Khoon, DPMP., PMP., AMP., AMN. (Kawasan Tebing Tinggi)

Yang Berhormat Dato' Dr. Ho Wai Cheong, DPMP., PMP., AMP., PPT. (Kawasan Teja)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Jafri bin Mohd Yunus, PMP. (Kawasan Kubu Gajah)

Yang Berhormat Dato' Chang Kon You, DPMP., AMP. (Kawasan Chenderiang)

Yang Berhormat Dato' R. Ganesan, DPMP., PMP., AMN., AMP. (Kawasan Sungkai)

Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman, DPMP., AMP., JP. (Kawasan Temenggor)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Idris, AMP., PJK. (Kawasan Kenering)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Daud bin Haji Mohd. Yusoff, AMP., PJK. (Kawasan Selama)

Yang Berhormat Kapt. (B) Tuan Haji Mohd. Najmuddin bin Elias (Kawasan Batu Kurau)

Yang Berhormat Encik Abu Bakar bin Mat Ali, PPT. (Kawasan Titi Serong)

Yang Berhormat Encik Mohd. Salleh bin Mat Disa, PPT. (Kawasan Kuala Kurau)

Yang Berhormat Encik Sham bin Mat Sahat, PPN., PJK. (Kawasan Alor Pongsu)

Yang Berhormat Encik Abd. Muhammin bin Abu Rahman Nazri, AMP., PPT. (Kawasan Gunung Semanggol)

Yang Berhormat Encik Zaili bin Cha, PPT. (Kawasan Selingsing)

Yang Berhormat Encik See Tean Seng, AMP. (Kawasan Kuala Sepetang)

Yang Berhormat Encik Rosli bin Husin, AMP., PPT. (Kawasan Trong)

Yang Berhormat Encik Ng Chii Fa (Kawasan Aulong)

Yang Berhormat Datuk Ahamad bin Pakeh Adam, DMSM., AMN., PPT., PJK. (Kawasan Lintang)

Yang Berhormat Encik Vincent Hooi Wy-Hon (Kawasan Canning)

Yang Berhormat Encik Gooi Seng Teik, AMP., PPT. (Kawasan Bercham)

Yang Berhormat Encik Che' Ri bin Md. Daud, AMN., PPT. (Kawasan Bota)

Yang Berhormat Puan Hamidah binti Osman, PJK. (Kawasan Sungai Rapat)

Yang Berhormat Encik Chan Chin Chee, PJK. (Kawasan Simpang Pulai)

Yang Berhormat Dato' Samsudin bin Abu Hassan, DPMP., AMP., PPT. (Kawasan Ayer Kuning)

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Katop, AMP., PKC. (Kawasan Sungai Manik)

Yang Berhormat Datuk Tajuddin bin Abdul Rahman (Kawasan Kampung Gajah)

Yang Berhormat Encik Ramachandran a/l Mookiah (Kawasan Pasir Panjang)

Yang Berhormat Encik Sha'arani bin Mohamad (Kawasan Rungkup)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Khusairi bin Abdul Talib, DPMP., BSK., PPT. (Kawasan Slim)

Yang Berhormat Encik Appalanaidu a/l Rajoo (Kawasan Behrang)

Yang Berhormat Encik Ngeh Koo Ham (Kawasan Sitiawan)

Yang Berhormat Encik Nga Kor Ming (Kawasan Pantai Remis)

Yang Berhormat Encik Keong Meng Sing (Kawasan Menglembu)

Yang Berhormat Encik Seah Leong Peng (Kawasan Pasir Bedamar)

Yang Berhormat Encik Su Keong Siong (Kawasan Pasir Pinji)

Yang Berhormat Puan Hee Yit Foong (Kawasan Jelapang)

Yang Berhormat Encik Chen Fook Chye (Kawasan Keranji)

**YANG TIDAK HADIR  
(dengan maaf)**

Yang Berhormat Dato' Haji Jamal Nasir bin Rasdi, DPCM., PMP., AMP., PPT.  
(Kawasan Lubuk Merbau)

Yang Berhormat Dato' Ir. Onn bin Hamzah, DPMP. (Kawasan Changkat Jong)

**YANG TURUT HADIR**

(Mengikut Fasal XLVIII, Bahagian Pertama  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
(Y.B. Dato' Abdul Hanan bin Alang Endut, DSPN., PCM.)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Y.B. Dato' Engku Nor Faizah binti Engku Atek, DPTJ., AMP.)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Y.B. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad, DPMP., PMP., PPT.)

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Encik Hasim bin Hasan, AMP., PPT., PMC., PJP.

**SETIAUSAHA :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pengumuman hari ini ialah soalan lisan saya benarkan satu jam sahaja. Yang kedua waktu rehat sembahyang Jumaat dan sempena Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dan Majlis Tahlil di Masjid Sultan Azlan Shah, kita tangguh 11.45 dan yang ketiganya kita sambung semula pada jam 3.00 petang. Terima kasih.

**I. BACAAN DOA**

(Setiausaha Dewan membaca doa)

**II. PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA**

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Tiada pengumuman untuk hari ini.

**III. SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN LISAN**

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Kuning.

**(1) Y.B. DATO' SAMSUDIN BIN HAJI ABU HASAN (AYER KUNING)**

Malaysia melahirkan 60,000 graduan setiap tahun, berikutan kadar pertumbuhan 3.2 peratus setahun dalam pasaran tenaga kerja Negara. Oleh itu, lebih banyak peluang pekerjaan diperlukan bagi menampung peningkatan jumlah siswazah dan menjadi cabaran bagi Kerajaan Pusat Khasnya malah kepada Kerajaan Negeri Perak amnya ke arah mewujudkan peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur dan rakyat. Soalannya:

- (a) Ingin tahu, sejauhmana Pelan Induk K-Ekonomi Kerajaan Negeri Perak merancang ke arah tersebut, dan
- (b) Adakah Kerajaan Negeri Perak bercadang mengujudkan Program Siswazah Tani, dengan membuka tanah-tanah pertanian milik kerajaan negeri kepada mereka, dan
- (c) Apakah insentif atau kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Dato' Yang DiPertua, sukacita Kerajaan Negeri telah merangka rancangan bagi merealisasikan matlamat sebagai negeri maju yang ekonominya berteraskan Pengetahuan (K-State) pada tahun 2015. Dalam konteks ini, K-State dimaksudkan ialah menjadikan ilmu pengetahuan sebagai modal dalam pembangunan ekonomi dan sosial negeri manakala ICT pula akan menjadi daya penggerak yang dapat menghubungkan kesemua sektor di dalam masyarakat ke arah pencapaian faedah sosial dan ekonomi maksimum. Langkah menuju ke arah K-State adalah berdasarkan visi seperti berikut :-

- (i) Kerajaan secara berkesan mampu mewujudkan jaringan dengan rakyat untuk mengambil peluang-peluang ke arah memakmurkan negeri dan menjadi perangsang kepada pertumbuhan ekonomi dan mengambil pendekatan global.
- (ii) Sistem pendidikan yang memberi peluang kepada rakyat untuk meningkatkan kemahiran dan menggunakan ilmu pengetahuan sebagai modal pertumbuhan ekonomi.
- (iii) Sistem ekonomi yang berteraskan kepada inovasi dan kreativiti dan seterusnya menjana nilai tambah yang tinggi bagi keluaran-keluaran dan perkhidmatan yang dihasilkan.
- (iv) Mengubah minda masyarakat ke arah masyarakat berpengetahuan dan kreatif yang menyokong pertumbuhan ekonomi.

Usaha ke arah itu akan menggunakan pembangunan ICT sebagai penggerak yang memancu untuk mencapai visi tadi. Untuk tujuan itu kerajaan menyediakan pelan strategik ICT negeri dan beberapa langkah daripada strategi tersebut telah dilaksanakan. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Mewujud Perak MSC Cybercenter di kawasan seluas 325 ekar di Bandar Meru Raya yang telah diluluskan secara prinsip status tersebut pada Disember 2005 yang lalu.
- (ii) Merancangkan pembangunan industri berteknologi tinggi yang memerlukan "knowledge workers" yang bakal menyerap sebanyak mungkin graduan-graduan dari negara ini.
- (iii) Menyediakan suasana kondusfi ke arah pengujudan "knowledge entrepreneurs".
- (iv) Menjadikan sektor ICT sebagai sektor ekonomi dengan memfokuskan kepada industri-industri khusus termasuk R&D&D, multimedia, shared services dan sebagainya.

- (b) Kerajaan Negeri memang mempunyai perancangan untuk mewujudkan program Siswazah Tani yang mana buat permulaan satu Sekim Ladang Mempelam Mentor-Mentee telah diwujudkan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) di Tanjung Tualang yang mana sebahagian dari pesertanya akan dipilih dari kalangan cerdik pandai yang masih menganggur atau belum mempunyai pekerjaan.
- (c) Antara insentif dan kemudahan yang ditawarkan adalah:-
  - (i) Pajakan tanah untuk tempoh 30 tahun.
  - (ii) Bantuan teknikal dari agensi seperti Jabatan Pertanian, MARDI dan Pertubuhan Peladang

- (iii) Bantuan untuk memasarkan produk.
- (iv) Kemudahan pinjaman kewangan oleh Bank Pertanian Malaysia bagi membaiayai kos projek.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Ayer Kuning.

**Y.B. DATO' SAMSUDIN BIN HAJI ABU HASAN :** Dato' Yang DiPertua, soalan tambahan saya. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu badan khas bagi menyelaras program Siswazah Tani Menganggur.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Dato' Yang DiPertua, setakat ini tidak ramai siswazah-siswazah yang ingin menceburkan diri dalam pertanian yang datang membuat tawaran kepada Kerajaan Negeri. Bagaimana pun kita ada dua, tiga beradik siswazah yang menganggur ataupun yang berjaya tetapi ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian dan mereka menamakan syarikat mereka Intan Farms dan mereka menceburkan diri dalam bidang ternakan lembu secara feed lord dan Kerajaan Negeri telah pun memberikan tanah kepada mereka. Yang satu lagi seorang anggota polis, Inspektor yang telah meletakkan jawatan dan menceburkan diri dalam tanaman mempelam. Kerajaan Negeri baru-baru ini telahpun meluluskan tanah seluas 1000 ekar. 400 ekar kepada beliau dan 600 ekar lagi kepada mentee beliau dan projek ini dijadikan projek mentor mentee mempelam dan setiap daripada cerdik pandai ini, diberi tanah seluas 5 ekar dan mereka dijanjikan seandainya berjaya mereka akan mendapat pendapatan RM7000 sebulan apabila projek ini mengeluarkan hasil.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Behrang.

**Y.B. DATO' K.R.A. NAIDU :** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Setahu saya program Siswa Tani telah lama diperkenalkan di negara ini lebih kurang 10 tahun. Saya ingin tahu apakah sambutan dari pihak siswazah untuk menyertai program ini di Negeri Perak.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Dato' Yang DiPertua, kebanyakannya mereka-mereka yang berjaya, kita tidak sedar sama ada mereka siswazah yang menganggur atau siswazah yang menceburkan diri dalam pertanian. Tapi kita juga ada seorang lagi siswazah yang bekerja dengan kerajaan, selepas itu meletakkan jawatan yang menceburkan diri dalam industri mengeluarkan benih udang di Kawasan Manjung. Beliau merupakan seorang siswazah wanita dan beliau juga telah berjaya dan Kerajaan Negeri telahpun meluluskan, saya tidak sedar sama ada telah meluluskan atau akan diluluskan kepada beliau tanah lebih kurang 30, 40 ekar untuk beliau mengusahakan industri mengeluarkan benih ternakan udang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Kuala Kurau.

**(2) Y.B. ENCIK MOHD. SALLEH BIN MAT DISA (KUALA KURAU)**

Pembahagian tanah-tanah hak milik secara faraid telah menyebabkan saiz-saiznya menjadi semakin mengecil. Hal ini telah menyebabkan tanah-tanah berkenaan tidak mempunyai nilai ekonomi untuk diusahakan dan akhirnya menjadi tanah-tanah yang terbiar dan tidak dapat dimajukan.

- (a) Apakah langkah-langkah praktikal yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Perak bagi mengatasi masaalah tersebut selaras dengan perlaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9 ).

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Kuala Kurau. Pembahagian secara faraid proses yang wajib dipatuhi kerana ia melibatkan hukum Islam. Walau bagaimanapun, semasa proses faraid dibuat Pihak Berkuasa boleh menasihati pihak-pihak yang berkenaan dan berkepentingan supaya berkompromi bagi mengelak pembahagian tanah menjadi tidak ekonomik. Bagi mengatasi daripada berlakunya tanah terbiar ekoran daripada perkara itu Kerajaan Negeri memang mengalakkan penyertaan sektor swasta dan agensi kerajaan membangunkan tanah tersebut seperti Lembaga Pertubuhan Peladang dan seumpamanya.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Behrang.

**(3) Y.B. DATO' K.R.A. NAIDU (*BEHRANG*)**

Persetujuan Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebuah jalan dari Ulu Slim ke Pos Bersih di sempadan Negeri Pahang akan menggalakkan kemajuan kawasan ini apabila ia menjadi satu lagi perhubungan darat antara Barat-Timur Semenanjung Malaysia

Apakah kemajuan cadangan projek tersebut setakat ini.

**Y.B. DATO' HO CHENG WANG :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, izinkan saya menjawab soalan ini dari Yang Berhormat Kawasan Behrang bagi pihak kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Soalan daripada Yang Berhormat tidak tepat. Jalan yang dimaksudkan ialah jalan dari Ulu Slim ke Pos Buntu.

Peruntukan jalan dari Ulu Slim ke Pos Buntu telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-9 melalui KKLW, perlaksanaannya tertakluk kepada kelulusan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Behrang.

**Y.B. DATO' K.R.A. NAIDU :** Soalan tambahan saya. Apakah kos pembinaan jalan ini ?

**Y.B. DATO' HO CHENG WANG :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut rancangan jalan ini, Kerajaan Negeri Perak melalui peruntukan dari Persekutuan akan membina jalan dari Ulu Slim ke Pos Buntu. Manakala Kerajaan Negeri Pahang akan membina jalan dari Lahat ke Pos Buntu. So, sampai itu masa di sempadan Pos Buntu dua jalan ini akan sambung sekali. Kosnya akan mengambil kos untuk Negeri Perak sebelum ini ada RM77 juta terlibat 7 buah jabatan yang sepanjang jalannya 30 km.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Dijemput Kubu Gajah.

**(4) Y.B. TUAN HAJI MOHD. JAFRI BIN HAJI MOHD. YUNUS  
(KUBU GAJAH)**

Kempen Buku Hijau akan membantu para petani meningkatkan pendapatan.

- (a) Apakah pelan tindakan Jabatan Pertanian untuk menggerakkan program ini di Daerah Larut, Matang dan Selama?
- (b) Bagaimanakah pengisian Buku Hijau untuk membangun tanah terbiar di luar bandar?

**(5) Y.B. ENCIK RAMACHANDRAN A/L MOOKIAH (PASIR PANJANG)**

Y.A.B. Perdana Menteri sudah mula memberi penekanan kepada sektor pertanian. Pelancaran semula rancangan 'Buku Hijau' jelas menunjukkan hasrat dan komitmen kerajaan.

Apakah langkah proaktif yang akan diambil oleh Negeri Perak untuk merealisasikan aspirasi ini?

**(6) Y.B. DATO' R. GANESAN (SUNGKAI)**

Kerajaan yang ada sekarang akan memberi nafas baru kepada Rancangan Buku Hijau yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun tujuh puluhan di mana pada ketika itu sektor swasta memainkan peranan penting untuk menjayakan rancangan tersebut terutamanya di sektor perladangan. Mereka mengagihkan tanah untuk pertanian *cash crop* seluas 0.5 ekar hingga satu ekar kepada setiap keluarga oleh majikan mereka untuk diusahakan.

- (a) Adakah pihak kerajaan Negeri akan menggalakkan tuan punya ladang supaya memperuntukkan tanah kepada pekerja-pekerja ladang untuk menjayakan Rancangan Buku Hijau.
- (b) Apakah jenis subsidi yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri sebagai langkah untuk menggalakkan pekerja-pekerja ladang menyertai rancangan tersebut.

**Y.B. DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN :** Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, saya menjawab soalan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Kubu Gajah, dari Sungkai dan juga Pasir Panjang. Kempen Buku Hijau yang dimulakan, yang imaksudkan adalah kempen awalan amalan bercucuk tanam untuk menggalakkan rakyat-rakyat mengeluarkan

sendiri bahan makanan harian. Kempen ini diharapkan akan dapat mewujudkan kesedaran rakyat terutamanya di taman-taman perumahan dan perkampungan tersusun terhadap makanan segar yang berkhasiat dan selamat di makan. Kempen Buku Hijau ini terdiri dari tiga komponen iaitu tanaman untuk bercucuk tanam, ternakan dan juga akuakultur. Bagi komponen makanan ianya berkoncepkon kepada *kitchen garden* atau *edible landscape* dengan izin. Terdiri daripada sayur-sayuran, daun dan buah, herba dan juga ulam-ulaman. Komponen ternakan meliputi aktiviti pemeliharaan haiwan, unggas untuk daging dan telur dan komponen akuakultur melibatkan ternakan ikan dalam tangki canvas atau sangkar dan juga pelepasan benih-benih ikan dalam kawasan pengairan umum.

Bagi memastikan kejayaan kempen ini, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan seperti berikut :-

- (i) menubuhkan jawatankuasa peringkat negeri yang akan dipengerusikan oleh EXCO Pertanian dan juga dengan YAB Menteri Besar sebagai penasihat.
- (ii) menubuhkan jawatankuasa peringkat daerah yang akan dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah.
- (iii) mengenalpasti lokasi pasaran setiap daerah sekurang-kurangnya 1000 rumah tiap-tiap daerah.
- (iv) menyediakan pelan pelaksanaan iaitu perasmian dan publisiti, pameran dan promosi termasuklah pertandingan dan latihan dan selepas itu diadakan program pemantauan.

Kejayaan kempen ini juga bergantung kepada dari pelbagai pihak sama ada agensi pelaksana atau individu yang terlibat. Dalam hal ini juga Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dengan menggalakkan tuan punya ladang supaya memperuntukkan tanah secara guna sementara atau sewaan kepada pekerja-pekerja ladang mereka untuk menjayakan rancangan Buku Hijau ini. Dengan kerjasama dan sikap toleransi semua pihak yang terlibat hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat penglibatan dari semua peringkat bagi menjayakan kempen ini akan lebih mudah menjadi kenyataan. Di peringkat daerah program ini akan diatur dan dilancarkan oleh Pegawai Daerah dan di peringkat negeri pelancarannya akan diadakan sempena Hari Peladang bulan Julai akan datang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Kubu Gajah.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. JAFRI BIN HAJI MOHD. YUNUS :** Terima kasih Dato' Yang DiPertua, soalan saya ialah soalan tambahan. Apabila rancangan ini digerakkan di semua peringkat saya berpendapat bahawa akan terdapat hasil-hasil yang begitu banyak dan akan berlaku lambakan hasil pertanian ini di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu umpamanya memasarkan bahan-bahan yang terdapat ini ke pasaran-pasaran terbuka di kawasan-kawasan kita ini.

**Y.B. DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN :** Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi kempen ini adalah untuk Kempen Amalan Bercucuk Tanam untuk menggalakkan rakyat mengeluarkan sendiri bahan makanan

harian. Jadi bukanlah satu kempen untuk mengamalkan tanaman untuk pasaran keluar daripada rumah mereka supaya ianya dapat mengurangkan beban tanggungan mereka dari segi perbelanjaan harian dan juga ini akan mengurangkan beban mereka kerana kenaikan minyak dan sebagainya.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Trong.

**Y.B. ENCIK ROSLI BIN HUSSIN :** Dato' Yang DiPertua, apabila disebut soal pertanian memang sinonim dengan penduduk-penduduk di luar bandar. Dalam perkara ini maka pertanian harus memainkan peranan penting untuk meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan luar bandar. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan yang sehingga pada hari ini saya lihat tidak berkesan. Berkenaan dengan tanah-tanah yang masih banyak terbiar di dalam kawasan-kawasan kita. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN :** Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, soalan dari Yang Berhormat Trong adalah mengenai tanah-tanah terbiar tetapi yang sebenar soalan sekarang ini ialah mengenai kempen Buku Hijau yang sebenar bercorak bukan macam dulu seperti yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak tetapi ianya coraknya lain sedikit dari segi ianya berkehendakkan penduduk-penduduk di pekan dan juga di tanah rancangan perkampungan dan sebagainya di sekitar sana supaya mengamalkan tanaman tak payah tanam bunga, tanam buah-buahan singkat, tanam sayur-sayuran supaya mereka tidak payah ke pasar untuk membeli sayur dan sebagainya. Apabila mereka berbuat demikian mereka akan dapat mengurangkan perbelanjaan mereka ratusan ringgit setiap bulan dan bagi forum tanah terbiar itu saya akan jawab di masa yang lain jika ada.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Pantai Remis.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Terima kasih banyak-banyak Tuan Speaker. Tadi jawapan wakil kerajaan sangat sedap didengar di mana dikatakan Kempen Buku Hijau menggalakkan penduduk-penduduk di pekan supaya mengusahakan industri asas tani, bercucuk tanam dengan akuakultur dan sebagainya. Soalan saya bagaimanakah wakil kerajaan seperti Yang Berhormat boleh menjamin kepentingan petani-petani apabila mereka telah pun menerokai tanah tersebut mereka diberikan jaminan supaya dapat terus berusaha. Seperti contohnya taman pertanian melon di Tambun. Tanah sendiri dipohon oleh Yang Berhormat sebanyak 60 hektar, telah dijual RM5 juta habis. Satu kes lagi Tanah Hitam di Chemor, 98 ekar apabila mereka bercucuk tanam, 100 tahun mereka dihalau keluar.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Soalan.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Kolam untuk menternak ikan hiasan di Gopeng, nasib mereka juga tidak terjamin. Soalan saya bagaimanakah dengan wakil kerajaan untuk memelihara kepentingan petani-petani dan soalan kedua adalah di bawah RMK 9 kerajaan telah memperuntukan RM14.1 billion untuk membangunkan industri asas tani. Bagaimanakah ini membawa manfaat kepada negeri Perak.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Jawab yang penting saja. Yang tak penting jangan jawab.

**Y.B. DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN :** Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, dia boleh jalan lagi, saya boleh dengar tak ada masalah. Soalannya mengenai pemeliharaan petani-petani, keduanya mengenai industri asas tani. Soalannya ialah Buku Hijau. Tak kena mengena langsung dengan petani sebabnya Buku Hijau ni adalah untuk mereka yang tinggal di rumah mereka. Bila nak bercucuk tanam kita tak payah nak pikir lagi berekar-ekar tanah. Di kawasan rumah kita, kita boleh tanam cili melalui polybag. Kalau tanah kita 50 x 90 kita boleh tanam 400 polybag cili... (GANGGUAN)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Saya rasa wakil kerajaan telah salah konsep Buku Hijau.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Sila duduk Pantai Remis.

**Y.B. DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN :** Tuan Yang DiPertua saya tidak akan menjawab mengenai pertanian atau industri asas tani. Saya akan jawab lain kali.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih. Pasir Bedamar. Soalan.

**(7) Y.B. ENCIK SEAH LEONG PENG (PASIR BERDAMAR)**

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar :-

- (a) Apakah langkah baru yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakmilik tanah tapak rumah di Kampung Baru Cina ?
- (b) Berapakah jumlah bilangan permohonan hakmilik tanah yang bertangguh ? Sila pecahan mengikut daerah.
- (c) Berapakah jumlah bilangan permohonan hakmilik tanah bagi tapak rumah telah dikeluarkan ? Sila pecahan mengikut daerah.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar :-

- (a) Apakah langkah baru yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakmilik tanah tapak rumah di Kampung Baru Cina ?
- (b) Berapakah jumlah bilangan permohonan hakmilik tanah yang bertangguh ? Sila pecahan mengikut daerah.
- (c) Berapakah jumlah bilangan permohonan hakmilik tanah bagi tapak rumah telah dikeluarkan ? Sila pecahan mengikut daerah.

**Y.B. DATO' TAN CHIN MENG :** Dato' Yang DiPertua, izinkan saya menjawab soalan ini dari Yang Berhormat Kawasan Pasir Berdamar. Untuk soalan (a) untuk memudahkan proses pemberimilikan semula hakmilik tanah kampung baru, Kerajaan

Negeri telah bersetuju menurunkan kuasa sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah bagi menimbangkan permohonan-permohonan tanah tersebut.

Untuk jawapan (b) dan (c) rujuk kepada jadual di bawah:

Bil.	Daerah	Hakmilik Kg. Baru Cina Yang Telah Dikeluarkan	Hakmilik Kg. Baru Cina Yang Di dalam Proses
1.	Hulu Perak, Gerik	279	-
2.	Pengkalan Hulu	238	-
3.	Lenggong	62	27
4.	Larut, Matang dan Selama	192	196
5.	Selama	169	17
6.	Batu Gajah, Kinta	4,575	191
7.	Ipooh, Kinta	11,707	2,591
8.	Kampar, Kinta	1,480	193
9.	Kuala Kangsar	1,028	16
10.	Sungai Siput	2,025	-
11.	Manjung	584	6
12.	Tapah, Batang Padang	402	522
13.	Slim River, Batang Padang	969	-
14.	Hilir Perak	1,526	199
15.	Kerian	Tiada Kg. Baru Cina	Tiada Kg. Baru Cina
16.	Seri Iskandar, Perak Tengah	Tiada Kg. Baru Cina	Tiada Kg. Baru Cina
17.	Kg. Gajah, Perak Tengah	Tiada Kg. Baru Cina	Tiada Kg. Baru Cina
	<b>JUMLAH :</b>	<b>24,957</b>	<b>3,749</b>

Data ini sehingga 9.12.2005.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Pasir Pinji.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG** : Terima kasih Dato' Yang DiPertua. Dato' Yang DiPertua, pada sessi mesyuarat dewan yang lalu, wakil kerajaan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Manong ada mengatakan proses pengeluaran hak milik adalah dalam tempoh satu tahun daripada pembayaran premium. Tapi daripada jawapan wakil kerajaan sekarang ini terdapat begitu banyak hakmilik-hakmilik yang belum dikeluarkan. Daerah Kinta sahaja lebih daripada 2000 hakmilik belum dikeluarkan. Di kawasan Kampung Baru Pasir Pinji, Gunung Rapat, seluruh Ipoh, mengalami masalah ini. Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dengan kadar segera. Kalau masalah ini tidak diatasi, kita rasa hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai setinggan sifar pada bila-bila masa tidak akan tercapai sebab begitu banyak yang memohon hakmilik, tidak dikeluarkan. Hakmilik mereka adalah disifatkan sebagai setinggan. Jadi bagaimana kerajaan akan menyelesaikan masalah setinggan sifar sekiranya mereka yang pohon hakmilik berpuluh-puluh tahun tidak diberi hakmilik tersebut.

**Y.B. DATO' TAN CHIN MENG :** Dato' Yang DiPertua, sebenarnya data-data yang saya diberikan tadi adalah sehingga 9 Disember 2005, sebenarnya pada tempoh itu hakmilik yang dalam proses hanya 13% dari jumlah permohonan sahaja dan atas sebab-sebab permohonan ini tidak dapat diselesaikan dengan segera atau dengan secepat mungkin adalah ada dua sebab yang tertentu iaitu pihak penghuni gagal untuk membuat pemanjangan notis 5A walaupun surat telah dihantar. Yang kedua berlaku kematian pemilik asal di mana Pejabat Tanah telah menasihatkan waris untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu kepada sesiapa pengeluaran untuk hakmilik yang boleh dibuat ia memerlukan masa agak panjang juga.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG :** Dato' Yang DiPertua, saya rasa wakil kerajaan tidak menjawab soalan saya. Soalan saya adalah bagaimana dengan mereka yang telah membayar premium. Kita ada banyak contoh, premium dibayar pada tahun 2004 ataupun lebih awal tapi hingga hari ini hakmilik masih tidak dapat dikeluarkan. Apakah sebabnya ? itu soalan saya dan bagaimana kerajaan boleh mencapai hasrat sifar setinggan sekiranya perkara begini berlaku. Itu soalan saya.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih. Dalam proses, dia kata tadi.

**Y.B. DATO' TAN CHIN MENG :** Dato' Yang DiPertua tadi sebab-sebab saya telah terangkan disini tadi tetapi untuk saya adalah sebut tentang dia punya data sehingga Disember maka sampai hari ini sudah tiga bulan. Sebenarnya ini hakmilik yang dalam proses sudah diselesaikan dengan begitu banyak. Tetapi bagi pihak kerajaan memang ini kita selesaikan dengan serta-merta. Sampai hari ini saya kira hampir lebih rendah atau lebih kecil peratusan-peratusan yang ada.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih. Sitiawan.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM :** Terima kasih Dato' Yang DiPertua, soalan tambahan saya adalah kenapakah pihak Kerajaan Negeri tidak meneruskan diskaut premium 50% untuk mereka yang memohon lanjutan pajakan 99 tahun dan 70% diskaut premium bagi mereka yang memohon pajakan lanjutan selama 60 tahun kerana ini tidak saksama kepada mereka yang belum memohon sebelum ini kerana pihak Pejabat Tanah tidak membernarkan mereka yang pajakan belum habis ataupun *within 5 years* dengan izin dan bakinya mestilah kurang daripada lima tahun baru mereka dibenarkan memohon semasa kempen premium iaitu untuk gimik pilihanraya lah dijalankan. Saya nak tanya adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan diskaut berkenaan supaya berlaku adil dan saksama kepada semua rakyat jika hendak memohon lanjutan pajakan.

**Y.B. DATO' TAN CHIN MENG :** Dato' Yang DiPertua, sebenarnya kerajaan Negeri Perak memang adalah sebuah kerajaan yang berperihatin, bertanggungjawab. Ini memang Ahli-Ahli Yang Berhormat memang mengetahui dengan status ini dan untuk pengurangan kadar premium Kampung Baru akan sentiasa dikaji dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Saya berpendapat Kerajaan Negeri akan kaji serta menimbangkan perkara tersebut.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih. Batu Kurau.

**(8) Y.B. KAPT. (B) NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)**

Tidakkah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membeli tanah-tanah estet untuk membina pusat-pusat pendidikan atau sebagainya di Batu Kurau ?

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Dato' Yang DiPertua, saya mohon menjawab soalan dari Batu Kurau. Jabatan Pelajaran Perak dalam RMK 9 mempunyai perancangan untuk membina sebuah sekolah menengah di kawasan Batu Kurau Daerah Larut Matang dan Selama. Tanah yang terlibat dengan pengambilalihan ini ialah tanah individu bukannya tanah estet. Kawasan yang terlibat untuk didirikan sekolah ialah Kg. Perak, Batu kurau yang melibatkan kawasan seluas 8 hingga 10 ekar. Projek pembinaan sekolah menengah ini menelan belanja sebanyak RM 8.5 juta.

Pembinaan sekolah ini melibatkan murid-murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima dan meliputi sebanyak 18 bilik darjah. Para pelajar yang kaan belajar di sekolah baru ini yang tinggal di sekitar Batu Kurau dan juga kawasan berdekatan.

Di peringkat awal pembukaan, Jabatan Pelajaran Perak menjangkakan seramai 300 hingga 400 orang murid yang akan terlibat iaitu yang terdiri daripada murid-murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat. Jabatan pelajaran perak belum dapat memastikan tarikh sebenar untuk pembinaan sekolah menengah berkenaan, dan berkemungkinan pada tahun 2006 atau awal 2007.

Manakala soalan yang berkaitan dengan sama ada kerajaan Negeri berhasrat untuk mendapatkan untuk memiliki tanah-tanah estet untuk dijadikan Pusat Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membeli mana-mana estet untuk dijadikan Pusat Pengajian Tinggi. Ini memandangkan pusat-pusat Pengajian Tinggi Awam khususnya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, sekiranya ada cadangan daripada Yang Berhormat Batu Kurau khususnya untuk mengesyorkan supaya diwujudkan sebuah Institusi Pengajian Tinggi seperti Kolej Komuniti maka pihak kerajaan mengalu-alukan cadangan itu dan kita bersedia untuk memanjangkan cadangan tersebut kepada pihak Kerajaan Pusat.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Pantai Remis.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Terima kasih Dato' Yang DiPertua, pihak kami berasa bersyukur kepada segala keprihatinan yang ditunjukkan oleh wakil kerajaan. Saya ada dua soalan, soalan pertama saya adalah mengenai pendidikan, bagaimanakah kerajaan akan mengatasi masalah kesesakan bilik darjah khususnya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina di bandaraya Ipoh seperti Avi Maria, Sam Chai, Sam Tet. Di mana satu bilik darjah menampung lebih kurang 41 hingga 55 orang. Ini adalah jauh melepas paras yang ditetapkan oleh standard piawai Kementerian Pendidikan dan masalah kekurangan guru yang berlarutan lebih kurang 40 tahun di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Seluruh Malaysia kurang lebih kurang 3000 orang tetapi di Sekolah Kebangsaan, guru-guru berlebihan 6000 orang. Bagaimanakah masalah ini boleh berlaku. Soalan kedua saya adalah tentang pembangunan. Pembangunan Universiti dalam negeri Perak. Apa sudah berlaku kepada universiti yang diura-ura akan dibina bagi people progressive (pp) di mana mendapat peruntukan 100,000 dari Kerajaan Negeri, apa sudah berlaku? Kerana Kementerian Pendidikan pernah mengatakan adalah tanpa izin,

tidak ada lesen untuk universiti. Sudah bagi RM100,000 angpau untuk PPP buat apa? Apakah sudah berlaku dengan tapak tersebut.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Jawab yang penting sahaja.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Sebab Pantai Remis bertanya satu soalan. Saya mengakui soalan yang pertama tadi bagus, soalan yang kedua kurang bagus. Soalan yang pertama itu memang diakui dalam pendidikan khususnya di dalam bilik-bilik darjah memang kita menghadapi masalah dari segi kepadatan dan dalam RMK 9 memang kerajaan sedang merancang untuk mengurangkan masalah kesesakan ini. Ini bukan hanya berlaku untuk Yang Berhormat Pantai Remis tapi yang berlaku di Kawasan Ipoh. Memang kita mengakui itu. Begitu juga di kawasan Manjung, contoh juga menghadapi masalah yang sama. Jadi kerajaan memang akan mengambil tindakan untuk kita atasi masalah tersebut. Kita selesaikanlah. Maksudnya kita akan perbanyak sekolah lagi...bilik-bilik darjah dan termasuk di kawasan-kawasan yang berkenaan sebagai contoh kawasan-kawasan yang menghadapi kepadatan bilik darjah sebagai contoh Manjung.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Jawapan yang betul..akan mengatasi.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Tapi dia ni memang macam tu..tapi tak apa lah *satisfied* dia.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Apa yang akan dilakukan?

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Saya dah cakap tadi. Apa yang akan dilakukan, kerajaan akan mengambil tindakan. Itulah apa yang akan dibuat...(GANGGUAN)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Ini jawapan macam tak jawab.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Pantai Remis fahamlah tu..akan ambil tindakan.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Masalahnya you tak faham. Nanti kejap saya nak jawab soalan lagi satu ialah sebagai contoh, ini satu lagi jawapan *the second point that I want to put it to you* iaitu di kawasan yang mempunyai kepadatan pelajar-pelajar kita ambil contoh di Daerah Manjung. Terdapat sekolah menengah yang mempunyai kepadatan pelajar dan kerajaan mencadangkan supaya diwujudkan sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan yang berkenaan. Dengan sendirinya ia dapat mengelak masalah kesesakan yang berlaku di dalam bilik-bilik darjah dan ini memang ada dalam RMK 9.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Bagi soalan yang .....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Soalan tu dah lari pada tajuk.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Soalan tentang people ni...(GANGGUAN)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Tadi wakil kerajaan kata di bawah RMK 9 akan ada sekolah baru. Di bawah RMK9 kerajaan akan membina 180 sekolah baru ....(GANGGUAN) berapakah sekolah baru akan dibina dalam negeri Perak?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Dijemput Trong buat soalan.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Wakil kerajaan belum habis lagi jawab....(GANGGUAN) ibu bapa-ibu bapa, murid-murid sekolah berminat nak dengar .....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA** : Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Trong.

**(9) Y.B. ENCIK ROSLI BIN HUSIN (TRONG)**

Perak akan menjadi sebuah negeri maju pada tahun 2015 oleh itu apakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Agama Islam Perak untuk meningkatkan penghayatan Islam dikalangan remaja masa kini sebagai pewaris dalam mengimbangi keadaan sosial masa kini yang kian mencabar.

**Y.B. DATO' HJ. MOHD. ZAIM BIN HJ. ABU HASAN** : Dato' Yang DiPertua, izin saya menjawab soalan Ahli daripada Trong. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Perak telah dan sedang merancang beberapa program bagi meningkatkan penghayatan Islam kepada para remaja sebagai pewaris masa depan dalam mengimbangi keadaan sosial masa kini yang kian mencabar iaitu seperti berikut :-

- (a) Program Pembangunan Modal Insan dan Modal Budaya iaitu satu program yang bertujuan agar para remaja mengimarahkan masjid dan menjadikan masjid sebagai sebuah pusat pembangunan insan dan perkembangan ilmu.
- (b) Program meningkatkan kualiti diri para remaja agar cintakan masjid, memantapkan kekuatan diri bagi menghadapi cabaran hidup remaja dan melahirkan pelapis muda yang mampu mentadbir dan memajukan negeri. Program ini akan dijalankan oleh semua 16 Pejabat Agama Daerah dalam Negeri Perak.
- (c) Program Sinar Damai iaitu program bersama Badan NGO (PENDAMAI) Persatuan Bekas Penagis Dadah bertujuan:-
  - (i) Mengenal Allah sebagai pencipta dan mengenap diri sebagai seorang insan di samping mengetahui tujuan Allah menjadikan manusia.
  - (ii) Mengembalikan keyakinan diri sendiri dan kepada masyarakat dan keluarga untuk terus berjaya dalam kehidupan di samping bersedia menghadapi cabaran-cabaran serta pahit getir ketika mengharungi pemulihan dalam situasi sebenar.
  - (iii) Berkongsi pengalaman dengan bekas pengguna dan mereka yang berusaha untuk melepaskan diri daripada dadah dengan konsep "Bimbingan Kepulihan Rakan Sebaya".

- (d) Program Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini menjadikan remaja sebagai fokus utama.
  - (e) Program Dakwah di kilang. Sasarannya ialah:-
    - (i) Pekerja kilang
    - (ii) Pekerja kilang yang tinggal di asrama
- Pengisiannya ialah:-
- (i) Kuliah agama harian/mingguan. Kelas Fardhu Ain – Akidah, Fekah, Akhlak.
  - (ii) Ceramah Bulanan/Tahunan
  - (iii) Klinik rundingan/Klinik konflik
  - (iv) Aktiviti kesepakatan

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Trong.

**Y.B. ENCIK ROSLI BIN HUSSIN :** Dato' Yang DiPertua, soalan tambahan saya seperti yang mana kita tahu bermakna Jabatan Agama Islam sekarang ni adalah sebuah jabatan yang amat penting untuk sama-sama menangani masalah sosial yang dihadapi oleh anak remaja kita. Soalan saya adakah pihak kerajaan sedar bahawa jumlah kakitangan yang terdapat di Jabatan-Jabatan Agama Islam daerah-daerah adalah amat berkurangan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah kakitangan Jabatan Agama Islam di daerah-daerah.

**Y.B. DATO' HJ. MOHD ZAIM BIN HJ. ABU HASAN :** Kerajaan sedar perkara ini dan tindakan-tindakan sedang diambil.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Kampung Gajah.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN :** Dato' Yang DiPertua, keadaan yang berlaku pada hari ini menunjukkan kegagalan kita dan dukacita saya kalau terpaksa menyebut kegagalan Jabatan Agama Islam Perak untuk melalui program keagamaan untuk membangunkan ekonomi sahsiah dan juga mengatasi masalah sosial di kalangan masyarakat kerana masalah yang berleluasa pada hari ini dapat *louder than words* dia mengatakan masalah yang begitu serius dalam masyarakat. Saya ingin tanya pihak kerajaan kenapa tidak kita melihat kepada masalah kepimpinan di peringkat jabatan dan juga di peringkat jawatankuasa masjid kerana saya fikir kepimpinan di peringkat jawatankuasa masjid dan juga Jabatan Agama akan membekukan arah tuju program yang akan dilakukan. Kita tak boleh pada cara lama. Kita dapat khutbah-khutbah di masjid tidak membantu untuk membangunkan satu masyarakat yang *progressive* yang boleh keluar daripada gejala sosial yang boleh membangunkan ekonomi, masyarakat. Kita mahu khutbah-khutbah ini atau forum keagamaan, program-program ilmiah, di peringkat masjid mesti mendorong ke arah ini. Ini patutnya berlaku.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Soalan.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN :** Kenapa perkara ini berterusan berlaku dan tindakan tidak diambil. Masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Trong tadi soal kekurangan kakitangan. Ini satu aspek sahaja. Ramai kakitangan pun kalau tak ada kualiti, tidak ada kepimpinan, tidak ada inisiatif, tidak ada wawasan, tidak ada

komitmen, tidak ada keikhlasan dalam perjuangan, tidak ada akan membawa kepada kemajuan. Saya pernah bercakap kepada jawatankuasa kumpulan imam-imam baru-baru ini, kita mahu imam-imam dan jawatankuasa masjid mendorong, memberikan motivasi yang membawa ke arah kemajuan bukan syarahan-syarahan agama yang tidak membawa kesan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Soalan. Soalan terus.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN :** Jadi oleh kerana masalah ini masalah besar, akan menentukan kehidupan umat Islam yang akan menentukan masa depan bangsa melayu yang beragama Islam jadi saya harap pihak kerajaan terutama Jabatan Agama Islam perlu membuat tindakan untuk mengambil satu langkah betul-betul berkesan ke arah ini. Sekian.

**Y.B. DATO' HJ. MOHD ZAIM BIN HJ. ABU HASAN :** Dato' Yang DiPertua, Kerajaan menyedari tentang soalan yang dibangkitkan oleh Kampung Gajah dan masalah sosial yang berlaku pada hari ini bukan hanya tugas Jabatan Agama bahkan semua pihak kena mainkan peranan bagi menentukan supaya masalah kebejatan sosial ini dapat diatasi dan dikurangkan pada masa akan datang. Berkaitan dengan jawatankuasa masjid semua program-program di masjid sedang dipantau oleh JAIP dan semua imam-imam mesti membaca khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam. Malah jawatankuasa qariah masjid sedang diteliti dan disemak oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Tentang khutbah-khutbah dari masa ke semasa khutbah-khutbah akan disesuaikan dengan keperluan dan kadar semasa. Terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Sungai Rapat.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN :** Terima kasih. Soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya pada wakil kerajaan sama ada wakil kerajaan sedar, bercakap pasal masalah sosial di kalangan remaja, adakah wakil kerajaan sedar remaja yang berambut punk dan saya difahamkan sudah ada tawaran-tawaran seks di dinding-dinding, di tangga-tangga, menaiki ke Parkson tu. Jadi, saya nak tanya soalan pertama adakah pihak kerajaan sedar akan kegiatan ini. Yang kedua apakah tindakan yang diambil atau perlu diambil.

**Y.B. DATO' HJ. MOHD ZAIM BIN HJ. ABU HASAN:** Dato' Yang DiPertua, perkara-perkara seperti ini mungkin ada berlaku tapi ada kemungkinannya laporan-laporan tidak disampaikan kepada jabatan. Walau bagaimanapun, jika ini merupakan satu perkara yang boleh merosakkan mereka maka jabatan bersedia untuk membuat tinjauan dan pemantauan terhadap perkara ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Keranji.

**(10) Y.B. ENCIK CHEN FOOK CHYE (KERANJI)**

Menanya pihak Kerajaan:

- (a) Berapakah peruntukan yang telah diuntukan kepada Kebajikan Masyarakat di Negeri Perak dan Daerah Kinta Selatan bagi tahun 2005?

- (b) Adakah Kerajaan Negeri Perak ingin menambahkan peruntukan kepada Kebajikan Masyarakat tersebut bagi tahun 2006?
- (c) Jika ada, berapakah kos pertambahannya?

**Y.B. DATO' SITI SALMAH BINTI MAT JUSAK :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Keranji bagi pihak kerajaan.

Pada tahun 2005 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM11,200,000.00 untuk bayaran bantuan termasuk geran kepada NGO's. Daerah Kinta telah menerima peruntukan sebanyak RM1,594,800.00 bagi menampung kelulusan bantuan kewangan.

Bagi tahun 2006 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM12,050,000.00 dan Daerah Kinta telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,529,500.00 (agihan awal).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah menerima tambahan peruntukan sebanyak RM850,000.00 bagi tahun 2006 berbanding pada tahun 2005.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Trong.

**Y.B. ENCIK ROSLI BIN HUSSIN :** Dato' Yang DiPertua saya ingin membuat soalan tambahan. Di dalam masalah pemberian bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini saya ingin bertanya bagi pihak kerajaan adakah kerajaan akan hanya memberi bantuan ini, hanya kepada anak-anak yang menyokong Barisan Nasional kerana kita dapatiti bahawa pihak pembangkang selama hari ni tak pernah berterima kasih dengan apa bantuan yang diberikan walaupun penyokong mereka sendiri. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang perkara ini.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Ini soalan kurang bijaklah.

**Y.B. DATO' SITI SALMAH BINTI MAT JUSAK :** Dato' Yang DiPertua soalan ini amat bijak untuk kesedaran pihak pembangkang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Sila. Sila.

**Y.B. DATO' SITI SALMAH BINTI MAT JUSAK :** Betapa..nanti saya jawab. Adilnya kerajaan Barisan Nasional kerana dari segi bantuan kita tidak pernah mengambil kira khasnya saya ingat Y.B. Jelapang pun faham apa maksud saya. Semua bantuan diberi secara rata, secara adil dan bantuan juga diberi atas pelbagai kategori dan pelbagai pihak yang memerlukan. Jadi setakat ini tidak ada bantuan yang dikhaskan untuk orang Barisan Nasional sahaja tetapi pihak pembangkang juga menerima keuntungannya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Sungai Rapat.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Sapa punya wang ? wang....(GANGGUAN)

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN :** Dato' Yang DiPertua, saya juga berterima kasih pada pihak kerajaan yang memberikan satu proses keadilan kepada semua walau pun ada pihak yang tidak berpuas hati. Soalan saya kita juga turut berterima kasih, kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang banyak mengeluarkan peruntukan, bantuan terutama kepada golongan-golongan miskin tetapi saya dimaklumkan bantuan-bantuan ini agak lewat dan bantuan untuk tahun ini daripada bulan Januari tahun ini masih tidak diterima oleh penerima-penerima bantuan jadi saya rasa perkara ni patut kita tangani dengan bijak kerana mereka ni merupakan orang-orang miskin yang perlukan bantuan dan tidak kiralah awal tahun ke hujung tahun, bantuan perlu diberikan setiap hujung bulan.

**Y.B. DATO' SITI SALMAH BINTI MAT JUSAK :** Dato' Yang DiPertua, untuk makluman, bantuan kita telah dikaji semula bagi menambahkan jumlah bantuan yang layak diberikan pada pihak-pihak yang menerima. Oleh kerana RMK 9 baru dilancarkan begitu juga dengan bajet bagi Negeri Perak bagi peruntukan negeri juga belum diturunkan peruntukan. Jadi kita mengambil kira tambahan yang akan diberi. Walau bagaimanapun, peruntukan atau bantuan bagi Januari ada jenis kategori yang kita telah sampaikan tapi khasnya daerah Kinta saya amat memahami, semalam saya dah baca surat khabar India tapi saya tak faham baca, tengok gambarlah. Di mana saya dapat maklumat bahawa daerah Kinta ada masalah dari segi penerimaan yang begitu hebat. Paparan di akhbar semalam sebenarnya itu hanya untuk bulan Januari. Oleh kerana permohonan yang diminta tu lambat, kelulusan lambat jadi Januari dia dapat dalam bulan Februari, yang Februari dia bawa ke belakang lah. Lambat. Dari segi sistem pembayaran itu sebenarnya kita buat penyelarasian tapi walau bagaimanapun mungkin ada maklumat yang lambat sampai dan menyebabkan kelambatan pihak pengurusan menyelesaikan masalah ini. Jadi itu masalah kelulusan yang memang ada dimana-mana yang kita cuba atasi.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN :** Masalahnya saya ada kes yang memang dah dapat surat kelulusan dalam bulan November tahun sudah. Tapi sehingga kini masih tidak mendapat bantuan jadi kes-kes ini yang saya cuba ketengahkan kerana mereka ini orang miskin memerlukan bantuan tiap-tiap bulan. Jadi masalah kita penyelarasian, masalah peruntukan, ini harus ditangani kerana kalau soal-soal lain kita boleh bertolak ansur. Ini bantuan nak bagi diaorang makan jadi tak boleh nak tolak ansur.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih. Kita pergi ke Selama. Sekali lagi.

**(11) Y.B. TUAN HAJI MOHD. DAUD BIN HAJI MOHD. YUSOFF (SELAMA)**

Terdapat ramai teknokrat, usahawan-usahawan yang sangat berjaya serta saintis dan pakar-pakar tertentu yang merupakan anak Negeri Perak yang berpotensi di luar negeri ini atau di luar negara:-

- (a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menarik semua teknokrat, usaha-usahawan berjaya, saintis-saintis dan pakar-pakar dari anak negeri ini untuk kembali semula melabur atau berkhidmat di negeri ini.

- (b) Jika ada, jelaskan bidang-bidang yang telah dijalankan dan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri ini?
- (c) Dan adakah kerajaan memberikan insentif khas galakan kepada anak-anak negeri yang ingin melabur dan insentif khas kepada saintis dan pakar-pakar yang kembali ke negeri ini.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Selama, suacita dimaklumkan Kerajaan Negeri menyedari ramai teknokrat, usahawan serta pakar-pakar yang telah berjaya di luar daripada negeri ini dan cenderung untuk menyumbang balik kemahiran dan modal bagi pembangunan di negeri ini. Malah pada zaman industri bijih telah banyak mewujudkan modal di kalangan usahawan-usahawan di negeri ini dan pihak Kerajaan Negeri merangka strategi dan insentif untuk mereka kembali melabur di negeri ini.

- (a) Usaha-usaha Kerajaan Negeri telah dibuat untuk mengalu-alukan kepulangan anak negeri Perak untuk melabur ataupun untuk berkhidmat di Negeri Perak. Antara usaha tersebut ialah seperti berikut:
  - (i) Mengenalpasti usahawan-usahawan dan tenaga pakar yang telah berjaya melalui persatuan-persatuan perniagaan daripada negeri ini, alumnai dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh usahawan-usahawan berkenaan.
  - (ii) Sesi percambahan fikiran dan penerangan berhubung potensi-potensi pelaburan di negeri ini melalui persatuan-persatuan perniagaan yang ada.
  - (iii) Menyediakan suasana yang kondusif serta insentif-insentif untuk membolehkan usahawan-usahawan tersebut melabur di negeri ini termasuk pengurangan premium tanah dan kesediaan mempermodalkan premis kilang serta sokongan-sokongan yang lain.
- (b) Bidang-bidang yang telah dilaksanakan di negeri ini oleh anak-anak Perak untuk pulang dan seterusnya melabur adalah di sektor pengilangan, pelancongan, ICT dan perdagangan.

Sejajar dengan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri juga telah memberi penekanan kepada sektor perkilangan yang berintensifkan modal serta mempunyai aktiviti meningkat nilai tambah yang tinggi, pertanian bersepadu yang melibatkan teknologi tinggi, bio teknologi dan ICT.

Selain dari itu Kerajaan Negeri juga berharap anak-anak negeri Perak yang pulang untuk mengembangkan aktiviti perniagaan mereka dapat juga membantu matlamat mengwujudkan usahawan-usahawan baru atau memperkasakan usahawan-usahawan kecil dan sederhana melalui peluang-peluang perniagaan hasil dari “spin off” dari aktiviti perusahaan mereka.

- (c) Kerajaan Negeri sentiasa menawarkan beberapa insentif seperti mengadakan kawasan perkilangan, ruang-ruang perniagaan atau tanah-tanah yang boleh dibangunkan aktiviti komersial di atas dengan kadar premium yang berpatutan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Pantai Remis.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Terima kasih Dato' Yang DiPertua, semalam Yang Amat Berhormat telah memberitahu dewan ini anak-anak Perak yang berjaya, kaya-raya ramai yang tidak tinggal dalam negeri Perak. Mereka kesemuanya tinggal di Negeri Selangor. Sejauh manakah masalah pengaliran keluar usahawan-usahawan, graduan-graduan dan juga khususnya pemuda-pemudi di daerah Kampar dan daerah Kinta, banyak yang bukan sahaja bekerja di bandaraya tapi biasa kita kata mereka lompat kapal terbang. Terpaksa pergi kerja ke Jepun, Amerika Syarikat, tetapi mereka membawa balik aliran wang tunai balik ke dalam Negeri Perak. Adakah kerajaan mempunyai statistik. Berapa ramai yang mengalir anak-anak Perak yang berasal dari Negeri Perak beralih keluar dari Negeri Perak.

**Y.A. B. MENTERI BESAR :** Dato' Yang DiPertua, ini memang lumrah alam. Itulah sebabnya kalau dulu misalnya kilang elektronik dibina di Amerika, selepas itu ianya berpindah ke Jepun, selepas itu berpindah ke Korea dan Taiwan. Selepas itu ke Hong Kong, lepas itu ke Malaysia dan kini sama ada berpindah ke Filipina atau pun ke Negeri China. Ini lumrah kerana salah satu nakkan bayaran pekerja yang rendah, tetapi dari segi pekerja nakkan bayaran yang tinggi. Itulah sebabnya di negara kita ini kita ada 2 juta pekerja asing, 800,000 yang sah dan 1.2 juta yang illegal. Bukan sahaja mereka berpindah dari Ipoh ke Kuala Lumpur, yang diKuala Lumpur ini mereka berpindah. Saya tahu ramai sekali, pilot-pilot juruterbang yang berpindah termasuk anak saudara saya yang berpindah ke Abu Dhabi kerana di sana mereka dapat pendapatan RM30,000 tanpa cukai sedangkan di Malaysia mereka hanya dapat RM10,000. jadi ini lumrah. Jadi itulah sebabnya antara perkara-perkara yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan peluang pengajian di universiti seramai 200,000 orang kepada pelajar-pelajar di Negeri Perak. Kalau kita ada 200,000 orang pelajar yang belajar di Negeri Perak dan kalau mereka berkahwin di Negeri Perak mereka belajar disini mereka kenal Ipoh. Mereka kahwin dan tinggal di Negeri Perak. Saya yakin mereka juga akan buka perniagaan-perniagaan di Negeri Perak. Bagi anak-anak Perak yang berjaya, bukan saja anak Perak yang tinggal di Kuala Lumpur, kalau kita pergi ke Johor, anak-anak Johor yang berjaya, mereka tinggal di Kuala Lumpur. Anak Negeri Sembilan yang berjaya walau pun perniagaannya ada di Negeri Sembilan mereka tinggal di Kuala Lumpur. Begitu juga di Melaka tidak ramai daripada syarikat-syarikat yang ada di negeri-negeri yang ibupejabatnya ada di negeri. Itulah sebabnya kita mengucapkan tahniah kepada salah seorang hartawan kita, usahawan kita yang berjaya, dia tidak letakkan headquarters syarikatnya di Kuala Lumpur tetapi di Negeri Perak. Saya tidak ingin sebutkan namanya tapi saya ingin supaya ramai rakyat di negeri Perak mengikut contoh ini. Berjaya di negeri Perak, letakkan ibupejabat di Negeri Perak, walaupun dia sedar, dia terpaksa buka cawangan di Kuala Lumpur untuk mendapatkan pasaran-pasaran antarabangsa.

#### **IV. USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

##### **USUL MENYEMBAH UCAPAN TAHNIAH SERTA MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH UCAPAN D.Y.M.M. PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN**

**SETIAUSAHA:** Perkara yang keempat usul yang telah diberi notis. Usul menyembah Ucapan Tahniah serta menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk dulu, sampai malam baru tahu. Ahli Yang Berhormat soalannya sekarang ialah usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Selama yang berbunyi menyembah Ucapan Tahniah serta menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, seperti berikut:

"Menyembah Ucapan Tahniah serta menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

Ampun Tuanku,

Patik-patik sekelian iaitu Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan yang berhimpun di dewan ini memohon sembah menjunjung kasih atas Titah Ucapan bagi membuka dengan rasminya Penggal Ketiga, Dewan Negeri Yang Kesebelas Perak Darul Ridzuan."

Dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan usul ini kepada Dewan untuk dibahaskan. Dijemput Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI B. HJ. ISMAIL:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan kerana memberi kesempatan kepada saya mengambil peluang menyampaikan ucapan tahniah serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Begitu juga peluang Ahli-ahli Dewan berucap sehingga ke sesi petang adalah satu yang amat disanjung tinggi kepada Yang Dipertua, kerana kita membincangkan perkara penting iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan, rancangan yang amat penting dalam menentukan kedudukan masa depan negara dan negeri kita khususnya. Sebenarnya Rancangan Malaysia Kesembilan adalah merupakan jawapan kepada manifesto Barisan Nasional yang telah dikeluarkan pada Pilihanraya 2004 yang lalu. Tidak ada kumpulan yang diabaikan dan setiap rakyat akan mendapat faedah daripada pembangunan negara. Begitu juga janji BN untuk terus melaksanakan apa jua strategi bagi mencapai Wawasan 2020 yang akan meningkatkan daya saing negara, merapatkan suasana persekitaran perniagaan dengan lebih baik dan meneruskan daya mampan pengurusan fizikal. Walaubagaimanapun, semua pihak perlu terlibat di dalam memastikan rancangan tersebut mencapai kejayaan. Kerajaan boleh menyediakan kepimpinan dan kemudahan tetapi sektor swasta dan badan bukan kerajaan juga boleh membantu dengan lebih berkesan. Rancangan ini, rancangan bagi semua rakyat Malaysia untuk memenuhiinya. Ini merupakan satu tuntutan kepada rakyat untuk memenuhi Rancangan Malaysia Kesembilan. Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil berada dalam padang permainan yang sama untuk bersaing dengan kuasa-kuasa besar ekonomi seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, China, Jepun dan India.

Walaupun menghadapi saingan sengit kita bersyukur kerana Malaysia masih merupakan antara negara perdagangan utama dunia. Perangkaan tahun 2004 mencatatkan Malaysia menduduki tangga ke 18 di dunia dari segi eksport, manakala import berada di tangga ke 20 dengan jumlah dagangan import dan eksport bernilai RM882 billion. Berdasarkan laporan Dutch Bank mengenai potensi pertubuhan 34 negara maju yang sedang membangun bagi tempoh 2006 hingga 2020 Malaysia telah diiktiraf sebagai negara di antara terpantas membangun selepas India dan China. Dari segi destinasi pelaburan langsung ataupun FDI, Malaysia berada antara 15 negara utama di dunia. Dalam pada itu laporan FP daripada majalah Foreign Policy meletakkan Malaysia sebagai satu-satunya negara dari Asia yang tersenarai dalam 20 negara paling global. Walau bagaimanapun kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terus memberi penekanan kepada komponen perisian serta pembangunan modal insan agar penggunaan segala kemudahan yang telah dibangunkan sebelum ini dapat dioptimumkan. Institut Penyelidikan Ekonomi Negara, MIER menyifatkan Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai satu rancangan yang telah direka bentuk secara teliti dan berpandangan jauh sambil menekankan aspek kualitatif pembangunan berbanding dengan metIFESTASI fizikal berbeza dengan Rancangan Malaysia kelapan yang menekankan kepada perkara seperti sekarang ini penekanan kepada modal insan, penyelidikan dan pembangunan R&D, kemahiran dan pembinaan institusi yang diperlukan Malaysia. Kita boleh lihat dibahagian pembangunan modal insan dan R&D satu hala tuju bagi ekonomi untuk bergerak bagi mencapai Wawasan 2020 yang lebih tinggi lagi. Dalam hal ini sejauh mana R&D dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak, adakah kita berpuas hati dengan R&D yang kita lakukan? Ini persoalannya. Adakah kita khususnya UPEN memainkan peranan penting dalam R&D ini? Kita tahu bahawa R&D ini satu perkara yang amat penting apabila kita hendak merancang sesuatu maka kita sudah semestinya ada maklumat yang tepat supaya sasaran kita juga tepat. Seperti apabila pertanyaan disebut, ditanya berapakah peratus sebenarnya pencapaian ekuiti orang Melayu dalam agihan ekonomi Negeri Perak buat masa ini? Apakah jawapannya? Adakah kalau kita lihat setinggan-setinggan katakan ia berubah daripada masa ke semasa, apakah data sebenarnya setinggan sekarang? Apakah sebenarnya soal kemiskinan bila kita sebut garis kemiskinan sekarang ini berubah, bila berubah garis kemiskinan, maka berapakah sebenarnya orang-orang yang terlibat di bawah paras kemiskinan. Jadi adakah UPEN, atau adakah R&D ini satu yang benar-benar hebat bagi Negeri Perak. Jadi oleh itulah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sudah tentulah penekanan yang lebih, peruntukan yang lebih malah satu institusi yang lebih kukuh perlu diwujudkan bagi kita membina R&D yang mantap. Kerana kita tahu bahawa organisasi yang hebat, *business* yang baik dia menekankan kepada R&D, kerana R&D sahajalah akan dapat melanjutkan pembangunan ataupun perkembangan sesebuah organisasi sama ada organisasi itu, lebih-lebih lagi kalau organisasi kerajaan. Kalau kita lihat bahawa organisasi swasta, kita lihat banyak agensi-agensi swasta ataupun kilang-kilang bila tidak menumpukan kepada R&D walaupun kilang itu hebat dahulu kalanya maka sekarang sudah hilang daripada persaingan perniagaan. Tetapi perniagaan yang kecil agensi swasta yang kecil, kilang yang kecil akan menjadi hebat apabila dia memberi penekanan kepada R&D itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, Dari segi ICT kemajuan infrastruktur, teknologi komunikasi dan maklumat ICT dan perkembangan tenaga kerja mahir dibawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan meningkatkan daya saing dalam ekonomi digital yang kian berkembang cepat. Intel Malaysia contohnya telah mengeluarkan kenyataan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan bahawa negara ini boleh meningkatkan daya saingnya dengan meningkat naik di rangkaian nilai kepada teknologi tinggi dan

aktiviti ekonomi intensif berpengetahuan sehingga melangkaui pengeluaran. Malaysia boleh menjadi negara yang mempunyai ekonomi maju dengan menyediakan perkhidmatan berasaskan teknologi-teknologi dan inovasi. Langkah kerajaan menggalakkan kerjasama lebih luas antara institusi pengajian tinggi dan sektor swasta akan menghubungkan jurang teknologi dan meningkatkan kualiti graduan yang memasuki tenaga kerja. Saya mengesyorkan dalam hal ini bagi Kerajaan Negeri supaya pembangunan ICT di Meru Raya dihubungkaitkan dengan universiti-universiti yang berada di negeri kita khususnya Universiti Teknologi Petronas itu sendiri.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan memperuntukkan kira-kira 12.9 billion bagi perlaksanaan program dan projek berkaitan ICT. Bagi mengukur secara tepat petunjuk prestasi negara. Malaysia hendaklah melabur dalam sistem dan infrastruktur pendidikan negara yang dapat mengesan pendidikan asset modal insannya dengan semakin dekat, perlaksanaan lebih jauh, persaingan global, liberalisasi satu budaya pembelajaran sepanjang hayat hendaklah digunakan oleh rakyat Malaysia secepat mungkin. Dari sudut inilah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri apabila menceritakan tentang pembelajaran sepanjang hayat khususnya Kerajaan Negeri telah meluluskan pinjaman Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di bidang Masters, di bidang Sarjana. Saya juga mengesyorkan bahawa pinjaman ini diluaskan kepada kakitangan kerajaan khususnya pegawai-pegawai yang ingin melanjutkan dalam bidang Masters, ataupun bidang Sarjana ini bagi meningkatkan kualiti kerja mereka. Kerana kita tahu bahawa kalau kita memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaan yang sudah tentu ada pendapatannya maka sudah tentulah bayaran balik kepada pinjaman ini akan terjamin.

Tuan Yang Dipertua, Dari sudut kewangan, inisiatif yang diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan akan membantu menyediakan penyediaan perkhidmatan kewangan domestik untuk menghadapi cabaran yang akan muncul melalui lanskap kewangan yang lebih liberal. Inisiatif itu membantu mempromosikan sektor perkhidmatan kewangan untuk menempatkan Malaysia sebagai Bank Islam dan hak kewangan. Ia juga merangsang pertumbuhan sektor kewangan Islam domestik apabila dilaksanakan tadbir urus korporat lebih meluas dan penting memandangkan Malaysia sedang bergerak pantas ke arah liberalisasi dan ke arah ekonomi yang lebih terbuka. Rancangan Malaysia Kesembilan menunjukkan komitmen kerajaan dalam pelbagai aspek sektor perkhidmatan kewangan yang mana sesetengahnya sedang diberi penekanan oleh pihak bank contohnya HSBC Malaysia khususnya dalam pembangunan bah card perniagaan PKS perbankan Islam dan takaful, cadangan pembangunan industri persaraan swasta dan peningkatan peranan Labuan adalah kena pada masanya. Pembiayaan hartanah Malaysia Building Society Berhad (MBSB) mempercayai dalam komen mereka, mempercayai bahawa inisiatif pembiayaan swasta (PFI) bagi pelaksanaan projek-projek penswastaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan membantu merangsang pelaburan dalam infrastruktur. Terdapat beberapa kejutan dalam pengumuman itu di mana yang pertamanya ialah peruntukan pembiayaan RM 200 bilion bagi perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang merupakan RM 30 bilion lebih banyak daripada RM 8. Terdapat juga tambahan RM 20 bilion dari PFI baru yang akan dimasukkan dalam sektor swasta. Yang penting untuk merangsang pelaburan infrastruktur. Ini adalah sejarah dengan pandangan kerajaan bahawa sektor swasta perlu mendahului dalam pertumbuhan ekonomi. PFI yang diperkenalkan untuk lebih memudahkan penyertaan sektor swasta dalam pengurusan operasi dan penyelenggaraan. Diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha untuk memudahkan pelaksanaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan dalam negara. PFI akan memindahkan kepada sektor swasta

tanggungjawab membiayai dan menguruskan satu pakej pelaburan dan perkhidmatan yang termasuk pembinaan pengurusan penyelenggaraan, pengubahsuaian dan penggantian aset sektor awam seperti bangunan infrastruktur, peralatan dan kemudahan lain. Sektor swasta akan menerima pembayaran dalam bentuk caj-caj sewaan, pajakan dan apabila tamat tempoh konsisi itu aset dan kemudahan itu akan dipindahkan kepada orang awam. Selain itu penubuhan 3 koridor pertumbuhan Johor Selatan, Timur dan Utara akan membantu menangani perbezaan pendapatan wilayah dengan adanya keperluan untuk menyebarkan penumpuan pembangunan jauh dari Lembah Kelang ke beberapa bahagian negara ini. Dengan berbuat demikian manfaat pembangunan akan disebarluaskan kepada semua rakyat. Saya ucap terima kasih kepada kerajaan kerana dari segi koridor ini Kerajaan Negeri telah pun melaksana koridor daripada awal lagi, daripada empat lima tahun yang lalu. Yang pentingnya kita mesti melihatnya adakah ianya sudah memberi kesan atau pun sudah memberi manfaat pembangunan kepada semua rakyat atau pun limpahan kepada rakyat di sekeliling koridor-koridor berkenaan. Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga bertitah bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi nasional yang diolah oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dijadikan sandaran oleh Kerajaan Negeri Perak dalam merangka perancangan dan program pembangunan ini. Pelan strategik Perak Maju 2015 dengan memberi keutamaan kepada usaha menghapuskan kemiskinan tegar, meniadakan setinggan serta meningkatkan pendapatan per kapita rakyat adalah amat bertepatan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertama, menghapuskan kemiskinan tegar. Usaha membasmi kemiskinan tegar di bandar adalah satu perkara yang perlu dititik beratkan. Pelan strategik kemiskinan bandar dari segi peringkat Negeri Perak perlu diwujudkan segera. Ini termasuklah program yang meliputi penyediaan perumahan, penjanaan pendapatan, pendidikan serta menujuhkan pusat sejahtera sebagai sumber maklumat bagi orang miskin. Saya menyentuh soal kemiskinan di bandar kerana di kawasan saya keseluruhannya dalam pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh. Kedua, meniadakan setinggan. Difahamkan lebih 11 ribu setinggan yang masih ada di Negeri Perak samada di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan mahu pun di luar Pihak Berkuasa Tempatan. Langkah-langkah mengenal pasti data yang sebenarnya perlu dibuat, ini adalah kerana kedudukan data setinggan sentiasa berubah daripada masa ke semasa. Oleh sebab itulah penguatkuatkuasaan dan pengwujudan RPT dan rumah mampu milik perlulah selari kerana kalau ianya tidak selari maka sudah tentu kedudukan datanya akan berubah daripada masa ke semasa. Adalah dicadangkan perbanyakkan rancangan-rancangan perkampungan tersusun dan rumah mampu milik dan melibatkan agensi kerajaan, separuh kerajaan mahu pun swasta untuk bersama-sama mengatasi masalah setinggan ini. Rancangan-rancangan perkampungan tersusun boleh dibina oleh kerajaan, oleh agensi separuh kerajaan mahu pun agensi swasta, maka ini perlu dirancang dengan lebih teliti dan lebih menyeluruh bagi Negeri Perak.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Banyak lagi ke? Yang Berhormat, panjang lagi ke?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Petang boleh satu jam... takkan saya tak boleh .....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ha ni pasal ramai nak bercakap lagi ni.

**Y.B. DATO HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Petang, Yang Dipertua, adalah dicadangkan diperbanyakkan perkampungan tersusun ini dan semua pihak hendaklah disepadukan di dalam mengatasi masalah setinggan kerana kita tahu bila saya sebut setinggan ini sentiasa berubah maka semua peringkat perlu bekerjasama dalam mengatasi masalah

setinggan. Bukan sahaja di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah tetapi ia mesti turun ke peringkat akar umbi. Bukan sahaja di peringkat mukim malah di peringkat kampung kena bersatu untuk mengatasi masalah setinggan ini. JKK juga harus dalam agendanya bagaimana mereka nak mengatasi masalah setinggan. Kerana lebih tahu di kawasan mereka di tempat mereka kerana setinggan ni kadang kala bila nak membina rumah kadang-kadang mereka bina tengah malam maka sudah tentulah Pejabat Tanah tak ada tengah malam, yang ada ialah penduduk kampung ataupun JKK itu. Maka bila kita nak mengatasi masalah setinggan mesti disepakujukan seluruh peringkat untuk mengatasinya kalau tidak sudah tentu masalah untuk kita menjadikan setinggan ini setinggan sifar tidak akan dapat kita laksanakan. Begitu juga agensi kerajaan yang lain mesti terlibat dalam mengatasi masalah setinggan, bukan sahaja Pejabat Tanah, Pejabat Kebajikan, Baitulmal sebab setinggan ini ada kaitannya dengan orang miskin. Begitu juga pihak JKR, JPS perlu dilibatkan. Jadi semua agensi kerajaan perlu dilibatkan. Semua lapisan masyarakat perlu dilibatkan sekiranya kita benar-benar nak menghasilkan matlamat setinggan sifar pada masa yang akan datang.

Ketiga, meningkatkan pendapatan per kapita rakyat. Projek-projek baru yang akan diterokai oleh kerajaan seperti Hi-Tech Park, Halal Hub, Hub Biodiesel dan projek ikan laut secara bio teknologi akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan akan meningkatkan pendapatan per kapita rakyat. Walaubagaimanapun usaha-usaha membina dan membentuk rakyat supaya bekerja lebih bersungguh-sungguh seperti tidak hanya bergantung kepada satu pekerjaan sahaja, perlu dilakukan. Oleh sebab itulah tidak ada makna adanya projek-projek baru sahaja tetapi kesungguhan bekerja lebih masa tidak akan dapat mewujudkan pendapatan per kapita rakyat meningkat dengan lebih tinggi. Kita kena kerja kuat, rakyat juga kena kerja kuat, semua orang kena kerja kuat. Saya tertarik, Tuan Yang Dipertua, bila saya pergi ke Kampung Baru, Kampung Baru Cina. Saya pergi ke Kuala Kuang, saya pergi ke Kanthan Baru. Saya kata dekat *chainman* saya nak pergi untuk bersalam dengan orang ramai. Dia kata kalau nak pergi, pergi pukul 6 pagi. Saya kata kenapa 6 pagi, 6 pagi awal sangat. Dia kata pukul 6 pagilah masa yang baik untuk kita salam dengan orang ramai. Memang betul Dato' Yang Dipertua, bila kita pergi pukul 6 pagi semua dalam Kampung Baru tu telah bangun dah, rumah dah terang-benderang, yang jual kasut tepi jalan, yang minum di pasar untuk pergi kebun mereka telah mula pukul 6 pagi. Jadi kalau kita tengok dari segi produktiviti kalau pukul 6 pagi kita pukul 8 pagi. Maka 2 jam kita lewat daripada mereka. 2 jam kali dengan 6 hari, 1 minggu, 2 kali 6, 12 jam kali dengan 4 minggu, 48 jam bersamaan 2 hari. 2 hari kali dengan 12 bulan, 24 hari bermaknanya produktiviti mereka 24 hari lebih tinggi daripada orang yang bukan Cina. Jadi ini satu perkara yang perlu kita bina dalam masyarakat kita. Kalau kita nak maju, kita nak tingkat ekonomi kita maka kita kena kerja kuat. Jadi ini sudut-sudut yang kita boleh belajar antara satu sama lain, dan kita juga kena ikut ada benda-benda positif di kalangan bangsa lain, orang Melayu yang agak berbaik sangka, suka keadaan harmoni dan sebagainya. Jadi saya, tidaklah bermaksud saya nak kata benda ini umum berlaku tetapi keadaannya begitu. Kita jangan prasangka buruk, saya tidak bermaksud kepada kesemua orang Cina tetapi kalau kita lihat macam ADUN Pantai Remis, dia bersangka buruk, kerana apa? Dan dia pulak boleh bertanya soalan kepada kita orang perempuan agama Islam boleh kahwin dua tak? Ada ke patut? Ini tak betul. Ini salah tuan-tuan dan puan-puan. Ini tidak menjaga harmoni.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Boleh mintak laluan?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Semalam....

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Jangan cakap yang bukan-bukan. Jangan putar-belit. (Gangguan)

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Sila duduk, dua-dua. Pantai Remis. (Gangguan). Pantai Remis.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** ..... kita tanya tentang rang undang-undang Islam yang telah diluluskan oleh parlimen. (Gangguan)

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan, Manjoi. Teruskan Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saudara mempersendakan agama.....

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Kita nak pertahankan hak wanita di mana suami nak berkahwin isteri kedua kena mendapat kebenaran isteri pertama. Adakah.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pantai Remis, duduk. Teruskan Manjoi. (Gangguan).

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya dengar, semalam semua orang dengar dia bertanya.....

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Setuju atau tidak?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Dia bertanya kepada.... setuju tak? Saya tanya kepada..... (Gangguan)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Jawab la setuju atau tidak?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Setuju apa?

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Setuju tak jika suami yang nak berkahwin dengan isteri kedua mesti dapat kebenaran isteri pertama. Setuju atau tidak?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya rasa saudara.....

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Setuju atau tidak?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pantai Remis, sudah. (Gangguan)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Tidak setuju, tidak setuju. Termasuk kami berdua tak payah dapat kebenaran isteri pertama tau. (Gangguan)

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan, Manjoi. (Gangguan)

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato' Speaker, mintak laluan.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya nak tanya apakah silap dalam Islam apa dia..... (Gangguan)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Memang saya tanya, soalan saya senang, jika nak kahwin dua, isteri kedua, setujukah mesti nak dapat kebenaran isteri pertama?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Dua-dua betul.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Apa dua-dua betul? (Gangguan)

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Kerana apa..... (Gangguan)

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pantai Remis, dah jawab dah, sudah la tu. (Gangguan). Pantai Remis duduk, Pantai Remis. Ini soal agama. Soal agama jangan sentuh, Pantai Remis, nanti banyak masalah. (Gangguan). Sila, sila Manjoi.

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI:** Semalam ADUN Pantai Remis menghalakan soalannya kepada saya. Dia kata Yang Berhormat Manong mungkin tak bersetuju kalau isteri dia pulak berkahwin dua. Semalam, betul tak? Jadi saya sahkan kenyataan itu kerana soalan itu tuju kepada saya semalam, dia tanya.

**Y.B. DATO YANG DIPERTUA:** Begini, begini. Semalam kita dengar sebagaimana disahkan oleh pihak YB Manong. Sila.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Itu tuan-tuan dan puan-puan mengesahkan bahawa dia menghina Islam.

**Y.B. HAMIDAH BINTI OSMAN:** Saya mintak laluan. (Gangguan)

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Yang mana satu..... (Gangguan)

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua..... (Gangguan).... ini sebuah negara yang majmuk. Kita mesti menghormati agama masing-masing. Tidak ada hak pembangkang, semalam mengatakan menyokong Sisters In Islam. *Who are you? You* tidak ada hak nak menyatakan menyokong Sisters In Islam.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Bukan kita kata.....

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Biar perkara-perkara berkenaan dengan Islam dibincangkan oleh orang Islam. Bagaimana kalau kita pertikaikan agama Hindu, agama Buddha, agama Kristian? Sebenarnya jawapan senang saja, kalau orang perempuan kahwin dua, anak siapa? Bila anak dilahirkan. Kalau orang laki-laki kahwin dua anak itu tetap 'bin' kepada bapanya. Itu sebabnya Islam membenarkan lelaki kahwin dua dan tidak wanita. Tapi janganlah kita pertikaikan perkara ini.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Dato Yang Dipertua.....

**Y.B. DATO YANG DIPERTUA:** Terima kasih.

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Siapa yang mengatakan dia menyokong Sisters In Islam? Siapa mengatakan?

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Saya, saya yang.....

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** You tidak ada hak.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Saya, saya tak kata.....

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya ingin menyambung perbahasan saya. (Gangguan)

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Siapa menyokong Kerajaan, kerana di luar sana, di luar sana perkara ini dibincangkan di kedai-kedai kopi.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Dato Yang Dipertua, kita mesti 'check' rekod. Saya dah kata saya menjunjung tinggi dan menyokong sepenuhnya titah.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dululah.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Siapa yang menyokong, saya ada 'teks', ada 'teks', saya kata siapa ada 'teks'

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya ingin menyambung perbahasan.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Mana ada perkataaan sokong, tak ada langsung.

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI:** Pantai Remis ada sebut, Pantai Remis sila jawab, Pantai Remis,

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya dah kata soal agama jangan disentuh, bila sentuh susah, teruskan Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Dato Yang Dipertua, saya ingin menyambung perbahasan saya.

**Y.B DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Sitiawan, Sitiawan , Sitiawan, saya minta kalau Sitiawan tidak faham tidak usah bercakaplah.

**Y.B.DATO' YANG DIPERTUA:** Sitiawan duduk.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Dalam Islam dia menyatakan, kami dengan ugama kami, kamu dengan ugama kamu,

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Itu tidak dipertikaikan.

**Y.B DATO' YANG DIPERTUA:** Sila duduk Sitiawan.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Kalau tidak pertikai, jangan sebut lagi. Saya keluar minum kopi. Saya dengar, saya masuk sini.

**Y.B DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih, sila Manjoi teruskan.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM** Bagilah saya menjelaskan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Soal agama, sila, Sitiawan duduk, Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN.HJ.ISMAIL:** Saya teruskan perbahasan saya. Saya sebutkan tadi bahawa kita di Negara.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** dia tidak sebut menyokong Sisters In Islam, kita akan semak balik 'teks'.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Saya kata, Dato Yang Dipertua,

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, terima kasih, teruskan Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya sebutkan tadi bahawa ada perkara-perkara yang baik yang perlu kita contohi antara satu sama lain. Saya sebutkan tadi bahawa saya kata masyarakat Cina kuat bekerja, maka kita sudah tentu, kita mesti ikut bahawa kuat kerja ini satu perkara yang, perkara yang cukup baik tetapi itu yang saya katakan tadi.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Eh..... orang tengah berucap. apa ni....

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya ingat senang saja, ADUN Pantai Remis boleh mohon maaf pada Dewan. Dato Yang Dipertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam memperbanyakkan penanaman kelapa sawit di Negeri Perak serta menyediakan hub biodiesel di Lumut kerana kita tahu bahawa harga minyak akan terus naik kerana sumbernya sudah terhad. Di Malaysia juga kita kena bersedia menghadapinya mungkin dalam tahun 2010 atau 2015 kita sudah kehabisan minyak jika penemuan baru tidak diperolehi. Oleh sebab itulah sekiranya biodiesel dapat dikeluarkan dengan kos yang rendah mengurangkan kos purata lebih daripada kos pengeluaran minyak sudah tentu masa depan negeri akan kembali seperti masa lalu. Kita tahu Perak berbangga dengan hasil bijih timah dahulu serta menjadi Negeri yang No. 1 di Malaysia sekiranya kita tumpukan kepada biodiesel ini, kita tanam kelapa sawit banyak-banyak di Negeri kita, kita tingkatkan R&D untuk Biodiesel ini, maka sudah tentu bila kita dapat mengeluarkannya yang kita rasa menjadi, menjadi kita kata emas bagi kita pada masa akan datang. Maka sudah tentu Perak boleh berbangga nanti dengan biodiesel seperti mana kita berbangga dengan hasil bijih timah kita yang lalu. Dato Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya menjadikan kenaikan cukai tanah baru-baru ini sebagai satu kebaikan kepada masyarakat dan negeri amnya. Saya hairan bila cukai tanah ini diberi, dinaikkan cukai tanah, pembangkang beria-ia mengatakan ianya tidak baik, saya cukup hairan, kerana mungkin mereka tidak faham.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Boleh saya minta laluan. Boleh saya minta laluan.

**Y.B. DATO' HJ.. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Ya, boleh, boleh.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** YB. Manjoi mengatakan kenaikan cukai tanah, Manjoi, Manjoi, mengatakan kenaikan cukai tanah ini bukan satu isu. Saya nak tanya penjelasan Y.B. Manjoi , Iskandar Polo Kelab, satu kelab, saya difahamkan kelab kegemaran wakil Kerajaan Tualang Sekah, daripada RM 2,376.00 setahun, sekarang dinaikkan kepada RM 29,798.00 setahun dan terdapat hutang sebanyak lebih kurang

RM 400,000.00 sekarang. Adakah itu perkara baik? Boleh jawab, adakah itu perkara baik?

**Y.B. DATO'HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Sebelum soalan itu dikemukakan, biar saya habiskan penjelasan saya. Kalau saya tak habiskan penjelasan saya, tiba-tiba nak soal, nanti tak betul. Dengar penjelasan saya dulu.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan Manjoi.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Bila kita sebut kenaikan cukai tanah, Kerajaan tidak menaikkan sejak 12 tahun yang lalu. Di mana kali terakhir pada tahun 1994 baru naik 2006. Kalau 1994, 2006, makna dah 12 tahun. Makna dua tahun kerajaan telah tunda, kalau dua tahun ini, sebenarnya kalau kita kali dalam bentuk berapa jumlah yang kerajaan telah bagi kebaikan kepada rakyat , dah macam bagi diskaun, dua tahun kepada rakyat. Ini satu perkara yang kita kena lihat dari segi sudut positifnya. Kalau kita lihat naik dengan hitung panjang 15 – 25% maka ianya naik lebih kurang 34 juta. Jadi rakyat sekarang ini sebenarnya dah sedar, bahawa bila hasil negeri meningkat untuk faedah rakyat juga, rakyat juga sedar bahawa Kerajaan telah melaksanakan satu cara untuk mengkelaskan tanah samada mengikut haraiki jenis tanah Bandar, pekan dan desa dan mengikut mukim. Rakyat sedar bahawa kenaikan cukai juga bukan saja naik tetapi menyelaraskan semula kadar cukai antara Bandar, Pekan dan Desa bagi kategori bangunan kediaman dan bangunan berbilang tingkat serata. Rakyat sedar kerana ianya menyelaraskan semula kadar cukai tanah bagi tanah-tanah Rancangan Kampung Tersusun RPT dan juga kawasan penempatan berkelompok DSA. Mengambil kira juga sebelum ini bahawa ada rungutan dan bantahan awam mengenai kadar cukai tanah yang tidak seragam di dalam kampung atau kawasan yang sama. Jadi sebenarnya dengan kenaikan ini, khususnya bagi kawasan Manjoi, saya rakyat di Manjoi, ia sebenarnya mengwujudkan rasa harmoni di kalangan mereka. Contohnya RPT Kpg. Manjoi, bila didaftarkan pada tahun 1986 maknanya RPT yang sebelum tahun 1986, cukai untuk mereka RM 40.00 satu lot. RM 40.00 selot. Tetapi bila kenaan cukai 1994 bagi RPT Baru yang sebelah saja RPT Jelapang Barulah kita katakana, satu lot kadar cukai ialah RM120.00 selot. Jadi beza RM 40.00, RM 120.00. Tetapi dengan semakan cukai tanah 2006 ini, di mana satu meter persegi dikira 20 sen sekaki, maka kedua-dua ini dapat diselaraskan . Orang RPT Manjoi naik daripada RM40.00 jadi RM100.00. Orang RPT Jelapang Baru yang sebelah dia daripada RM120.00 kurang jadi RM100.00. Jadi selama hari ini depa kata apa Y.B., kami cukai RM100 lebih yang Manjoi RM40.00. Jadi ha ini satu perkara yang baik, yang menjadikan masyarakat lebih harmoni. Ha ini pun tak fahamke pembangkang?. Saya juga difahamkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan meneliti dan berbincang berkali-kali untuk meluluskan pindaan dan meluluskan pada November 2006. Ini bermakna bahawa kerja-kerja pindaan cukai tanah 2006 dibuat selama dua bulan, Tuan Yang DiPertua. Jadi saya ucap tahniah kepada PTG dan Pegawai-pejawai kakitangannya kerana apa kerana jumlah hakmilik tanah Negeri Perak ini 904,717 bilangan, 2 bulan mereka kerja siang malam untuk mempastikan bil-bil dikeluarkan. Punya kerja kuatnya maka sudah tentulah, tentulah ada sikit-sikit kesilapan, kata di ADUN Sitiawan, dah berapa ratus silap. Ialah berapa ratus, berapa ratus saya nak tanya berapa ratus? Seratus, dua ratus, lima ratus, berapa? Berapa ratus, ha berapa ratus? ADUN Pantai Remis jawap berapa ratus.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Saya rasa Y.B. Manjoi tanya soalan pun tak tengok orang. Yang bangkitkan, Y.B. Sitiawan. Dia tanya apabila Y.B. Sitiawan tak ada. Apa ini?

**Y.B. DATO' HAJI NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Selalu macam itulah. Kadang-kadang apa yang patut Pantai Remis tanya Sitiawan yang tanya. Serupa juga. Sama je, dua kali lima.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ngeh, teruskan, teruskan.

**Y.B. DATO' HAJI NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Kita ambil maksimalah, saya dengar Sitiawan dia sebut seratus, dua ratus, saya buat lima ratuslah. Lima ratus daripada 900 ribu, lebih kurang 0.02 %, kecil saudara saudari. Jadi mereka je yang membesar-besarkan keadaan. Itupun Y.A.B Menteri Besar sebut bagi tahu, saya kawasan saya pun sya ada tiga bil yang macam itu juga, tak ada masalah. Pergilah PTG. Satu dusun daripada 200 naik jadi 300. Satu sebelah dia, daripada 200 naik 2,500. Sebab apa? Sebab tersilap jenis tanah yang sebelah disebut dusun, yang di sebelah walaupun dusun, ditulis kormesial. Kormesial mahallah. Pergi PTG, dibetulkan, turunlah balik. Apa susah? Apa susah? Jadi ini semua mengelirukan, mengelirukan rakyat. Walau bagaimanapun saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan, bila naik cukai tanah ini, biarlah dengan kenaikan cukai tanah ini akan dapat manfaat kepada faedah-faedah yang berkaitan dengan harta tanah itu sendiri. Saya nak sebut ini ia supaya Kerajaan Negeri perihatin. Dengan naik cukai tanah, biarlah pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik serta lengkap dapat dilaksanakan. Keadaan ini dilihat dapat meningkatkan taraf hidup penduduknya, seterusnya akan menjadi rakyat yang lebih bermutu dan berkualiti. Jangan ada RPT yang masih tak ada jalan lagi, yang jalan tak masuk lagi dan sebagainya, yang daif khususnya di kawasan Ipoh ini. Kemudian yang kedua saya harap bahawa penyediaan infrastruktur yang lengkap dan baik serta moden khususnya RPT akan dapat memberi persepsi baru kepada nilai pasaran harta tanah apabila berada di pasaran terbuka dan juga hasil daripada cukai tanah ini diharapkan tidak timbul lagi cukai yang berbeza di dalam kawasan RPT dan juga Kg. Baru. Dan diharap pendapatan-pendapatan hasil Kerajaan Negeri akan dapat membantu Kerajaan Negeri merancang pembangunan penempatan setinggan seperti mana saya sebutkan tadi. Wujudkan kawasan-kawasan baru supaya kehidupan yang lebih selesa dan baik dan menepati setinggan sifar pada masa akan datang. Jadi Dato' Yang DiPertua, saya ingin menumpukan kepada pembangunan Modal Insan. Sudah tentulah penekanan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan di dalam menjayakan misi nasional mahupun pelan strategik Perak Maju 2015. Ini teras kelima dalam RMK-9 iaitu mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. Kita perlu menyediakan pemimpin ataupun pemimpin-pemimpin jabatan yang menganggap perubahan sebagai yang tetap akan berlaku dan bukan hanya berlaku sekali sahaja. Ha ini, ini saya nak ingatkan. Pegawai dan kakitangan perlu diberi latihan terusan sebagai pelaburan daripada menganggap kos yang perlu dikurangkan. Nilai kehebatan sebuah organisasi atau jabatan bergantung kepada nilai-nilai hebat manusia di dalam organisasi itu sendiri. Oleh sebab itulah polisi pembangunan insan mestilah selari dengan misi, visi serta tujuan dan matlamat serta nilai dengan satu *standard* bagaimana mereka membantu jabatan di dalam mencapai matlamat.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN:** Tuan Yang DiPertua, minta penjelasan. Laluan, boleh?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Sila.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN:** ....Manjoi sebut pembangunan modal insan. Selain daripada Jabatan Kerajaan bagaimana dengan modal insan di kalangan parti pambangkang ni, patut dibangun juga tak. Dia tak ada modal.

**Y.B. DATO' HAJI NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Saya amat setuju pembangunan modal insan ini selain daripada bila kita nak membangunkan ataupun menuju misi nasional ini, maka kesemua pihak terpaksa membangunkan modal insan. Bukan sahaja pegawai kakitangan kerajaan, bukan sahaja kepada apa ini penyokong kerajaan, tetapi pembangkang sendiri, dia perlu meningkatkan kualiti diri mereka, modal insan mereka dan mereka mesti berfikiran lebih rasional, tidak emosional. Mereka juga perlu harmoni, jaga diri, jaga orang lain, jangan menyentuh soal-soal agama sebab jelas agama ini *lakum di nukum wali yadin* (bagi aku agama aku kamu agama kamu). Jelas. Cakap betul-betul, jangan menipu. Oleh sebab itulah polisi pembangunan insan saya katakan mesti selari. Selalunya kita kos operasi dikaitkan dengan tenaga kerja. Oleh sebab itu terdapat fahaman yang mengatakan bahawa pekerja dilihat atau dinilai daripada sudut belanjawan di mana mereka dilihat sebagai kos dan sepatutnya dipotong, tetapi sebenarnya mestilah dianggap sebagai aset yang perlu ditingkatkan. Untuk meningkatkan potensi perkhidmatan awam, bergantung kepada tiga pemangkin iaitu manusianya, proses kerja dan teknologi. Kita tahu bahawa sosio ekonomi dan teknologi berubah dalam masyarakat di dunia. Di dalam sektor swasta perubahan berlaku begitu ketara dan secara tidak langsung menuntut agensi kerajaan mengubah pendekatan kerjanya. Agensi kerajaan perlu berubah kearah lebih *businesslike* atau sebaliknya budaya kerja atau budaya kerja korporat atau *result oriented management* atau pengurusan berasaskan kepada keputusan. Ini perlu kerana bila sebut *businesslike* dia identiti kita bila kita sebut kita sebagai negeri maka kita bersaing dengan orang lain. *Business* pun bersaing dengan orang lain. *Business* sekarang bukan yang besar makan yang kecil, tetapi *business* sekarang ialah yang cepat makan yang lambat. Ini, begitu juga kita, bila kita sebut ekonomi berasaskan kepada buruh maka kita tahu dalam sektor ekonomi, satu masa dia tidak akan berasaskan kepada buruh lagi. Dia mesti berasaskan kepada *hightech*, maka sudah tentu kita kena cepat dalam melaksanakan *hightech*. Kalau kita tidak cepat, kalau kita pegawai-pegawai kerajaan kita tidak cepat, maka sudah tentu orang lain akan *overtake* kita. Maka inilah yang saya sebutkan bahawa mesti ada budaya kerja yang lebih *businesslike*. Dan kita tengok bahawa permintaan kepada kecekapan *service deliver* memerlukan organisasi membangunkan cara pendekatan baru serta agak flexible. Terdapat perkara yang berhubung kait mengenai ini. Pertama menilai manusia sebagai harta daripada sebagai kos. Penekanan kepada misi, visi dan budaya *businesslike*. Ketiga memastikan pengurus ataupun pemimpin jabatan bertanggungjawab dalam memastikan kejayaan. Mereka mesti bertanggungjawab memastikan kejayaan daripada meletakkan sistem dan peraturan yang rigid semata-mata. Ha ini *businesslike*. Dia bertanggungjawab. Kalau tidak achieve katakan, maka dia bertanggungjawab.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING:** Boleh minta laluan? Saya asyik dengar, apa Y.B. Manjoi kata, boleh beritahu dewan ini? Apakah prestasi syarikat-syarikat yang diterajui oleh Y.B. Manjoi seperti Maju Perak, bagaimana prestasi mereka, apakah manfaat yang boleh dibawa kepada anak-anak Perak? Sila jelaskan.

**Y.B. DATO' HAJI NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Ia mudah, saya nak maklumkan. 2005 keuntungan Maju Perak 3.2 juta. Tahun 2004 bila kita masuk Maju Perak pertengahan

Maju Perak 2006 3.7 juta sorry 6.7 juta, *double*. Lain-lain boleh saya bagi tahu kemudian. Ingin mengesyorkan agar saya sebut tadi seterusnya yang ketujuh menghasilkan pendekatan bersepada daripada pendekatan terasing soal pengurusan maklumat. Kemudian kita mesti nak menyediakan pemimpin atau Ketua Jabatan yang mengenalpasti perubahan sebagai satu yang tetap akan berlaku dan bukan saya sebutkan tadi berlaku sekali sahaja. Saya juga ingin mengesyorkan agar pemimpin-pemimpin jabatan menganggap diri sebagai pemimpin di mana bukan sahaja pengurus, tetapi sebagai pemimpin, bukan sahaja pengurus. Pengurus ini hanya menyambung kerja yang ada atau sebagai kita sebut *transitional leader*. Kita tak boleh jadi *transitional leader*. Kita mesti jadi kepada *transfornrnational leader*, merubah, merubah jadi dalam menuju Perak Maju 2015 dalam masa 9 tahun, kita semua mesti bersungguh-sungguh dan bekerja kuat sebab kita tahu, ADUN Pantai Remis keluar tak pe terima kasih. Kita tahu bahawa kita nak 9 tahun kita nak pendapatan per kapita kita mesti meningkat sampai 10,000 US. Dalam masa 9 tahun nak capai negara maju, maka semua kita, semua kita mesti bekerja kuat. Kita mesti bersungguh-sungguh saya katakan tadi, dengan itu sahajalah kita akan dapat menghasilkan sesuatu yang luar biasa. Kita tahu Menteri Besar kita kerja sungguh-sungguh, kerja kuat tetapi jangan beliau sahaja, jangan peringkat pertengahan lembab, peringkat bawah lembab, kita muh peringkat atas, tengah, bawah rakyat semua bergerak cepat, baru kita boleh menghasilkan negara maju pada 2015 ataupun Perak Maju 2015. Kita mestilah menjadi pemimpin, saya katakan tadi pemimpin yang bukan sahaja ada ciri-ciri kita masakini tetapi dengan izin Dato' Pengerusi kita mesti ada ciri untuk masa depan, pemimpin masa depan iaitu umpamanya *less for what they say and more for what they deliver, less by their title position and more by their expertise and competence, less by what they control and more by what they shape, less by goals they set and more by mindset they built*. Dato' Yang DiPertua, saya mohon menyokong.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pengkalan Baru.

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, kerana mengizinkan saya untuk bangun untuk berucap membahaskan usul menjunjung kasih dan tahniah kepada titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Perak pada perasmian dewan ini pada beberapa hari yang lalu. Saya juga amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana kita dapat melihat bahawa titah ucapan itu amat selaras dengan kehendak negara dan aspirasi rakyat dalam negara ini yang muh melihat bahawa raja memayungi rakyat , rakyat mendaulatkan raja. Titah ucapan Paduka Seri Pemangku Sultan Perak amat-amat memenuhi kehendak negara yang telahpun merdeka sejak tahun 1957 iaitu mengekalkan kehendak-kehendak asas perlaksanaan sebuah negara berdaulat. Saya amat bersyukur kerana dapat hidup sebelum merdeka dan selepas merdeka. Saya amat bersyukur kerana saya dapat merasai pemerintahan di bawah 4 orang Perdana Menteri dan di bawah 9 Menteri Besar di Negeri Perak. Saya dapat melihat bahawa apa yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam membentangkan Rancangan Malaysia ke 9 adalah merupakan satu rancangan yang merupakan kesinambungan daripada Rancangan 5 Tahun Malaya yang pertama. Sudah tentulah apa yang dibawa oleh Perdana Menteri dalam membentangkan Rancangan Malaysia ke 9 itu tidak pernah berubah daripada apa yang dibawa oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelumnya kerana ia menggambarkan bahawa inilah dia Kerajaan Barisan Nasional yang konsistan, konsistan dalam melaksanakan perjuangannya membela rakyat di negara ini seperti yang dijanjikan pada setiap kali kerajaan menemui rakyat

dalam pilihanraya. Di antara perkara yang paling menonjol di dalam membentangkan dasar ekonomi, membentangkan Rancangan Malaysia ke 9 sebagai fasa 15 tahun kedua untuk mencapai tujuan dasar Wawasan 2020. Kita melihat bahawa semua yang dibentangkan oleh Perdana Menteri itu adalah bertujuan untuk meletakkan sebuah bangsa yang berdaya, sebuah bangsa yang maju di dalam sebuah negara yang maju menjelang 2020. Apa yang kita hendak persoalkan ialah sebagai rakyat sudah tentu kita mahu melihat bahawa apa yang direncanakan oleh kerajaan itu berjaya. Ia bukan merupakan satu pelan yang cantik, tetapi satu rancangan yang boleh dilaksanakan. Rancangan yang baik seperti itu adalah sebuah rancangan yang difahami oleh semua peringkat. Pertama, pihak pembuat dasar faham, yang kedua pihak pelaksana faham dan yang ketiga pihak yang menjadi sasaran juga faham. Pihak pembuat dasar adalah di Parlimen, pihak pelaksana adalah anggota-anggota kerajaan dan sasaran adalah rakyat. Saya amat yakin bahawa pihak pembuat dasar amat faham terhadap semua perkara yang hendak disasarkan dalam melaksanakan hasrat menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Dan saya amat juga faham bahawa sebahagian besar daripada pelaksana iaitu kakitangan kerajaan dan kakitangan institusi-institusi yang berhubung dengan perlaksanaan juga faham. Tetapi persoalannya, faham sahaja dengan tidak diiringi dengan sikap untuk nak melaksanakan hasrat kerajaan, tidak mungkin hajat itu tercapai. Dalam teras yang kelima, teras yang kelima menyebutkan bahawa memperkuatkannya atau meningkatkan keupayaan institusi dan perlaksanaan sebagai salah satu daripada cabaran untuk memastikan kejayaan Wawasan 2020. Institusi dan perlaksanaan, ini betul-betul menunjukkan kepada bagaimana hasrat kerajaan di dalam menentukan bahawa setiap dasar yang hendak dicapai itu memang betul-betul bergantung kepada pelaksana. Bergantung kepada semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, kakitangan kerajaan khususnya. Maka di sinilah bahawa kita melihat ramai di kalangan kawan-kawan kita anggota-anggota Dewan sentiasa mempertekankan, memberi penekanan kepada bahawa kakitangan kerajaan yang cekap, agensi-agensi kerajaan yang sangat faham kepada perkara yang hendak mereka laksanakan itu adalah merupakan perkara yang amat penting. Kita mahu bahawa kita sedar daripada dasar ekonomi baru yang tercetus akibat daripada 13 Mei 1969 merupakan kehendak rakyat. Rakyat masa itu berada di dalam keadaan yang memberi tekanan yang sangat kuat. Mereka pada masa itu baik kalau orang Melayu tak suka sangat kepada Perdana Menteri masa itu Almarhum Tuanku Abdul Rahman, maka mempersoalkan Tuanku Abdul Rahman kenapa beri kerakyataan kepada orang bukan Melayu. Itu mereka marah. Orang Cina pula kata mengapa kami jadi rakyat kelas kedua, sedangkan mereka adalah penumpang pesawat MAS kelas pertama. Mereka masih bertanya kenapa mereka menjadi anggota, menjadi rakyat yang dianggap sebagai kelas kedua. Orang Melayu bertanya kenapa kami tertinggal, kami miskin di dalam negara kami sendiri, mereka menyebut 'kera dihutan disusui, anak diribaan kelaparan, ayam di kepok mati kelaparan'. Ini semua ungkapan-ungkapan yang disebut oleh orang Melayu, menyesali sikap pemerintahan yang pada masa itu membawa orang Melayu ke satu tahap yang lebih tinggi selepas merdeka. Orang Melayu kecewa, orang Cina juga kecewa, orang India juga kecewa kenapa...

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato' Yang Dipertua, boleh saya celah? Adakah generasi muda hari ini menyedari perjanjian kontrak ini?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih ADUN Temenggor. Sebenarnya dalam perjalanan ke situ le Dato'.

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Sebenarnya saya nak mengajak kita pergi ke situ. Biar seluruh pembuat dasar, pelaksana, rakyat faham bahawa apa yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke 9 ini yang dalam teras kedua, nak memupuk perpaduan, hendak merapatkan jurang. Ini semuanya adalah sebuah kehendak nasional. Rancangan Malaysia ke 9 ini adalah kehendak nasional. Sebarang usaha saya sebutkan tadi, sebarang usaha untuk nak meningkatkan kehidupan masyarakat yang tertinggal, sebarang usaha untuk nak memakmurkan rakyat, dia tidak boleh dianggap sebagai perkauman. Itu sebab saya hendak sebut bahawa apabila orang Melayu dulu menuntut keadilan daripada Perdana Menteri Melayu, mereka memang sedar yang mereka hidup di negeri Melayu yang dahulupun namanya Persekutuan Tanah Melayu, apabila mereka tertinggal di negara Melayu, mereka rasa jauh ketinggalan dan mereka menuntut Perdana Menteri bangsa mereka sendiri juga untuk turun pada ketika itu. Tetapi oleh kerana desakan pada masa itu tidak berfikir tentang perasaan orang lain, saya masih ingat peristiwa 13 Mei sebenarnya di Pantai Remis kalau ADUN Pantai Remis tahu, Pantai Remis sudah advance. Dia bukan 13 Mei, dia 11 Mei, macam dengan Pangkor juga, dia lebih advance. Kerana di laut bergeloranya lebih, udara panasnya lebih. Dia tak tunggu selepas pilihanraya. Sebelum pilihanraya sudah berlaku perbalahan di antara kaum, menuntut keadilan terhadap bangsa dan kaum mereka pada masa itu. Kerana tidak menghormati perasaan, kerana tidak menghormati agama orang lain, kerana tidak menghormati adat budaya resam orang lain, itulah punca kepada perbalahan kaum. Itu sebab saya ulang, itu sebab semalam saya diam sahaja apabila ADUN Sitiawan bercakap lagi tentang agama, sedangkan pada penggal yang lepas saya bangun, jangan bercakap, jangan sentuh soal agama. Orang-orang bukan Islam tidak ada hak untuk bercakap tentang agama Islam. Itu zalim namanya. Bercakap tentang perkara yang bukan hak kita. Oleh kerana mereka ini daripada keturunan orang-orang yang zalim, yang dahulunya zalim terhadap negara, ini mungkin mereka di kalangan orang-orang yang dahulu menentang kemerdekaan negara secara baik, mungkin darah yang ada dalam keturunan itu mengalir dalam diri mereka maka mereka terus mengamalkan perkara yang sama iaitu tidak menghormati perasaan orang lain. Mereka boleh memuji Menteri Besar, tetapi selepas pujian mereka menghina sekutu-kuatnya. Ini budaya kurang sopan dengan perkataan lain kurang ajar atau biadap.

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI:** Minta laluan, minta laluan. Saya ingin bertanya kepada wakil kita...

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pengkalan Baru.

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI:** Adakah mereka ini kita golongkan sebagai harbi?

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Tak apalah yang ini pun kurang juga sikit. Kurang dengar apa yang kita bercakap, tapi diapun bertanya saya harbi ke zimi ke, apakah semua. Kalau hendak ambil petua daripada Ahli Parlimen saya, dia kata mereka daripada parti Gerakan, dia kata dia zimi, dia bukan harbi. Dia kata puak-puak yang mempersoalkan perlaksanaan untuk meningkatkan budaya kehidupan di negara ini seperti meningkatkan kehidupan orang-orang Melayu dan meningkatkan kehidupan kaum lain. Orang yang bekerjasama dengan orang Islam. Dia kata zimi. Itu bukan persoalannya sekarang...

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato Pengkalan Baru.....saya hendak mencelih juga. Kalau lah orang Islam, dia memperkatakan seorang perempuan boleh bersuami dua, hukumnya macamana?

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Saya tak pernah jumpalah lagi dalam buku dok cerita Tuan Yang Dipertua, tentang ada orang mempersoalkan, hanya ada seorang sahaja mempersoalkan. Dalam negara demokrasi seperti ini, cukuplah kita kata kurang sopan sebenarnya. Kalau orang kampong saya kata tak ada akai, kalau orang kampong saya tak ada akai. Tak ada akai ini macam bodoh dengan buta perutlah, tapi saya tak kata dia bodoh, saya tak kata dia tak ada akai. Saya kata kalau dia bercakap di kampong, orang kampong akan kata dia bodoh dan tak ada akai, lepas itu dia berjalan....

**Y.B. DATO' RAMLY BIN ZAHARI:** Tuan yang Dipertua, saya nak tanya maksud tak ada akal tu dengan biadap sama ke?

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Lebih teruk lagi, fasal kalau dia terus bercakap macam itu di kampong saya dan lepas tu berjalan tak ada kepala lah. Ha...

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN:** Ini ada benda saya hendak tanyalah. Sebab saya rasa saya seorang wakil wanita yang patut bercakap pasal isu ini. Cuma saya nak tanya satu soalan. Bila kita bercakap fasal Agama Islam tidak membenarkan perempuan berkahwin dua, adakah bermaksud agama lain membenarkan?.

**Y.B. DATO' HJ. HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Saya suka bersempang tajuk yang macam ini Tuan Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, tapi dalam dewan yang mulia ini nak bercakap lama-lama bab ini pun karang, banyak orang yang suka juga, pasal perkara ini banyak orang suka tapi takut. Yang bercakap tu pun lagi takut. Agak-agaknya lah, tapi soal ini sebenarnya kita jangan persendakanlah. Ia telah jelas di dalam hukum bahawa perkara yang boleh, boleh, yang tak boleh tu tak boleh. Tak payahlah kita menggunakan dewan ini untuk nak mempersendakan sebarang hukuman yang telah tetap. Kalau ada tidak puas hati, pergilah pejabat PTA banyak, tanyalah mereka. Tapi saya tak kata dia bodoh, saya tak kata dia tak ada akal. Saya kata kalau dia bercakap di kampung, orang kampong akan kata dia bodoh dan tidak ada akal. Lepas itu dia berjalan...(GANGGUAN)

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN :** Saya nak tanya maksud tak ada akal dengan biadap itu sama ke?

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Lebih teruk lagi, pasal kalau dia terus bercakap macam tu di kampong, dia lepas tu berjalan tak ada kepala lah.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN :** Saya nak tanyalah, sebab saya rasa saya wakil wanita yang patut bercakap isu ini. Cuma saya nak tanya satu soalanlah..bila kita bercakap pasal Agama Islam tidak membenarkan perempuan berkahwin 2 adakah bermaksud agama lain membenarkan?

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Saya suka bersempang tajuk macam ni Tuan Yang DiPertua, tapi dalam dewan yang mulia ni, nak bercakap lama-lama bab ini karang banyak orang yang suka juga pasal perkara ini banyak orang suka tapi takut. Yang bercakap tu lagi takut. Agak-agaknyalah. Tapi soal ini sebenarnya kita

jangan persendakanlah. Telah jelas di dalam hukum bahawa perkara yang boleh, boleh yang tak boleh tu tak boleh. Tak payahlah kita menggunakan Dewan ini untuk nak mempersendakan sebarang hukuman yang telah tetap. Kalau ada yang tidak puashati pergilah pejabat PTA banyak tanyalah mereka. Tapi, balik kita kepada asas, tak usahlah kita sentuh soal amalan, kehidupan, budaya orang lain. Kalau saya tak suka amalan agama dan budaya saya diusik, begitu juga saya rasa orang juga tidak mahu budaya mereka disentuh kerana itu dalam ucapan kita, kita tidak pernah menyentuh soal agama dan amalan kehidupan, budaya, adat resam orang lain. Saya tengah bercakap tentang pemahaman kepada dasar ekonomi baru yang telah dimulakan pada tahun 1969 yang maksud saya, saya nak bawa ke dalam Dewan ini. Bahawa ianya dilaksanakan dengan satu semangat, semangat yang seperti disebutkan oleh Pemimpin kita yang terakhir perasaan bersama. Sebab sebuah negara ini sebuah negara yang telahpun dikorbankan semangat oleh orang melayu, dikorbankan atas kepentingan bahawa kita faham bahawa ini negara adalah negara yang berbilang bangsa selepas merdeka, selepas merdeka. Kalau sebelum merdeka ia tetap menjadi hak orang melayu kerana ada Sultan-Sultan, Raja-raja melayu sahaja yang memerintah di negara ini. Tak ada hak orang lain nak campur urusan pentadbiran. Tapi selepas merdeka, dalam Perlembagaan, orang Melayu, melalui Raja-Raja Melayu bersetuju mengorbankan hak mereka. Apabila mereka mengorbankan, janganlah diinjak-injakkan lagi mereka sehingga tujuan nak capai 30% sehingga sekarang amat mengecewakan. Orang melayu marah kalau terus dibiarkan bahawa dasar ekonomi baru diteruskan dengan Wawasan 2020 yang disebutkan sebagai 30% masih gagal hingga sekarang. Pemilikan tanah, ingriti di daerah Manjung bagi pekan-pekan dalam Manjung. Pekan Pangkor, Pekan Sitiawan, Lumut, Sri Manjung, Ayer Tawar, Pantai Remis tidak melebihi 3%. Dasar ekonomi baru telah berlalu 30 tahun lebih, matlamat 30% tidak lebih dari 2%, persoalan ini kalau kita bawa, kita akan tetap mengatakan kenapa kita nak salahkan Kerajaan dalam hal ini. Kita tak boleh menyalahkan Kerajaan seperti saya katakan tadi. Pihak Kerajaan dah buat dasar. Apakah rakyat faham dasar yang dibuat oleh Kerajaan? Adakah palaksana faham bahawa itu harus dicapai kalau tidak 13 Mei akan berlaku lagi. Kita bertanggungjawab kepada dasar yang dibuat. Dasar yang dibuat itu untuk merapatkan jurang perbezaan di antara kaum dan merapatkan di antara yang berada dengan tidak berada. Yang berada di kalangan melayu dan yang berada dan tidak berada di kalangan orang cina dan yang berada dan tidak berada di kalangan orang India. Kita bukan bercakap tentang satu kaum selepas daripada ini. Kita bercakap tentang semua kaum. Tentang sejauhmana tertinggalnya sekolah-sekolah rendah melayu dengan sekolah-sekolah melayu di bandar-bandar. Sekolah-sekolah kebangsaan di bandar dan di luar bandar. Tertinggalnya kemudahan sekolah-sekolah menengah di bandar dan di luar bandar. Y.B. dari Kg. Gajah setuju kalau sekolah di Kuala Lumpur jauh lebih baik daripada Kg. Gajah, kenapa ini berlaku? Tidakkah ini diskriminasi dalam pengdemokrasian pendidikan. Ini soal besar, kita bercakap tentang memaju dan meningkatkan soal modal insan tetapi kita harus menjurus kepada menyediakan asas-asas yang sama bagi pembangunan yang sama di tempat yang berbeza. Ini perkara yang harus diberi perhatian. Menyedari perkara ini bahawa pihak pembuat dasar, pihak pelaksana, pihak rakyat, harus faham adakah rakyat begitu faham, saya amat yakin selain daripada rakyat pihak Kerajaan banyak tidak faham kenapa dibuat dasar ini. Jadi, biar sama-sama kita menuju sasaran. Kalau sebagai Kerajaan daripada Ketua-Ketua Jabatan, pentadbir-pentadbir bagi menentukan bahawa kita mencapai matlamat ini. Bahawa kita bukan main-main ada yang menyebut Rancangan Malaysia Kesembilan ini main-main. Ini bukan main-main, mentadbir sebuah bangsa,

rakyat berpuluhan-puluhan juta, bukan main-main. Ini benda yang serius, mereka juga yang sebut kalau kita merancang, kita merancang kegagalan. Ini satu rancangan jangka panjang. Kita tidak mahu gagal, sebab itu kita buat rancangan. Tetapi kita mahu membantu rancangan supaya di negara ini setiap yang kita rancang dapat dilaksanakan. Kita tahu setiap kali ada sahaja persoalan tentang pembangunan Negeri Perak yang dituju mestilah Menteri Besar, sebab kalau orang tak tuju kepala nak tuju siapa lagi? Mesti dikatuk kepala dulu senang rebah. Dari itu apa saja kelemahannya Menteri Besar manapun, Menteri Besarlah yang dituju. Perak tak maju, Menteri Besar tak mampu nak bawa pelaburan. Selalu disebutkan begitu, tapi kita kena sedar juga adakah Menteri Besar ni yang berniaga? Adakah Menteri Besar yang buat projek seorang-seorang? dalam Negeri ini saya sebutkan tadi, kita ada UPEN, kita ada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, yang sepatutnya menjadi mata tombak kepada usaha untuk nak meningkatkan menjadikan apa sahaja hak di Negeri Perak ini. Hak pendidikan, hak biodiesel, hak pertanian, hak makanan Islam, semua hak kita boleh buat tetapi kalau manusianya tidak dipertingkatkan pemikiran tak diubah sikapnya mindanya tidak ditingkatkan kepada minda kelas pertama, mindanya kekal sebagai makan gaji, kerja 8 sampai 5, apa sahaja hak yang dibuat, kita penat sahaja Yang DiPertua.. hak jadi penat. Hap, hap, hap begitu sahaja.. tak akan capai apa-apa kalau buku saja baik, pelaksana-pelaksanaannya lemah. Inilah penghalang utama, ini bukan cabaran lagi. Dalam melaksanakan banyak cabaran tadi, rakyat tak faham pelaksana, kalau enjin tu ada empat piston ada dua piston tak laju. Itu cabaran, tapi penghalang kita tetap pembangkang. Mereka penghalang, mereka bukan pencabar.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN :** Dato' Pengkalan Baru, saya mencelah..tadi dibangkitkan sekolah jenis kebangsaan cina kekurangan guru, sedangkan kita dah tak ada sekolah Melayu. La ni semua sekolah-sekolah rendah yang ada di Malaysia ini Sekolah Kebangsaan yang akan dijadikan sekolah pilihan tapi ada masih lagi dah kita tahu kelas yang ada sampai 50 dan 60 orang kenapa, kenapa kita tak beralih dan membantu sekolah kebangsaan ini jadi sekolah pilihan dan menjadi satu rakyat yang menuju ke arah negara maju.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Boleh saya tambah sikit Dato"?

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR:** Nak tambah soalan ke nak tambah penjelasan? Saya nak jawab soalan ni.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Saya nak menambah penjelasan ni.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR:** Ok, ok..

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Pasal tadi saya tak sempat nak jawab sebab Yang DiPertua sekat saya sebab saya geram Pantai Remis kata sampai kekurangan 6,000 kekurangan guru sebenarnya dia tak bagi *figure* yang betul. Jadi itu yang saya nak sebut, jumlah yang kita kurang hanya macam di Sekolah SGKC kurang 20 orang, Sekolah Kebangsaan Tamil kurang 15 orang. Ini dia kata sampai lebih Sekolah Kebangsaan sampai lebih 6,000 orang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Teruskan... Pengkalan Baru.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR:** Aku dah faham dah. Kalau pihak pembangkang bagi angka tu, angka tu pembohong saja. Jadi tak usah diheran dengan

angka-angka tu. Saya juga boleh sebut angka yang bagi orang syok. Saya boleh sebut. Tapi angka itu adakah benar atau tidak . Tapi kita dah tau pihak-pihak penipu ni akan guna angka yang bagi gambaran yang mengejutkan. Dato' Yang DiPertua maafkan saya kerana mungkin, kena apa, celum celum dalam interrupt, celum-celum. Tapi tak apalah yang mustahaknya tujuan saya nak membentangkan hari ini adalah nak menyebutkan senada seirama, itu dia. Senada seirama iaitu yang buatpun faham, yang laksanapun faham, sasaranpun faham. Baru betul. Apakah ini senada seirama Rancangan Malaysia Ke 9, ke 10, 11 untuk sampai ke 2020? Gambaran yang ada di hadapan saya, kita akan gagal lagi mencapai matlamat di dalam beberapa sasaran. Kita kena bersedia menghadapi kegagalan itu. Bila kita bersedia, baru kita tahu bagaimana kita nak melaksanakannya. Kalau kita tak fokus, kita tak lihak ke hadapan yang ini tak boleh jadi, seperti yang saya sebutkan di dalam daerah Manjung, pemilikan Melayu, bumiputra dalam 2 ke 3% apakah kita nak jadi penonton begitu sahaja? Kita kena beritahu kat orang Melayu, luar bandar, dasar ini tak berjaya kerana orang Melayu tidak mahu kebandar. Itu nombor satu. Orang Melayu kena kumpul duit dan beli, kena ada keupayaan menabung. Persoalannya apakah orang kampung boleh menabung? Persoalannya apakah orang kampung menabung dengan pendapatan yang terbatas.

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD DAUD :** Dato' Yang DiPertua, minta laluan.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR:** Lalulah..

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD. DAUD :** Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Pengkalan Baru. Dijelaskan bahawa hanya 2% sahaja penyertaan adanya ekuiti bumiputra di kawasan adanya ekuiti bumiputra di kawasan Yang Berhormat. Apa langkah-langkah Yang Berhormat buat sekarang. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Terima kasih lah, macam nyuruh saya membeli semua pulak. Makna yang saya sebutkan tadi sasaran kita kebanyakan orang Melayu tak faham bahawa ada peruntukan-peruntukan yang disediakan kepada mereka melalui dasar nak menjadikan 30% pemilikan. Ada orang Melayu yang tak bersedia. Jangan salahkan orang lain. Melayu kena bersedia untuk nak mengambil peluang membeli harta atau kedai atau apa-apa bangunan di dalam bandar. Pada masa yang sama saya nak sebut penghalangnya apa. Ada melayu yang mampu beli, penghalangnya pemaju itu sendiri yang kebanyakannya Cina daripada syarikat-syarikat Cina di Sitiawan saya ada bukti ada aduan kepada saya bahawa ada mereka nak beli tetapi pemaju itu kata tak boleh beli sudah habis. Kuota bumiputra sudah habis. Tetapi mereka sengaja mengambil sikap tidak mahu jual kepada bumiputra ada dua sebab. Satu hilang lima peratus kalau jual kepada bumiputra kena tolak lima peratus diskaun. Lagi satu jual kat bukan bumiputra ada *under* kaunter, jadi dua peluang pendapatan mereka tertinggal. Jadi di sinilah bahawa di sinilah bahawa kita saya minta kepada pihak Kerajaan untuk mengawasi perkara ini. Pihak kita wakil rakyat Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Bota kita kena turun ke kampung kabor kat orang-orang kampung simpan duit beli tanah. Beli harta di dalam bandar untuk membantu mencapai hasrat kerajaan. Ini kita kena buat, tetapi bagi pihak pemaju yang ini Kerajaan kena pantau. Kerajaan kena pantau, kena beri kuasa kepada institusi seperti Pegawai Daerah atau Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung untuk mengesan daripada awal lagi sehingga kepada tarikh bahawa luputnya tempoh hak bumiputra itu sudah boleh dijualkan. Yang ini kena ada pemantauan, jangan mereka sewenang-wenangnya menggunakan perkataan dah habis, sedangkan selepas itu mereka gunakan lot itu untuk jual kepada bukan bumiputra. Ini perkara betul, saya tidak mau

bagi tau syarikat mana dan apa memanglah kalau saya bagi tahu Yang Berhormat Pangkor pun akan bersetuju bahawa mereka ini memang nak mencari keuntungan. Pada masa yang sama mereka tak sedar mereka telah melakukan sesuatu yang menyebabkan gagalnya Dasar Ekonomi Baru. Bukan mereka saja nak buat tak, tapi perbuatan mereka nak mencari keuntungan yang lebih menyebabkan mereka menyumbang kepada kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Saya tak kata mereka tak mahu jual kepada orang Melayu kerana mereka ada hal lain tetapi mereka tak sedar. Oleh kerana mereka tak sedar lah Kerajaan kena pantau supaya mereka sedar dan kena ada seorang pegawai seperti Pegawai Daerah atau YDP yang seharusnya dipertanggungjawabkan dalam hal ini.

**Y.B. DATO' MOHD. KHUSAIRI BIN ABD. TALIB :** Minta laluan. Saya membawa perkara yang sama juga dalam masa saya membahaskan semalam dan pihak Ketua Pembangkang ada mengatakan bahawa orang-orang Melayu ini hanya layak seolah-olah layak untuk bermiaga di gerai-gerai saja dan tak boleh nak membeli bangunan-bangunan yang dibina oleh pihak swasta. Bagaimana pandangan wakil daripada Pengkalan Hulu dalam hal ini, Pengkalan Baru.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Tuan Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, sikap, sikap ini saja, saya risau ni. Saya itu sebab saya bercakap dengan Tuan Yang Dipertua saja, saya tak nak cakap dengan orang lain. Sikap seperti itu adalah merupakan gambaran jelas bahawa itulah mereka. Mereka berada di dalam Dewan ini sepatutnya menjadikan salah orang daripada yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara, tetapi oleh kerana kerja mereka membangkang jadi apa saja usaha yang dibuat untuk nak memajukan negara ini mereka akan bangkang. Kita kena faham, pembangunan negara mesti di asaskan oleh salah satu daripada terasnya perpaduan kaum, hubungan harmoni, kestabilan politik, hubungan yang sangat baik. Terjejas sahaja ini, terjejas sahaja ini disebabkan oleh kegagalan untuk nak memakmurkan rakyat berbilang kaum ini daripada Melayu, Cina, India yang juga kita kena bagi perhatian yang menghadapi kehidupan yang tidak saksama ini kita akan menghadapi masalah di masa hadapan. Tanggungjawab kita, tanggungjawab kita sebagai pemimpin di semua peringkat, pemimpin di dalam kerajaan dan parti, pemimpin ketua-ketua Jabatan, pemimpin yang di bawah daripada ketua jabatan, pemimpin yang bernama teknisyen atau penghulu, mereka ini harus faham tujuan Rancangan Malaysia Ke-9. Mereka inilah harus turun memberikan penerangan kepada rakyat. Kalau lahir pegawai-pegawai kerajaan, *government servant*, *they are the real servant of a government*, maka sedar yang mereka tu *servent* kepada sebuah kerajaan, *servent* itu yang selalunya yang setia, mereka harus turun ke bawah menjelaskan kepada kerajaan kami bukan saja pelaksana tapi kami faham apa yang kami laksanakan dan kami mahu tuan-tuan juga faham. Kami juga mahu rakyat-rakyat faham bahawa apa yang dilaksanakan oleh kerajaan bukannya satu yang berterusan, PPRT bukan satu yang berterusan. Menyelesaikan masalah settinggan bukan terakhir bagi menentukan sebuah negara ini maju. Meningkatkan per kapita kepada US10 ribu. Cuba kita semua fikir macam mana orang di Pantai Remis, orang di Pengkalan Baru, orang yang di Pancor di Bagan Panchor yang dok berperang dengan cihuhinya, apa tu semuanya tu, bagaimana mereka ini nak mendapat pendapatan US10 ribu purata per kapita. Ini persoalan yang amat serius, bukan boleh saja bersempang di atas kertas pendapatan per kapita US10 ribu. Buka boleh buat atas kertas. Ia harus berdatang daripada usaha yang membolehkan pendapatan yang membolehkan mereka membuat penabungan, penabungan yang membolehkan mereka membuat pelaburan, pelaburan yang boleh meningkatkan pendapatan. Ia harus merupakan usaha yang berterusan. Apakah

dengan bagi tanah menyelesaikan masalah setinggan dengan menyelesaikan masalah PPRT yang rumahnya 14 ribu kita dapat menyeberangkan ini, tetapi kita kena faham kalau kita tidak bermula dengan satu langkah kita tidak akan selesai perjalanan beribu batu. Kita kena faham juga bahawa jika kita tidak mula secara bersungguh-sungguh melaksanakannya siapakah lagi yang akan melaksanakan membela kehidupan rakyat miskin termiskin di luar bandar. Kita harap semua agensi, semalam ADUN Kg. Gajah bersungguh-sungguh minta semua agensi kerajaan seperti Felcra, sangat serius kerana inilah agensi kerajaan yang disebutkan institusi pelaksanaan dalam teras kelima. Ini dia teras kelima Rancangan Malaysia Ke 9. Institusi yang nak melaksanakan, mereka kena laksanakan dengan serius, sangat mudah pendapatan kepada para peserta Felcra adalah bergantung kepada jualan. Dia ekonomi asas harga jual tolak harga kos dia akan merupakan pendapatan. Kalau kos itu begitu tinggi bila nak dapat dan kos ini memang sentiasa boleh di tinggikan oleh pengurusan kalau pengurusan itu tidak bertanggungjawab seperti yang menjadi teras kepada pengurusan yang terbaik. Jadi kebertanggungjawaban di dalam pegawai-pegawai pelaksana adalah merupakan perkara yang amat penting bagi mencapai matlamat rancangan Malaysia Ke- 9 sebagai peneraju untuk kita mencapai matlamat kepada ..

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Panjang lagi ke?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Panjang lagi ke?

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Kenapa apakah salahnya semua ditujukan kepada Menteri Besar. Tapi ada pulak selong selang, selong selang jadi saya tidak dapat sambong yang itu.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Teruskan.

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Tanggungjawab memajukan negeri Perak ini selain daripada tanggungjawab bersama kita kena wujudkan, mewujudkan suasana itu juga. Kadang-kadang yang wujudkan suasana bukan kita yang wujudkan Allah bantu mewujudkan. Kita kena sedar Perak sebuah negara yang memang dari dulu dah menjadi tumpuan, menjadi tumpuan pembangunan. Orang putih datang ke Perak lebih awal daripada datang ke Kuala Lumpur. Orang putih datang ke Perak, dia buka jalan daripada Taiping ke Port Weld, maksudnya bukan jalan, landasan, landasan keretapi yang pertama 1885 daripada Taiping ke Port Weld. Nak bawak bijih daripada Larut, Taiping untuk diperdagangkan keluar. Sudah tentu di dalam kepala pemerintah orang putih masa itu dia nak majukan Port Weld sebagai pelabuhan. Tetapi rupanya tak sesuai tempat itu. Dia cuba pula pada tahun 1892 keretapi daripada Kuala Lumpur ke Port Swettenham. Percubaan kedua rupanya Port Swettenham itu lebih baik. Apa jadi kalau Port Weld pada masa itu cukup baik? Kalau percubaan pertama maka Port Weld cukup baik sudah tentulah Bandar Sri Iskandar dan Kampung Gajah jadi Putrajaya. Ini bukan kehendak manusia orang putih dah cuba buat tapi tak jadi. Makna kehendak Allah kita kena campur dalam urusan kemakmuran ini. Manusia merancang Allah yang menentukannya. Jadi kita lihat bahawa berbagai-bagai percubaan telah dilakukan, yang penting manusia kena berusaha dengan tidak berhenti-henti dalam usaha-usaha untuk melaksanakan itulah maka kita ada juga penghalang di antara penghalang yang selalu guna di Kuala Lumpur Perak cukup susah nak melibur soalan tanah oooo lama. Semua dok bercakap tentang soalan tanah susah, nak mendapatkan kelulusan susah, tetapi kenapa baru ni ada Bio-diesel naik di Manjung tak pernah dengor susah. Kemudian ada beberapa lagi program untuk nak menjadikan usaha nak menjadikan Kg.

Acheh sebagai tempat untuk nak meningkatkan industri Bio-diesel dan dia amat sesuai kerana Daerah Manjung, Bruas khususnya sampai ke Lekir sana habis dah tanah semua di tanam dengan kelapa sawit sebut saja agensi apa yang ada di negara ini semua dah ada tanah di situ. Kalau disebut peladang, peladang ada, Ekonomi Islam, Ekonomi Islam ada, sebut aje Maju Perak, Maju Perak ada, sebut aje Kor bersatu, Kor bersatu ada, sebut aje, semua ada. Maknanya di situ satu ketika dahulu Kerajaan telah memutuskan bahawa ia sangat baik tanahnya untuk kelapa sawit dan ia mempunyai faedah berbanding dari segi menanam kelapa sawit. Jadi maka beribu hektar di tanam dengan kelapa sawit dan maka wajarlah di kawasan itu wujudkan industri Bio-diesel yang boleh mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Kita ada asset yang besar sebenarnya. Kita ada pelabuhan Lumut. ... yang semakin maju dan untuk dan saya sebagai ADUN Pengkalan Baru mewakili rakyat pengkalan baru memang kadang-kadang rasa sedih juga apabila kenapalah dalam Manjung ini dok cerita jarang sebut Bruas, jarang sebut Pengkalan Baru, Pantai Remis, yang disebut bila Manjung, Pangkor, Lumut Sri Manjung, Sitiawan. Tetapi saya sedar bahawa ada perkara-perkara yang boleh dimajukan di sesuatu tempat berdasarkan keadaan geografinya. Pangkor tak payahlah lagi kita promosi Belanda dah promosi Pangkor daripada tahun 1820 lagi, 1790 ..

**Y.B. DATUK AHAMAD BIN PAKEH ADAM :** Minta laluan sikit, bukan Pengkalan Baru kecik hati, Sungai Siput pun kecil hati tapi tak da pernah sebut..

**Y.B. DATO' HAJI HAMDI BIN HAJI ABU BAKAR :** Itu saya tau apa sebabnya. (ketawa) kena tanya orang ni. Dato' Yang Dipertua, Saya tak nak melarat, saya nak sebut kawasan saya aje. Sampai ke Sungai Siput pula melarat susah juga nak kena melilau ke Sg. Perak. Saya amat bersyukur kalau Pangkor, Lumut, Sitiawan, Manjung maju dengan cukup hebat, Insya Allah kesan limpahannya akan sampai ke Pengkalan Baru. Untuk sampai ke Pangkalan Baru, dia mesti melalui Segari sebab daripada Jambatan melalui Segari. Dan di Segari baru-baru ini dalam dua tahun yang lalu telah diluluskan lebih kurang 300 ekar kepada tiga syarikat untuk membantu bandar baru Segari. Saya pernah dalam percubaan menegaskan bahawa setiap usaha nak memajukan nak mewujudkan bandar baru jangan terlupa 30% di dalam itu mesti ditentukan kepada orang Melayu jangan ianya dijadikan alasan untuk nak buat rumah namanya Bandar Baru tapi satu bandar pun tak ada sebijik, tapi mereka nak menjadikan Bandar Baru sebagai tanah perumahan. Jangan ditakrifkan perkara-perkara seperti ini saya minta pihak-pihak berkuasa bertanggungjawab mesti melaksanakan dengan bertanggungjawab. Sebagai pegawai kerajaan yang melaksanakan hasrat kerajaan maka hendaklah membantu untuk mempermudahkan urusan kerajaan. Masalah yang paling besar kepada mereka ialah masalah status tanah. Ada status tanah yang masih belum yang masih merupakan tanah-tanah milik Simpanan Melayu, jadi pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya mempermudahkan urusan ini bagi ia boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan Daerah Manjung dan limpahannya akan sampai ke kawasan Pantai Remis dan Pengkalan Baru. Di samping itu, saya amat bersyukur apabila DYMM Pemangku Raja menyebut bahawa Kerajaan hendak melaksanakan tentang RMK9 sebuah universiti di negeri ini iaitu Universiti Pertahanan dan biarlah kalau boleh Universiti Pertahanan itu seperti yang disebutkan juga di dalam daerah Manjung di kawasan Segari . Alangkah baiknya kalau usaha ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin supaya usaha untuk nak menjadikan Perak sebagai sebuah negeri maju menjelang 2015 akan dapat melihat bahawa ada satu lagi Institut Pendidikan tinggi yang boleh membantu menyumbang kepada usaha-usaha seperti yang disebutkan tadi.

Dato' Yang DiPertua, akhir sekali saya ingin nak mengucapkan rasa tak tau lah sebagai seorang rakyat, apa bila saya balik kampong, rakyat pernah bertanya apa faedahnya buat jambatan ke Johor. Mereka bertanya. Rupa-rupanya suara rakyat di kampong saya terdengar kepada Perdana Menteri di Putrajaya. Kami amat bersyukur dan berterima kasih bahawa suara rakyat seperti itu, rungutan rakyat rupanya didengari oleh pemimpin yang keputusan itu sangat memuaskan hati rakyat di tempat saya.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato' Pengkalan Baru, Adakah elok pada hari ini kita bagi usul menyokong tindakan Y.A.B. Perdana Menteri.

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Saya dah ada kawan rupanya. Saya hendak ke arah itu, saya hendak mencadangkan kepada Dato' Yang DiPertua di akhir perbahasan ini di mana pada keseluruhannya kita hendak mengajak seluruh jentera rakyat di negara ini baik di dalam dewan, baik pihak pelaksana, baik pihak rakyat bekerja membantu Menteri Besar dan kepimpinan negeri yang kakitangan Kerajaan ikut selaku kuat S.S. bekerja kita ikut yang pegawai-pegawai dalam daerah ikut sekutu kuat Pegawai Daerah bekerja. Pegawai Daerah jadi pemantau bagi pihak Kerajaan . Pegawai Kerajaan turun kepada rakyat jelaskan apa kehendak rakyat. Itu yang pada keseluruhannya saya sebutkan dan di akhirnya oleh kerana apa yang saya cakap itu adalah hasrat rakyat . Saya ingin juga meminta kepada Yang DiPertua kalau boleh dewan pada hari ini mengucapkan tahniah dan menyokong sepenuh-penuhnya keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh Perdana Menteri bagi menghentikan pembinaan jambatan ke Singapura malahan harga sebuah kenderaan menyeberangi Selat Tebrau daripada Singapura ke Kuala Lumpur yang RM20 itu seharusnya digandakan-gandakan kerana biar kita mendapat faedah daripada perjalanan itu kerana mereka datang ke negeri inipun mengambil subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat Malaysia. Jadi di samping mengucap terima kasih kepada Perdana Menteri untuk nak membatalkan projek jambatan, kita mintak dinaikkan harga sebuah kereta daripada Singapura. Dulu RM3.00 dah jadi RM20.00, walaupun nampak berganda-ganda tetapi sebenarnya masih murah daripada subsidi yang mereka ambil. Tak sewajarnya Kerajaan Malaysia menanggung subsidi gula, harga minyak, harga barang- barang lain, 72 barang-barang. Dato' Rajoo tahu lah berapa banyak 72 barang- barang yang ada diberikan subsidi oleh Kerajaan. Mereka pula datang mengambil subsidi itu. Tak wajar. Tak wajar. Jadi untuk hendak membaloikan mereka ambil subsidi itu kena bagi . Tak ada dia tak faham sebab tidak ada pernah ada kes yang dibawakan kepadanya. Dia dalam Dewan ini dia bawa kes sahaja. Bawa semua kes-kes orang yang datang kepada dia, dia minta Dewan ini tolong. Kita mana tahu ada lot itu lot ini dalam kampong kita , kita bukan lawyer, tak ada kes . Jadi kita tidak ada kes, jadi hal tanah kita, kita pergi kepada Pegawai Daerah. Jadi Pegawai Daerah kena pastikan bahawa masalah rakyat melalui tanah mesti kena buat dengan sebaik-baiknya. Jangan dah lulus 4-5 tahun sampai sekarang masih belum jadi apa-apa. Yang kena siapa? Yang kena, orang yang akan menghadapi rakyat pada masa pilihanraya. Pegawai Daerah, Pentadbir Tanah tak berhadapan dengan rakyat masa pilihanraya . Sebenarnya mereka adalah orang yang paling bertanggungjawab dalam hal ini. Pegawai-pegawai kerajaan kena berdiri di belakang menjadi tulang belakang kepada Kerajaan kerana mereka adalah Pegawai Kerajaan dan mereka seharusnya seiring dengan anggota-anggota parti yang memerintah. Itu adil. Adalah zalim kalau mereka seiiring dengan pembakang. Itu zalim sebab mereka pegawai kerajaan. Itu sebab kita selalu sebut pegawai kerajaan mesti bersama dengan wakil-wakil rakyat daripada parti Kerajaan. Itu adil.

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN:** Minta laluan sedikit Yang Dipertua. Saya hendak bertanya kepada Y.B. Pengkalan Baru . Adakah Y.B. sedar di dalam pembahagian projek-projek oleh jabatan-jabatan kerajaan ini terdapat di mana mereka-mereka yang daripada parti pembakang yang menentang Kerajaan mendapat peluang lebih besar daripada mereka-mereka yang menyokong Kerajaan .

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Dato' Yang DiPertua, lebih daripada sedar lagi perkara ini sebenarnya . Sebab kalau hendak disebutkan itu bukan benda kecil. Yang kecil-kecil yang 4-5 puluh ribu di kampong itu kalau dapat kat Pak Lebai menyokong PAS pun satu hal juga. Dia hendak hidup juga. Tapi projek-projek besar yang mega-mega tu pun, yang kebanyakannya mereka yang asal dulu kita tengok bekerja, dapat projek besar, pergi jadi calon dan calon parti pembakang. Jadi dalam sebuah negara yang demokrasi seperti ini, kita memang tidak ada diskriminasi untuk siapa nak mencari rezeki. Siapa yang pandai , siapa yang berusaha lebih, mereka akan dapat. Yang penting kepada kita , kita kena memberitahu kepada orang-orang yang seperti ini untuk mereka berterima kasih. Kalau tak pun mereka menjadi penentang yang kuat, retilah menjadi manusia yang berterima kasih kerana negara kita, negeri ini sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah melakukan diskriminasi dalam soal ini. Kalau dirujukkan kepada perkara-perkara kecil kerja-kerja kecil lima puluh ribu, seratus ribu, dua ratus ribu di daerah memang langsung kita tak pernah campur . Kita serahkan sahaja kepada Pegawai Daerah sahaja untuk nak melaksanakan. Tanyalah Pegawai Daerah, saya tidak pernah mencampuri urusan-urusan hendak bagi kat siapa-siapa kerana semuanya itu mereka adalah yang berhak....

**Y.B. DATUK TAJUDDIN BIN ABD. RAHMAN:** Saya ingat penjelasan tak betul kut kata semua projek-projek itu ditentukan oleh Pegawai Daerah. Mungkin projek pembangunan luar bandar sahaja saya ingat ditentukan oleh Pegawai Daerah . Tetapi banyak projek lain umpama JPS ditentukan oleh Ketua Pengarah JPS. JKR ditentukan oleh JKR. Jadi saya ingat kalau saya mengambil kesempatan nak membetulkan sedikit di situ.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Kita ada masa lagi 2-3 minit saja.

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** ...dah habis celah pulak, lintas lagi. Saya bukan boleh tengok lintas, lintas saya nak langgarlah. Saya dah betul-betul nak bubuh berek dah tadi. Tengok-tengok Kampong Gajah tanya pulak hal ini, hal kontrak hal semua ni . Saya masih kepada asas seperti yang dipesan, sesuatu itu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dan telus. Kita hendak pihak-pihak pelaksana, melaksanakan ini sedar bahawa mereka ini *Government Servant*, itu sahaja. Sebarang kecacatan yang mereka lakukan, implikasinya kepada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Mereka jangan gagalkan kehendak rakyat yang memilih mereka dan mereka jangan gagalkan tokeh mereka yang membayar gaji mereka.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Beri laluan, penjelasan.

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Itu sangat mudah. Cakap dengan Speaker jangan cakap dengan saya , saya bukan speaker.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Nak tanya, beri laluan tak?

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Cakap dengan Speaker. (Gangguan)

- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pengkalan Baru.(Gangguan)
- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Sitiawan.
- Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Kita minta laluan, itu hormat. Kalau diapun tak tahu, kata orang kita tak tahu.
- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** O.K. Pengakalan Bharu, Sitiawan minta laluan.
- Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Saya nak minta laluan, boleh atau tidak.
- Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Cakap dengan Speaker, Speaker panggil saya, baru saya bercakap.
- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pengakalan Bharu, Sitiawan minta laluan, boleh tak?
- Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Saya akan kata boleh tapi saya nak beritahu, hormatilah Dewan dan peraturan Dewan kalau anggap diri orang pandai.
- Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM :** Kalau minta laluan, kalau hormati Y.B. menghormati Dato' Yang Dipertua, itu tak ikut peraturan Dewan, apa itu mengikut peraturan Dewan? Saya sudah sangat menghormati semua pihak, masih dikata tak hormati peraturan Dewan, saya pun tak faham. Mungkin bagi penjelasan hal ini juga. Saya hendak minta satu penjelasan, boleh tak. Dari ucapan Y.B. tadi, Pengkalan Baru macam tak tahu apa bezanya kerajaan dengan parti pemerintah. Pembangkang ini membangkang parti pemerintah bukan Kerajaan. Kerajaan itu di bawah *civil system*, sistem demokratik ni, dia neutral. Dia laksanakan polisi parti pemerintah, tetapi dia bukan kerajaan bagi parti pemerintah sahaja. Kerajaan ini untuk semua orang, tapi macam dalam ucapan tadi tak dibezakan. Mungkin boleh bagi penjelasan.
- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Sila.
- Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Sebenarnya kita faham perkara yang sama, cara pengajaran saja berbeza. Ya itu cara pengajaran saja berbeza kerana tak faham dia bercakap benda yang dia tak faham, jadi susah saya nak melayan orang yang bercakap perkara yang dia tak faham.
- Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Masa dah cukup.
- Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Oleh kerana masa dan cukup..
- Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Tambah-tambah sikit saja, sikit saja, nak tambah macam tadi le soalan dari Pantai Remis kat saya tadi.
- Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Tuan Speaker, Tuan Speaker panggil, baru boleh.
- Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Yang disebutkan tadi. Tak, saya dah tengok dah, saya...

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Masa, masa, hormati masa.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Beritahu tadi, macam tadi le

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM :** Pangkor minta laluan dulu. Pangkor, minta laluan dulu.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Saya dah minta dah. Saya dah minta dah

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM :** Pandang ke Speaker

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Saya dah minta dah. Boleh?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Pengkalan Baru. Tutuplah .

**Y.B. DATO' HAMDI BIN HJ. ABU BAKAR:** Tapi dah Dato' Yang Di Pertua minta saya memberhentikan, jadi saya cari brek sahaja. Tadi saya dah jumpa brek dah, saya nak minta kita semua di Dewan ini mengucapkan tahniah dan bersyukur di atas keputusan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri yang mengetuai sebuah kerajaan yang di pilih oleh rakyat benar-benar memenuhi aspirasi rakyat bagi memberhentikan projek jambatan menyeberang Selat Tebrau . Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan negeri semoga Allah merupakan faktor utama yang akan membantu kepimpinan negeri yang ikhlas bagi mencapai hasrat yang baik melalui perencanaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan strategi untuk meningkatkan pendapatan, menjadikan matlamat setinggan sifar dan berusaha menangani masalah kemiskinan tegar. Semoga Allah memberikan bantuan dan kita mencapai hasrat untuk memakmurkan negeri ini. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan kerana Solat Jumaat dan juga kita ada Majlis Membaca Yasin dan Tahlil Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke 78 DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, pukul 12.30 di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh. Dan Dewan akan disambung semula pada jam 3.00 petang . Dewan ditangguh.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari dan disambung semula pada jam 3.00 petang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Assalammualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Sebelum kita mulakan perbahasan suka saya nyatakan bahawa minuman petang disediakan. Bolehlah bergilir-gilir minum. Yang keduanya, perbahasan masih lagi ramai yang berminat, oleh itu saya bagi peluang 15 minit sahaja. Jadi cuba *control* perbahasan jangan melebihi 15 minit. Kalau melebihi 15 minit saya akan pindah kepada pengucapan orang lain. Sekarang perbahasan disambung semula. Dijemput Kuala Sepetang.

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana diberi peluang untuk Kuala Sepetang membahaskan Titah Ucapan D.Y.M.M. Pemangku Raja. Kuala Sepetang, ingin merafakkan, menjunjung kasih atas Titah Ucapan D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan sempena pembukaan rasmi

penggal Ke 3 Dewan Negeri Yang Ke-11 Perak Darul Ridzuan pada 10 April yang lalu. Tahniah saya ucapan kerana Titah Ucapan Tuanku itu begitu rapi disusun dan cukup menyeluruh dan cukup komprehensif. Ia pasti akan menjadi rangka rujuk dan rangka dan dasar rujuk kita di Negeri Perak ini untuk menuju ke arah pencapaian segala impian Perak Maju 2015 dan Wawasan 2020. Saya amat bersetuju dengan pendapat Tuanku bahawa dalam 10 hingga ke 15 tahun ini, tempoh ini adalah tempoh yang cukup kritikal. Kritikal untuk kita menggiatkan segala usaha dengan penuh komitmen, iltizam dan rasa tanggungjawab untuk mencapai impian dan wawasan kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Dalam usaha pembangunan negara, tiada sesiapa pun yang patut ditinggalkan ataupun disingkirkan ataupun ditepikan. Dengan itu aspek pendidikan seharusnya bersifat lebih *inclusive* dan dapat menampung serata rakyat di seluruh negeri Perak ini. Baik mereka yang bijak mahupun yang sederhana ataupun yang agak lemah pencapaian mereka. Dengan itu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak kerana tidak meninggalkan orang Asli dalam program pembangunan ekonomi mahupun program pembasmian kemiskinan dan juga pendidikan. Akan tetapi kita janganlah memberikan tumpuan yang terlalu banyak kepada golongan elit. Iaitu apabila anak-anak kampung kita yang pintar yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam UPSR, ataupun PMR mereka terus diambil untuk masuk ke sekolah asrama. Dengan itu, di kampung-kampung akan kekurangan anak-anak yang bijak dan juga pemimpin, meninggalkan mereka yang pencapaian sederhana itu kekurangan teladan yang baik untuk memburu ilmu ataupun menjadi pemimpin. Dan guru-guru di luar bandar juga tidak berminat untuk berkhidmat di luar bandar, memandangkan pencapaian di luar bandar rata-ratanya adalah sederhana. Dengan itu adalah dicadangkan pengambilan pelajar luar bandar yang pintar untuk dimasukkan sekolah berasrama penuh dan sebagainya hendaklah bermula dari peringkat sekolah menengah atas ataupun Tingakatan 4 dan 5. Supaya pemimpin yang kita lahirkan esok akan berjiwa masyarakat dan dapat bergaul dengan rakyat serata di peringkat bawah. Selain daripada itu, sistem pendidikan kita lebih cenderung kepada menghafal. Dengan itu, ia adalah bertentangan dengan hasrat negara supaya melahirkan pelajar yang berani mencuba, aktif berfikir dan boleh berdikari. Pada pendapat saya pelajar-pelajar yang pintar walaupun dibiarkan bergelut di luar bandar, mereka tentu akan mencari caranya untuk terus *survival*. Mungkin ini satu-satunya kriteria yang penting untuk mereka menghadapi cabaran dunia yang penuh dengan cabaran dan pancaroba. Selain dari itu juga, saya cukup berharap Y.A.B. Menteri Besar akan melobi lebih banyak peruntukan terutamanya dalam pembangunan kemudahan di sekolah-sekolah. Banyak sekolah-sekolah walaupun kedudukannya di bandar terutamanya sekolah-sekolah yang lama mempunyai banyak kemudahan yang cukup tua dan dengan itu perlu dibaiki. Misalnya bumbung bangunan dan sebagainya dan ini menelan perbelanjaan yang sangat besar. Kalau tidak kerajaan membantu, siapa pula mereka hendak rujuk. Selain dari itu, untuk sekolah-sekolah kebangsaan hasrat kerajaan ialah untuk menambahkan bilangan 6% keturunan Cina itu menjadi 12% kelak. Saya rasa ini tidak akan menjadi masalah kalau sekolah kebangsaan ditambah daya tarikannya.

Dato' Yang Dipertua, bio teknologi merupakan satu bidang yang baru dan di Negeri Perak saya berasa cukup gembira kerana mendapat berita bahawa terdapat RM235 juta akan membuat pelaburan di Lumut untuk memulakan loji bio diesel. Akan tetapi bio teknologi ini adalah satu bidang yang cukup luas. Saya rasa adalah masanya kita perlu mengadakan satu panel juru runding supaya pakar-pakar akan memberi menunjukkan arah tuju kita, bidang mana, skop mana yang harus kita terokai untuk yang sesuai dengan suasana di Negeri Perak ini. Kadang-kadang iri hati juga mendengar Projek

Ternakan Ikan Laut secara bio teknologi akan ditumpukan di Pangkor. Pada hal Pangkor saya rasa sudah cukup maju. Dengan EXCO yang rajin itu saya rasa tak perlulah banyak tumpuan. Bagilah sikit-sikit tumpuan ke Kuala Sepetang. Kuala Sepetang sebenarnya adalah tempat ternakan ikan laut yang cukup besar dan agak berjaya akan tetapi teknologi yang digunakan masih terlampaui lama atau usang dan mereka banyak bergantung kepada keadaan cuaca dan juga nasib. Dengan memperkenalkan sedikit sebanyak teknologi yang baru saya rasa masa depan mereka akan lebih terjamin. Malah Kuala Sepetang adalah kawasan ternakan kerang yang terbesar di negara ini. Walaupun kita tidak membenarkan benih-benih kerang itu dieksport tetapi oleh kerana pengeluarannya terlalu banyak mahu tak mahu ada juga berlaku penyeludupan. Saya rasa kerajaan haruslah kaji yang undang-undang yang lama itu supaya sekatan itu tidak menjadikan penghalang kemajuan di Kuala Sepetang. Tidak lama dahulu Kelab BBC Perak pernah membuat lawatan ke Negeri Selangor dan adalah dimaklumkan bahawa ikan talipia kalau di ternak di laut ia akan menjadi lebih bermutu dan lebih tinggi harganya. Adalah harapan saya teknologi seperti itu dapat diperkenalkan di Kuala Sepetang. Tambah lagi teknologi yang digunakan bukan terlampaui kompleks bukan terlampaui susah dan amat mudah dilakukan. Selain daripada itu, kita harus juga *back to basic*. Setengah-setengah daripada kemudahan asas dan juga perkara-perkara yang penting untuk penternakan ikan laut itu hendaklah dijaga antaranya pencemaran sungai dan juga dasar sungai yang semakin cetek. Saya rasa adalah penting penyelenggaraan sungai sentiasa dilakukan supaya air sungai tidak tercemar dan dasar laut tidak cetek. Terutamanya penduduk-penduduk asal nelayan yang kekurangan pengetahuan dan pendidikan jangan membuang kulit-kulit kerang balik ke dasar sungai. Ini akan mencemarkan alam sekitar dan di kawasan saya yang berhampiran dengan kawasan industri Kamunting, sungainya berbau walaupun pada musim hujan dan airnya hitam walaupun di sana kawasan itu dinamanya Air Putih. Selain daripada itu juga, saya rasa adalah penting juga kita merealisasikan galeri ikan hiasan ataupun seperti yang dicadangkan oleh Wakil dari Teja. Diadakan taman akuatik untuk ikan hiasan. Saya rasa sama ada taman akuatik ataupun galeri ikan hiasan ini akan menjadi satu potensi ekonomi yang baru selain menjadi pusat tarikan pelancong ia juga akan menjadi tempat untuk perniagaan ikan hiasan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, negara kita perlu maju akan tetapi pada pendapatan saya, Desa janganlah kita bangunkan desa seperti bandar. Adalah memadai kalau desa itu kekal sebagai keadaan yang sekarang ini cuma ditambah dengan kesejahteraan hidup, kemudahan asas, bersih dan diadakan segala kelengkapan yang asas seperti bekalan air yang bersih dan juga bekalan letrik. Dan selain daripada itu kemudahan yang lain seperti Pejabat Pos, Balai Polis, Balai bomba dan sebagainya haruslah juga dilengkapi. Di tempat saya adalah kekurangan Balai Bomba dan saya cukup bimbang, cukup bimbang di kawasan itu kerana kawasan itu rumah-rumahnya kebanyakannya adalah rumah papan dan sangat rapat dan kalau berlaku kebakaran yang besar tak tahu apa yang akan berlaku. Di depan mata saya saja sudah berlaku dua kali kebakaran yang kecil tapi mungkin mereka tentulah terlalu biasa dengan kebakaran, jadi mereka dapat memadamkan api itu dengan cekap dengan kerjasama bersama cuma itu adalah pada masa-masa lawatan saya ada banyak orang di tepi. Kalau bukan masa lawatan saya ditengah-tengah malam, apa akan jadi, saya tidak tahu.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :**      Y.B. Lagi tiga minit. Lagi tiga minit.

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG :** Sikit lagi mintak.....selain daripada itu juga di dalam bidang pelancongan, di kawasan saya, saya dapat mendabik, membusungkan dada kerana, kerana di kawasan saya terdapat hutan bakau yang terbaik diurus di dunia akan tetapi ia akan, ia tidak membawa banyak munafaat pelancongan kerana, kerana ikut hutan bakau itu dijadikan ikut pelajaran sahaja. Adalah tidak memadai kalau kitakekalkan status hutan itu seperti sekarang, eloklah kita menambahkan ia, lebih banyak lagi daya tarikan pelancongan. Dan dalam segi pelancongan, saya rasa tidak perlu mempunyai banyak kriteria yang hebat, yang penting adalah promosi dan juga perkhidmatan dan juga yang ada. Contohnya Negara jiran kita di selatan pada tahun 1972, apabila Perdana Menterinya ingin memajukan pelancongan , laporan daripada pegawai-pegawaiannya ialah, di sana tidak ada apa-apa cuma ada Cahaya matahari sahaja ataupun dalam bahasa mereka *sunshine only*, dia tak ada bangunan yang tinggi-tinggi, bangunan yang bersejarah dan sebagainya tapi jawapan Perdana Menterinya, itu sudah cukup baik. Kita ada sinaran matahari dan dengan usaha mereka sebanyak 30 tahun ini, kini mereka telah muncul menjadi Negara pelancongan ketiga di Asia, dia dibelakang Negara Cina dan India. Dengan itu adalah dicadangkan bahawa jawatankuasa Pelancongan Negeri Perak ini perlu menjadi lebih agresif, dan mungkin setengah-tengah daripada ADUN kita boleh dijadikan ahli panel seperti di Pulau Pinang. Adalah, kita perlu adakan perancangan yang lebih sistematik dan lebih bercorak komersial contohnya sebelum kita melakukan sesuatu misi ataupun sesuatu promosi kita hendaklah tahu berapa pelancong yang dari sasaran kita datang kesini, sebelum dan selepas itu berapa kita hendak capai dan berapa lama tempohnya.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Terima kasih Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG :** Kita mesti ada *time frame* jadi *time frame* dan juga sasaran barulah kita akan dapat mengukur kejayaan kita. Dengan itu oleh kerana batasan masa jadi, saya tetap berharap Negeri Perak akan mencapai impianya. Dan dengan ini Kuala Sepetang memohon menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Dijemput Alor Pongsu.

**Y.B. ENCIK SHAM MAT SAHAT:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama rakan-rakan yang lain mengambil bahagian dalam membahaskan tiaah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak di sidang penggal ke-3, Dewan Negeri yang Ke-11 ini. Sidang Dewan yang dihormati sekalian, Alor Pongsu menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak yang mengambil input hala tuju RMK-9 dan misi nasional dari Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan sandaran Kerajaan Negeri dalam merangka Rancangan dan Program Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Negeri ini. Malah keutamaan yang diambil kira oleh baginda ialah di kawasan yang kurang membangun dan luar Bandar. Sesungguhnya kawasan Alor Pongsu mencakupi dua kriteria itu iaitu kawasan kurang membangun dan kawasan luar bandar. Dalam rancangan-rancangan Malaysia Ke-9 ini juga tertera untuk membangunkan kawasan utara semenanjung. Justeru itu saya menyokong penuh dan berharap agar hasrat kerajaan negeri melaksanakan perancangan ini berjaya demi keselesaan kehidupan rakyat di Lembah Beriah, Alor Pongsu dan kawasan persekitarannya. Sememangnya limpahan pembangunan dari pembinaan Jambatan kedua Pulau Pinang akan merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan Perak utara dan perancangan ini akan sudah tentu

dapat membantu Perak maju pada tahun 2015. Ingin saya menambah catatan ini dengan merujuk kajian yang dijalankan oleh UPEN mengatakan bahawa Lembah Beriah merupakan satu tapak baru untuk pembangunan ekonomi, sosial dan rekreasi. Justeru itu, ianya berpotensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan penduduk setempat, Keluasan tanah yang dikenalpasti ialah seluas 2000 hektar. Kesan sampingan kemajuan Lembah Beriah ini juga kerana pembinaan Jambatan kedua Pulau Pinang yang akan menjadi lalu utama ke arah *commercialize*. YB. Dato Yang Dipertua, banyak keselesaan dan peluang yang dapat meningkatkan pendapatan ekonomi rakyat di Lembah Beriah secara sampingan mahupun secara pendapatan tetap apabila projek ladang rakyat yang meliputi projek bumi hijau, ladang ternakan yang ditempatkan di ladang-ladang kelapa sawit dan getah di jalankan. Ladang Rakyat yang dimaksudkan bukan saja mengandungi tanaman-tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah tetapi juga dapat di integrasikan dengan ternakan haiwan seperti ayam, lembu, kambing. Lembah Beriah mempunyai kawasan yang luas, berpotensi bagi projek tersebut dan kini bersedia sekiranya kerajaan negeri mewujudkan ladang rakyat di kawasan Lembah Beriah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada komponen pertanian projek Krian Sg. Manik di daerah Krian yang telah membekalkan benih-benih pisang untuk pekebun-pekebun kecil di Lembah Beriah. Usaha-usaha yang seperti ini adalah merupakan nilai-nilai tambah kepada pekebun kecil yang patut dijadikan contoh dan diikuti oleh jabatan-jabatan lain. Saya juga mencadangkan agar Jabatan Haiwan juga boleh membekalkan benih-benih ternakan seperti lembu, kambing, dan ayam kepada pekebun-pekebun kecil sebagai projek intergarsi yang boleh mendatangkan nilai-nilai tambah kepada pendapatan mereka. Selain itu, Jabatan Perikanan juga boleh mengambil inisiatif membekalkan benih-benih ikan air tawar bagi meningkatkan taraf ekonomi para petani. Dalam hal ini, Dato Yang Dipertua, saya memohon kepada Jabatan Haiwan Negeri Perak agar dapat menambah bekalan tahunan haiwan ternakan seperti lembu, dan kambing kepada daerah Kerian. Kerana pada masa ini permohonan adalah tidak seimbang dengan bekalan. Umpamanya pada tahun 2005 terdapat 319 permohonan untuk ternakan lembu sedangkan bekalan yang diterima hanyalah 15 ekor lembu betina dan 5 ekor lembu jantan. Sementara bagi ternakan kambing pula dianggarkan sebanyak 30 hingga 40 permohonan diterima sedangkan bekalan yang diterima hanya 16 ekor kambing jantan dan 2 ekor kambing betina. Jika keadaan ini berterusan dalam tahun 2006 maka saya bimbang hasrat kita untuk membantu para penternak akan terus menemui kegagalan.

Y.B. Dato' Yang Dipertua, Lembah Beriah boleh dimajukan lagi tetapi saya memohon kerajaan negeri agar mempercepatkan susur keluar lebuhraya utara selatan di kawasan Alor Pongsu. Ini, supaya akan sebagai pembangunan ekonomi dan sebagai asas seimbang dan sederap. Selain itu projek tempatan banjir di sepanjang Sg. Kerian juga hendaklah disegegerakan. Projek ini bukan sahaja memberi munafaat ekonomi kepada orang ramai tetapi juga di sepanjang tempatan banjir ini boleh dijadikan laluan rekreasi dan tarikan pelancong bukan saja dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui kehadiran pelancong dan juga aktiviti industri yang lain. Kita mengakui bahawa projek tempatan banjir ini menelan belanja yang terlalu tinggi dan pihak JPS tidak dapat melaksanakan dengan segera. Banjir yang berlaku di Lembah Beriah dan Alor Pongsu ini berpunca dari limpahan air ketika hujan lebat dan air pasang dilaut. Limpahan air Sungai Tebing Tinggi, Sg. Beriah Kiri, Sg. Beriah Kanan, dan juga Sg. Merah akan mengalir ke Sg Kerian. Air yang banyak ini akan menyebabkan melimpah dan berlakunya banjir di Lembah Beriah dan Alor Pongsu. Maka kerana itu saya berseru kepada kerajaan negeri supaya dapat mewujudkan dan menyegerakan projek tempatan banjir ini secepat mungkin kerana pendapatan sebilangan besar penduduk di Alor

Pongsu ini berasaskan pertanian. Sekiranya berlaku banjir disebabkan empangan pecah maka sumber pencarian mereka akan terjejas. Dalam hal ini saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JPS Negeri Perak, dan terima kasih juga kepada Jurutera JPS Daerah Kerian serta semua kakitangan JPS Daerah Kerian di atas komitment mereka mencari jalan untuk mengatasi masalah ini walalupun terikat dengan peruntukan yang terbatas. Saya memohon peruntukan mengatasi masalah banjir sebanyak 4 billion yang diumumkan dalam RMK-9 disalurkan ke JPS Kerian bagi mengatasi permasalahan ini. Y.B. Dato Yang Dipertua, nasib rakyat miskin tegar hendaklah diberi perhatian serius terutama sekali di kawasan Dewan Undangan Negeri Alor Pongsu . Penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sejak kebelakangan ini kerap terlewat. Bantuan bagi bulan April dan Mac belum lagi diterima dan bantuan yang terakhir diterima adalah bulan Februari, 2006. Saya berharap agar pentadbiran ACC kerajaan mempunyai sikap berintergriti tinggi dan berwawasan yang mempunyai misi dan visi untuk dicapai. Saya berharap agar mutu kerja dan kualiti produktiviti hasil kerja dapat dipertingkatkan. Bagi pihak peserta PPRT yang mendapat bantuan daripada ladang FELCRA Bhd. saya merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan Negeri Perak yang bersimpati dengan orang-orang miskin. Setiap bulan peserta-peserta ini mendapat RM250 berbentuk wang tunai dan barang keperluan dapur. Apa yang menjadi masalah runggutan pada hari ini ialah terdapat penerima yang daif dan ibu tunggal terpaksa memikul barang-barang keperluan dapur yang dianggarkan lebih kurang 50kg. berupa beras, minyak gula dan sebagainya. Daripada pejabat FELCRA Bagan Serai ke perhentian bas sejauh 1.5 km. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, cuba bayangkan seorang ibu tunggal yang daif memikul barang-barang seberat 50kg sejauh 1.5km. Saya mencadangkan satu cara *alternative* lain yang sesuai dan efisyen dilaksanakan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Lagi empat minit.

**Y.B. ENCIK SHAM BIN MAT SAHAT :** Sikit lagi. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, satu lagi permasalahan yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulai ini ialah masalah peserta Felcra Gugusan Kg. Perlis yang masih tercari-cari batu sempadan ladang-ladang mereka. Perbelanjaan untuk sukat telah lama dibayar sejak 20 tahun yang lalu tetapi batu sempadan masih belum kelihatan lagi. Saya berharap Jabatan Tanah dan Galian serta Jabatan Ukur perlu peka dan bertindak segera sebelum perkara ini berlarutan terlebih lama. Sementara peserta Felcra Kg. Perlis, ini berbeza Yang Dipertua, Gugusan Kg. Perlis dan Kg. Perlis ini adalah tempat yang berbeza. Sementara peserta Felcra Kg. Perlis pula masih keliru kerana dalam geran tanah mereka tercatat keluasan hak milik ialah 4 ekar bagi setiap peserta. Yang peliknya ialah apabila agihan pendapatan dibuat setiap dua tahun sekali pemberian adalah berdasarkan tiga ekar setiap peserta. Setelah disiasat didapati bahawa jumlah peserta melebihi daripada jumlah lot tanah yang disediakan. Pihak-pihak yang berkenaan perlu siasat dimanakah punca kesilapan dan apakah jalan untuk membetulkannya.

Dato Yang Dipertua, kawasan Dewan Negeri Alor Pongsu juga tidak mahu ketinggalan di dalam bidang pendidikan. Sukacita dinyatakan di sini bahawa terdapat sebanyak 7 buah Sekolah Kebangsaan, 3 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 7 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 2 buah Sekolah Menengah dan 1 buah Sekolah Teknik di dalam DUN Alor Pongsu. Ada sebahagian daripada sekolah ini masih lagi mengadakan sesi pagi dan petang iaitu dua sesi. Ekoran dari aktiviti sekolah yang menjalankan dua sesi ini sememangnya mempunyai banyak masalah kepada pelajar-pelajar dan keluarga mereka. Kanak-kanak yang belajar sesi pagi terpaksa bangun menyiapkan diri ke

sekolah seawal jam 5.00 pagi manakala pelajar yang sesi petang akan sampai ke rumah masing-masing lebih kurang jam 8.00 malam. Untuk mencapai hasrat kerajaan yakni pelajar minda kelas pertama sedikit sebanyak telah mengganggu proses pembelajaran mereka. Tumpuan terhadap pelajaran akan terbantut. Saya berharap agar kerajaan dapat mengambil langkah yang sewajarnya untuk menambah kemudahan sekolah-sekolah ini bagi menjalankan pengajaran dalam satu sesi sahaja. Begitu juga kawasan ini terdapat, kawasan ini juga terdapat sekolah agama rakyat dan kelas fardhu ‘ain yang seolah-olah hidup segan mati tak mahu. Saya berharap agar kerajaan dapat mengambil langkah yang sewajarnya untuk menambah kemudahan sekolah-sekolah ini bagi menjalankan pengajaran dalam satu sesi sahaja. Begitu juga kawasan ini terdapat, kawasan ini juga terdapat Sekolah Agama Rakyat dan kelas fardhu ain yang seolah-olah hidup segan mati tak mahu. Saya berharap Kerajaan Negeri Perak dapat menambah peruntukan Bahagian Agama bagi mendirikan bangunan-bangunan sekolah yang belum ada bangunan dan juga mengujudkan institusi bagi melatih guru-guru dalam bidang pendidikan. Dato' Yang DiPertua, Alor Pongsu mohon menyokong.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** ..Selinsing

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN:** Dato' Yang DiPertua, saya satu saja wakil wanita, bagilah peluang.

**Y.B. ENCIK ZAILI BIN CHA:** Jangan ganggu.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Saya bagi semua yang tak biasa lagi tu lama, Alor Pongsu tadi, ni Selinsing bagi rasa.

**Y.B. ENCIK ZAILI BIN CHA:** Dato' Yang DiPertua, pertama saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak di Dewan yang mulia ini. Baginda dalam titah ucapannya secara jelas telah menyentuh pelbagai aspek yang berkaitan dengan agenda besar negara, iaitu misi nasional yang mendasari pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Di samping berbagai perkara lain yang berhubung kait dengan hala tuju masa depan Perak ke arah negeri maju pada tahun 2015. Dato' Yang Dipertua, misi nasional adalah satu rangka kerja dasar dan pelaksanaan yang menggariskan keutamaan negara bagi tempoh 15 tahun, merupakan perkara pokok yang diberi keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Misi nasional juga turut memberi penekanan terhadap pelaksanaan program yang boleh meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, memperkuuh perpaduan negara serta mengujudkan pengagihan pendapatan dan kekayaan. Di samping kualiti hidup yang lebih baik di kalangan rakyat, misi ini telah menggariskan 5 teras utama yang mesti dilaksanakan demi mencapai matlamat dan cita-cita negara. Kita yakin Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan menggerakkan agenda pembangunan negara untuk tempoh lima tahun pertama dalam misi nasional akan berjaya menterjemahkan semua lima teras yang digariskan itu menjadi reality. Namun perlu diingat bahawa yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang, begitu juga dengan hasrat dan cita-cita ke arah pencapaian semua objektif dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi nasional ini. Makanya semua pihak sama di sektor awam, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat umumnya perlu turut sama mengambil bahagian memainkan peranan masing-masing. Kombinasi kerjasama seluruh pihak ini amat penting bagi mengujudkan satu komponen utama yang akan bertindak menjadi jentera pelaksana kerja. Usaha ke arah pencapaian

objektif dan sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan juga akan menjadi lebih mudah sekiranya usaha menambahbaikkan mekanisma pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian diberi keutamaan. Ia bukan sahaja perlu, malah wajar diberi perhatian agar segala program yang bakal dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan dengan berkesan. Kita juga percaya kerajaan samada di peringkat pusat atau khususnya dalam konteks Negeri Perak akan terus meningkatkan usaha bagi menutup ruang untuk rasuah, amalan tidak sihat serta penyalahgunaan kuasa daripada terus berleluasa baik di sektor awam ataupun di sektor swasta. Kita juga yakin kerajaan akan memperkenalkan inisiatif untuk terus meningkatkan ketelusan serta mengurangkan pembaziran bagi memperbaik mutu perkhidmatan awam. Kerajaan pasti sekali akan terus berusaha mengurangkan kerenah birokrasi dan menambahbaik perkhidmatan agensi barisan hadapan ini.

Dato' Yang DiPertua, dalam konteks pembangunan wilayah seimbang, saya amat berharap jika tempias limpahan pembangunannya turut mengalir masuk ke kawasan Dewan Undangan Negeri Selinsing yang saya wakili. Zon pembangunan utara Semenanjung juga diharap dapat memberikan durian runtuh serta menjana pertumbuhan sosio ekonomi kepada rakyat Selinsing. Kajian yang terperinci perlu dilakukan bagi mengenal pasti potensi-potensi yang boleh dimajukan di kawasan Selinsing, sekaligus mampu merubah lanskap Selinsing menjadi pusat pertumbuhan baru yang pesat membangun. Dengan lokasi yang hampir dengan projek mega iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang, saya yakin kehadirannya kelak mampu menjana pembangunan Selinsing selain berupaya menyediakan peluang ekonomi dan menambahbaik infrastruktur kemudahan sosial dan asas bagi mengurangkan jurang antara bandar dengan luar bandar. Saya juga menyarankan agar Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri serta Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, di samping agensi-agensi berkaitan agar tidak terlepas pandang melihat kontensi yang ada di Selinsing agar turut dieksplorasi demikian pentingnya rakyat setempat. Selain menyalurkan pelbagai kemudahan infrastruktur dan utiliti yang sememangnya menjadi keperluan asas penduduk, saya berpendapat Selinsing juga memerlukan sebuah institusi pengajian tinggi awam di samping penerokaan potensi-potensi baru yang berupaya merangsang pertumbuhan serta menjana pendapatan penduduk. Begitu juga dalam konteks pembangunan modal insan, saya berharap langkah-langkah lebih drastik dan proaktif wajar dilakukan demi memastikan golongan muda yang bakal menjadi generasi pewaris ini mendapat pembelaan. Jati diri mereka perlu diperkuatkan lagi, ketrampilan mereka perlu diketengahkan dalam arus perdana pembangunan negara.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Minta maaf Yang Berhormat. Tempoh 15 minit tamat.

**Y.B. ENCIK ZAILI BIN CHA:** Mana boleh.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** O baru, saya ingat pembahasan lama. Saya baru mengambil alih kerusi.

**Y.B. ENCIK ZAILI BIN CHA:** Tambah balik 3 minit dekat saya nanti. Jatidiri mereka perlu diperkuatkan lagi, ketrampilan mereka perlu diketengahkan dalam arus perdana pembangunan negara. Saya percaya usaha-usaha ke arah memperkasakan jenerasi muda khususnya belia ke arah pembentukan jenerasi yang proaktif serta berakhhlak tinggi boleh dibentuk menerusi program-program pembangunan sukan dan rekreatif. Aktiviti-aktiviti sukan yang pelbagai dan kemudahan infrastruktur yang mencukupi

adalah penting demi memastikan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang sihat. Fenomena yang membabitkan jenama muda ke kancang pelbagai aktiviti yang tidak sihat akhir-akhir ini, merupakan satu yang amat membimbangkan. Ia memerlukan pelan bertindak yang lebih sistematik bagi mencari punca dan cara bagaimana untuk menanganinya. Kita hairan bagaimakah jenama yang telah kita asuh dengan nilai-nilai positif di peringkat sekolah serta institusi kekeluargaan ini boleh menjadi *levity* besar kepada masyarakat akibat pelbagai kebejatan yang menjadi budaya dan gaya hidup masakini. Statistik juga mencatatkan pembabitan jenama muda dalam penyalahgunaan dadah, aktiviti kurang bermoral, seks bebas, budaya funk, *gangsterism*, *vandalism* dan kes-kes juvana adalah amat membimbangkan sekali. Apakah institusi kekeluargaan kita makin rapuh, adakah sistem pendidikan kita gagal untuk menerapkan nilai positif ke dalam jiwa jenama muda. Sebagai pewaris kepada kesinambungan perjuangan masa depan, kita berharap agar satu pendekatan lebih drastik wajar dilakukan. Jenama pewaris ini perlu diselamatkan dari terus terjebak ke kancang keburukan dan kebejatan sosial yang semakin parah ini. Kalau pun sudah ada langkah-langkah penguatkuasaan yang boleh digunakan bagi membenteryas gejala sosial ini dari terus berleluasa, diharapkan agar ia dilakukan secara berterusan, bukan bermusim. Kami berharap pihak-pihak berkuasa tempatan tegas dalam menjalankan bidang kuasanya terhadap cyber-cyber kafe yang menyalahgunakan premis perniagaan mereka. Apa yang berlaku hari ini, majority pengunjung *cyber cafe* adalah budak-budak sekolah. Mereka bukan sekadar membuang masa berjam-jam untuk bermain *game*, dengan izin bahkan premis-premis *cyber cafe* kini menjadi *port* dengan izin mereka untuk berjinak-jinak dengan gejala pertaruhan atau judi, tempat lepak, hisap rokok ataupun bermadu kasih. Saya lihat perkara ini amat jelas dan serius sekali. Saya berharap pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen sentiasa memberi pemantauan terhadap premis-premis ini. Fenomena ini pastinya tidak sekadar berlaku di Ipoh atau di bandar-bandar besar lainnya, bahkan di pekan-pekan kecil. Saya juga mencadangkan, marilah kita bersama-sama turun padang meninjau sendiri, lihat dengan mata kepala sendiri, apa yang sedang berlaku di *cyber cafe*. Ini amat serius sekali pada ketika ini.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, daerah Kerian berpotensi menjadi destinasi pelancongan popular berdasarkan warisan alam semulajadi. Kuala Gula suatu kawasan unik pelancongan eco berteraskan taman *sanctuary*. Kita percaya tidak ada tempat lain yang hebat semacam Kuala Gula. Pelancong dalam dan luar negeri datang semata-mata mau melihat habitat semula jadi burung. Saya harap agar kerajaan negeri khususnya Majlis Tindakan Pelancongan Perak, Tourism Malaysia dan penggiat-penggiat sektor pelancongan, melihat potensi yang dimiliki oleh Kuala Gula *Sanctuary Negeri Perak* dengan izin. Kita tidak mahu khazanah ini sekadar jadi tempat pelancong datang untuk melihat burung, kita mahukan lebih dari itu, Kita mahu agar *Kuala Gula Sanctuary Park* dibangunkan sebagai pusat penyelidikan spesis burung terunggul. Kita tak nak pelancong singgah sekejap, tangkap gambar burung kemudian balik. Ini amat merugikan industri pelancongan kita. Kita mahu kerajaan memberi perhatian khusus kepada *Kuala Gula Bird Sanctuary Park* ini. Kita tingkatkan kemudahan asasnya, kita tambahkan bilangan chaletnya, kita aturkan pelbagai pakej lebih menarik agar pelancong dapat tinggal lama di sini. Saya ingin mencadangkan supaya Kuala Gula dijadikan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan R&D Negeri Perak sejarah dengan hasrat murni kerajaan negeri ke arah pembangunan berdasarkan kreativiti dan inovasi. Komplek ini seharusnya mempunyai kemudahan R&D dan biotech bertaraf dunia. Saya percaya, usaha berterusan memajukan *Kuala Gula Bird Sanctuary Park* bukan sekadar mampu mengukir nama Perak di peta antarabangsa bahkan yang lebih

penting ia kelak berupaya menjana pertumbuhan sosio ekonomi setempat. Ia tentu sekali akan membuka lebih banyak peluang kerja sekurang-kurangnya sekadar menjadi pemandu pelancong. Peniaga-peniaga warung yang ada mungkin akan bertukar menjadi pengusaha restoran terkemuka. Pengusaha chalet hari ini juga mungkin akan menjadi pemilik hotel mewah walaupun tidak ada bintang, tetapi lebih memadai kalau ianya lebih selesa, lengkap dengan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh pengunjung.

Dato' Timbalan Yang DiPertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Y.A.B. Dato' Seri Diraja Menteri Besar yang amat komited dalam memajukan sektor pelancongan Perak. Kita percaya Perak memiliki segala-gala yang tidak ada di tempat lain. Kita memiliki lebih dari 10 produk pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan. Y.A.B. Dato' Seri Diraja Menteri Besar baru-baru ini telah mengetuai delegasi ke Medan dan Singapura. Fokus utamanya ialah menjual Perak dari aspek pelancongannya. Matlamat kerajaan negeri amat jelas iaitu menarik kehadiran lebih ramai pelancong. Selain keindahan alam semula jadi, pulau yang indah, pantai dan gua-gua yang amat unik, kerajaan negeri sudah mula menggerakkan sektor pelancongan pendidikan dan kesihatan sebagai potensi pelancongan baru yang mampu memberi pulangan yang lumayan. Kerajaan telah melihat potensi semua ini tetapi yang penting adalah agensi-agensi pelaksana. Mereka perlu melihat jauh lebih ke hadapan, apakah yang kerajaan mahukan. Adakah mereka sudah ada persiapan ke arah itu. Adakah terminal-terminal utama kemasukan pelancong sudah dilengkapkan dengan pelbagai infrastruktur yang diperlukan, contohnya perkhidmatan pintu keluar masuk di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah dan sebagainya. Air Asia sudah mendarat, kalau boleh khidmat di bahagian bagasi perlu dipertingkatkan lagi. Tidak perlulah penumpang tunggu berjam-jam sekadar mahu menuntut barang-barang. Begitu juga antara Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perak dan Toursim Malaysia, program bersepada ke arah mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan wajar dilakukan bersama. Kerja pasti lebih mudah kalau dibuat bersama kerana apa yang kita faham masing-masing mempunyai haluan berbeza dari segi objektif dan tindakan. Apa yang jelas Dato' Timbalan Yang DiPertua, kita kena bekerja dalam satu pasukan, kita kena sama-sama berpadu tenaga menjayakan agenda nasional, kita perlu mempunyai misi, visi yang sama dalam memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Pendek kata, ke bukit sama kita daki, ke jurang sama kita turuni, hati gajah sama-sama kita lapah, hati nyamuk sama kita cicah. Begitulah azam dan matlamat kita dalam menjayakan agenda besar ini. Dato' Timbalan Yang DiPertua, saya mohon menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Rungkup.

**Y.B. ENCIK CHAN CHIN CHEE:** Terima kasih Dato' Timbalan Yang DiPertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan sempena Penggal Ketiga Dewan Negeri Yang Kesebelas ini. Dato' Timbalan Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja dalam ucapan baginda pada hari Isnin yang lepas, telah menyentuh perkara tentang usul Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Rancangan tersebut dianggap sebagai dasar rujukan usaha membangunkan negara kita menjadi sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing. Salah satu sektor yang potensi ialah sektor pelancongan. Dan ianya akan terus diterokai. Negeri Perak mempunyai cukup bahan khazanah pelancongan dari segi warisan sejarah, kesenian dan kebudayaan. Pada tahun 2005 rekod lembaga penggalakan pelancongan Malaysia, jumlah kedatangan

pelancong-pelancong ke Negeri Perak mencapai angka hampir 2.4 juta pelancong. Negeri Perak mempunyai banyak gua-gua semula jadi yang sudah menjadi tempat pelancongan yang cukup menarik hati khasnya di kawasan Simpang Pulai seperti Lam Ken Tong, Sam Poh Tong dan Kuan Yee Tong. Pada tiap-tiap tahun, tempat yang menarik ini telah mendarangkan hasil ekonomi yang besar kepada negeri kita melalui pelancongan. Selaku ADUN di kawasan itu saya merayu kepada Kerajaan Negeri Perak seharusnya memberi peruntukan yang secukupnya kepada tempat-tempat pelancongan yang menarik ini supaya tempat pelancongan ini boleh membangun dengan lebih sempurna dan menarik.

Dato' Timbalan Yang DiPertua, seperti apa yang kita sedia maklum bahawa pengumuman oleh Y.A.B. Menteri Besar kita pada hujung tahun yang lepas bahawa syarikat penerbangan Air Asia akan mendarat ke Ipoh daripada Senai, Negeri Johor dan kini telah berjaya mendarat ke Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah pada Februari tahun ini. Perkara ini adalah sangat memberangsangkan khasnya kepada industri pelancongan di Ipoh khasnya dan di Negeri Perak amnya. Dan untuk seterusnya menampong industri pelancongan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meningkatkan untuk prasarana khasnya di kawasan Simpang Pulai kerananya adalah kawasan yang terdekat pada lapangan terbang dan juga kawasan ini yang berhampiran dengan koridor lebuhraya Utara-Selatan dan juga lebuhraya Simpang Pulai/Cameron Highlands. Usaha-usaha Kerajaan Negeri ini tentu akan memberikan impak lebih besar jika disokong secara bersama oleh pihak swasta terutama mereka yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan. Pihak-pihak berkuasa tempatan perlulah menjamin bahawa kemudahan pelancongan sentiasa diselenggara dengan baik dan terjaga.

Dato' Timbalan Yang DiPertua, kerajaan kita memang berhasrat untuk mencapai taraf negara maju dalam tempoh 15 tahun dari sekarang. Hasrat ini adalah matlamat Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau adalah seorang Perdana Menteri yang berwawasan dan kita haruslah mempelajari dari beliau. Beliau sentiasa mengingatkan kita supaya bukan sahaja berdaya saing di antara kita, tetapi juga di peringkat global. Pembangunan modal insan adalah salah satu bidang yang begitu penting bagi misi nasional. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membentukkan negara kita sebuah negara yang maju seimbang pembangunan sosialnya yang berkemahiran dan berpandangan jauh hingga dapat membina tamadun dan menjulang mertabat negara. Kita hendaklah meningkatkan keupayaan, pengetahuan serta memupuk pendidikan dan kemahiran, memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri. Oleh itu kita haruslah bersiap sedia untuk menghadapi segala perubahan yang lebih mencabar dan lebih bersaing. Yang perlu dikaji semula ialah mekanisma untuk cendikiawan menggunakan kreativiti bagi menghasilkan inovasi yang dapat menerokai bidang-bidang baru. Kita juga harus menarik tenaga akademik dari seluruh dunia untuk berkhidmat dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman dengan ahli-ahli akademik tempatan. Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya memang menyokong kepada tindakan kerajaan untuk meningkatkan usaha membasmi kemiskinan dengan lebih menyeluruh tanpa mengira kaum, kawasan, wilayah atau negeri dalam Rancangan Malaysia ke 9. Ia merupakan satu langkah bagi menangani ketidakseimbangan pencapaian sosio ekonomi negara melalui tumpuan yang bakal dilaksanakan. Saya berharap kerajaan akan memastikan nasib golongan miskin lebih terbela supaya landasan sosio ekonomi negara terus kukuh.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, dalam kawasan saya terdapat beberapa buah rumah setinggan yang berdiri merata-rata. Ini sudah jadi satu masalah dan sekian lama ianya sudah menghindari perkembangan sosio ekonomi di tempat itu dan saya telah dimaklumkan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mencapai tahap setinggan sifar dan dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mendirikan rumah pangsa di kawasan yang berhampiran rumah setinggan dan mungkin dengan cara yang demikian saya berharap akan mengatasi masalah rumah setinggan yang berada di tempat kejadian. Dengan ini perpaduan dan kestabilan negeri dapat dikenalkan, manakala ekonomi negeri pula terus dibangunkan secara mampan.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan isu pencemaran. Dalam titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak, baginda ada menyentuh masalah pencemaran alam sekitar yang perlu diberikan perhatian serius. Apa yang akan bangkit di sini adalah satu kes pencemaran yang telah lama berlarutan dan tiada penyelesaian muktamat sehingga ke hari ini. Pencemaran alam sekitar akibat operasi kuari di Gunung Tunggal, Simpang Pulai. Masalah yang berlaku ialah di perumahan Taman Chandan Desa. Sepertimana yang pihak kerajaan sedia maklum iaitu terdapat satu jalan masuk lori-lori mambawa bahan batu berdekatan dengan kawasan perumahan. Jalan tersebut hanya beberapa meter sahaja dengan kawasan perumahan yang dimaksudkan. Akibatnya telah mendatangkan masalah pencemaran habuk dan bunyi bising. Setahu saya perkara ini telah lama berlarutan sejak Taman Chandan Desa Fasa 1 dan Fasa 2 didirikan oleh pemaju dan pada tahun 1992, penduduk telah membuat beberapa perjumpaan dengan agensi-agensi kerajaan seperti DBI, Pejabat Tanah, Pejabat Alam Sekitar dan lain-lain agensi termasuk dengan Y.B. Exco Alam Sekitar pada waktu itu. Bermacam-macam janji dan usaha yang telah dilakukan, namun ianya tidak berkesudahan. Namun sehingga ke hari ini penduduk yang berhampiran dengan jalan yang terlibat masih menghadapi masalah yang sama. Tidak dinafikan terdapat satu usaha yang dilakukan pada setiap hari iaitu menyiram air di atas jalan. Ianya tidak dapat menampung dengan jumlah lori-lori keluar-masuk dan waktunya juga tidak menentu. Hanya terdapat satu lori air sahaja yang digunakan untuk menyiram. Lebih ketara lagi apabila di musim cuaca panas di mana air cepat kering. Walaupun sedemikian ianya tidak dapat menghalang pencemaran bunyi bising setiap hari. Akibat pencemaran habuk ini, ianya meninggalkan kesan yang mengakibatkan kekotoran pada rumah, kenderaan dan pakaian jemuran. Padahal satu ketika apabila operasi pemotongan sebahagian puncak Gunung Tunggal dilakukan, lori-lori pengusaha kuari telah menggunakan jalan alternatif berhampiran Jabatan Plus yang melalui Jalan Cameron Highlands. Penduduk sekitar jalan yang mendatangkan pencemaran itu telah menarik nafas lega kerana tidak lagi terdapat pencemaran habuk dan bunyi bising yang selama ini mengancam penduduk. Namun ianya hanya bertahan sekadar 3 atau 4 bulan sahaja dan lepas operasi pemotongan puncak gunung selesai dijalankan maka lori-lori pengusaha kuari telah menggunakan jalan asal semula. Sehingga ke hari ini, pencemaran masih di tahap yang sama. Sekiranya ada peranan atau rasa bertanggunjawab dari pengusaha kuari maka sudah semestinya pihak penguasa kuari menggunakan jalan alternatif iaitu jalan baru terus hingga ke hari ini. Jalan alternatif amatlah sesuai dan tidak mendatangkan sebarang masalah kerana ianya terletak jauh dari perumahan Taman Chandan Desa. Semasa operasi pemotongan puncak Gunung Tunggal dijalankan, Y.A.B Menteri Besar kita telah mengadakan lawatan dan meninjau persekitaran yang dimaksudkan. Perkara yang berkaitan dengan pencemaran yang berlaku telah dibangkitkan. Yang Amat Berhormat telah menyatakan pihaknya akan menyemak semula tempoh pajakan ke atas pengusaha kuari di kawasan Gunung Tunggal.

Berkemungkinan ianya tidak akan disambung selepas tempoh pajakan tersebut tamat. Apa yang difahamkan pada tempoh pajakan akan luput pada tahun 2006. Ia pada tahun inilah. Sekiranya pihak kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh tersebut memandangkan ianya merupakan hasil kepada Kerajaan Negeri, maka amat wajarlah jalan yang menimbulkan masalah pencemaran itu ditutup sama sekali kepada lori-lori pengusaha kuari. Pihak kerajaan hendaklah mengarahkan pengusaha-pengusaha kuari mencari atau menggunakan jalan baru seperti jalan alternatif yang pernah digunakan sebelum ini, melalui Jalan Cameron Highlands berhampiran Jabatan Plus. Dan sekiranya pihak penguasa kuari tidak mengambil tindakan menggunakan jalan baru seperti yang dicadangkan maka wajarlah pihak kerajaan mengambil tindakan tegas dengan tidak meluluskan perlanjutkan tempoh pajakan kuari dan menutup terus operasi kuari di kawasan Gunung Tunggal. Untuk makluman, selama ini penduduk di sekitar yang terlibat dengan pencemaran, masih berdiam diri dan bersabar dengan janji-janji yang diberikan oleh pihak kerajaan pada setiap kali perjumpaan diadakan bersama pihak pengusaha kuari, namun ianya tidak mendatangkan hasil yang boleh menggembirakan penduduk sekitar. Penduduk menunggu dan menanti apa apakah tindakan seterusnya apabila tempoh pajakan tamat pada 2006. Apakah pihak kerajaan akan menyambung semula tempoh pajakan selama tempoh 30 tahun akan datang. Kalau demikian, hanya yang akan berlaku maka tidak ada apa yang dapat dibanggakan melainkan penduduk sekitar akan mendapat habuan yang sama, iaitu habuk dan bunyi bising saban hari, manakala di pihak yang lain pula mendapat untung. Seharusnya tempoh penantian sehingga tahun 2006 iaitu tamat tempoh pajakan, akan menyelesaikan permasalah yang berbangkit. Setiap pemastautin di mana-mana dalam Negeri Perak Darul Ridzuan...

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** 5 minit lagi...

**Y.B. ENCIK CHAN CHIN CHEE:** Dari seorang pembayar cukai. Maka sebahagian daripada penduduk di Chandan Desa rasa bertanggungjawab saban tahun membayar cukai tanah dan cukai pintu. Sama-sama membantu sumber pendapatan Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah wajar pihak Kerajaan dapat membantu menyelesaikan sedikit sebanyak permasalahan dihadapi setiap tahun. Akhir kata saya berharap pihak berkenaan akan mengambil berat pada hal-hal yang telah disebut tadi. Dengan ini Simpang Pulai memohon menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Yang Berhormat Sungai Rapat.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN:** Setelah 8 kali berdiri. Terima kasih kepada Dato' Yang DiPertua kerana memberi saya peluang untuk membahas usul ucapan tahniah serta Menjunjung Kasih atas titah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak. Dato' Yang DiPertua, RMK-9, dasar yang dirangka sebagai dasar rujukan negara bagi tahun 2006 – 2020 menjadi begitu penting kerana ia merupakan pertengahan perjalanan negara ke arah menuju Malaysia Negara Maju tahun 2020. RMK-9 selain dirangka untuk ke hadapan ianya juga harus digunakan sebagai platform untuk menoleh ke belakang bukan sahaja menilai kejayaan-kejayaan tapi juga untuk bermuhasabah untuk meneliti secara terperinci kegagalan serta kelembapan serta penyebabnya bagi perancangan yang lepas. Harus diingatkan malah ramai Ahli Yang Berhormat yang telah turut memperkatakan bahawa laluan yang akan datang, akan berlipatkali ganda sukarnya di persekitaran kini dan akan datang tidak semudah dan secondisif semakin competitif ditambah dengan cabaran dalam, tidak kurang cabaran dan saingan dari luar negara. Itu tidak kira cabaran-cabaran yang kita tak menduga. Umpama kata

perjalanan ini umpama mendaki bukit perjalanan *first half* dengan izin adalah cuma perjalanan *jungle tracking* dengan izin itupun ramai yang tercungap-cungap tinggal jauh kebelakang dan kini berdepan pula dengan *second half* dengan izin yang merupakan pendakian sebenar, kecerunan yang teramat dasyat ditambah dengan kesuntukan masa atau *limited time frame*. Bagi Kerajaan Negeri Perak, keadaan lebih mencabar. Sasaran meletakkan Perak Negeri Maju 5 tahun lebih awal daripada sasaran Kerajaan Pusat bukan perkara mudah. Kerajaan Pusat sendiri telah merangka, melaksanakannya 15 tahun lalu. Manakala kita masih terangka-rangka. Kalau pula perjalanan ini diumpamakan seperti larian, larian kita sebenarnya larian yang amat jauh. Sejauh 10,000 meter dan dalam jangka masa yang pendek yang diberi untuk menamatkan larian *speed* yang kita perlu untuk menyudahkan adalah *speed* larian 100 meter. Bayangkan keperitan yang kita perlu tempuh bersediakah kita, berjayakah kita, termampukah kita. Jawapannya ada pada kita.

Dato' Yang DiPertua, oleh itu saya amat bersetuju dan menyokong penuh ucapan Y.A.B. Perdana Menteri ketika membentangkan RMK- 9 bahawa tugas yang bakal kita hadapi ini bukan tugas yang mudah. Seluruh rakyat Malaysia di setiap peringkat perlu berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh, serta keikhlasan yang sebenar-benarnya untuk menjayakan segala yang termaktub dalam Perancangan Malaysia ke Kesembilan.

Dato' Yang DiPertua, bagi menjayakan sesuatu perancangan ia memerlukan kecekapan. Kecekapan membuat keputusan. Dan keputusan yang betul bukan mudah dibuat. Keputusan yang betul memerlukan keberanian, hanya yang bijaksana berani membuat keputusan.

Dato' Yang DiPertua, Pejabat dan Tanah adalah nadi pembangunan sesebuah daerah. Kalau nadi dah lemah bermakna badan akan lesu. Maka dalam usaha memastikan kecekapan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah tugas Pegawai Daerah perlu dihadkan. Saya lihat Pegawai Daerah menjadi Pengerusi kepada berpuluhan-puluhan jawatankuasa di peringkat daerah. Mampukah mereka memberi komitmen kepada banyak perkara dalam satu masa. Dapatkah mereka memfokuskan tugas mereka? Saya difahamkan pegawai daerah kadang-kadang terpaksa mempengaruhi sehingga 100 lebih mesyuarat setahun. Ini tak termasuk menghadiri mesyuarat peringkat Negeri taklimat dan entah apa lagi. Tak ada kerja lain asyik keluar masuk bilik mesyuarat kerjanya. Ini tak termasuk menghadiri majlis rasmi pula. Sayapun heran entah bila mereka buat kerja. Maka tidak heranlah kalau urusan tanah dan pembangunan kawasan tidak tercapai tahap kejayaan yang sepatutnya. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini menyeru agar tindakan segera perlu dilakukan agar pengagihan tugas dan penurunan kuasa dapat dibuat dengan kadar segera.

Dato' Yang DiPertua, program pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera amat dititikberatkan dalam RMK-9 hingga Y.A.B. Perdana Menteri sendiri menjadi pengurus Jawatankuasa Pemantauan di peringkat pusat. Sasaran 30% pemilikan ekuiti tetap menjadi dasar yang diperjuangkan walaupun hakikatnya tempoh dasar ekonomi baru telah lama berkubur. Kita asyik bercakap pasal angka ini berdekad-dekad tapi hakikatnya kita bukan semakin dekat tapi semakin jauh. Kalau tahun 2004 telah turun kepada 18% daripada 20% sebelumnya hari ini entah turun 17% sahaja. Di manakah silapnya? Bercakap pasal PKNP, saya berani mengatakan PKNP gagal sebagai agensi yang ditanggungjawabkan kepada pengwujudan masyarakat perdagangan bumiputera di Perak. Hari ini kita tidak nampak

hasil PKNP yang boleh membanggakan. *Feedback* yang saya dapat berbagai usaha telah dilakukan tapi itu bukan apa yang rakyat mahu. Kita tidak mahu laporan berjelajela. Yang kita mahu adalah hasil. Umpama permainan bola sepak kalau *game* cantik dengan izin, pemain turun naik, turun naik tapi gagal menjaringkan gol. Jawapannya kalah. Walaupun pasukan lawan bermain teruk, tapi berjaya menghasilkan gol. Jawapannya ia tetap menang. Oleh itu saya mohon mencadangkan. Dengan izin, *better late than never*. PKNP harus harus terus berusaha walaupun dengan *very limited resources* dengan izin menambahkan pemilikan premis bumiputera di mana yang terdaya terutama di bandar-bandar. Kawasan Sg. Rapat jangan ditinggalkan. Saya ingin turut juga ingin mencadangkan agar 30% premis perniagaan yang diperuntukkan untuk bumiputera diambil oleh PKNP. Jadikan PKNP sebagai bank premis perniagaan bumiputera disimpan untuk dijual kembali kepada bumiputera. aha meningkatkan masyarakat perdagangan bumiputera Perak juga segera dibuat tanpa banyak alasan. Birokrasi PKNP memang diketahui umum perlu ditangani segera. Kita malu bercakap dengan orang awam yang merungut-rungut tentang birokrasi dan kelemahan PKNP sedangkan kita terus berdiam diri. Tindakan drastik perlu segera diambil, kita tidak mampu lagi menunggu dan menunggu. Kalau *human capital*nya menjadi faktor maka lakulah apa yang sepatutnya. Bercakap pasal pegangan ekuiti bumiputera, siapakah patut disalahkan? Jika ketelusan itu bukan ketelusan individu, ketelusan badan yang diberi amanah oleh rakyat sendiri. Dato' Yang DiPertua, RMK-9 turut mengiktirafkan sumbangan wanita dalam pembangunan sosio ekonomi negara walaupun tidak disentuh dalam Titah Ucapan Tuanku saya berharap ini tidak bermakna Kerajaan Negeri akan meminggirkan Pembangunan Wanita di negeri Perak. Pembangunan Wanita harus diteruskan terutama dalam usaha mengwujudkan wanita niaga. Banyak latihan kemahiran harus diwajibkan diwujudkan dan wanita harus terus didedahkan dengan dunia niaga sebenar. Saya rasa kita terus tiada masa sekadar berkursus, berceramah dan berseminar tetapi sebaliknya perlu berpaksi kepada *action orientated* dengan izin. Usaha Kerajaan Pusat menggalakkan penceburan wanita dalam tenaga buruh serta penyediaan pelbagai sokongan termasuk mengadakan amalan tempat kerja mesra keluaga juga harus digunakan di negeri Perak. Selaku wakil wanita di Dewan ini, saya juga ingin terus menyarankan agar program kesaksamaan genda akan terus dipertingkatkan. Usaha mencapai 30% wanita dalam pembuat dasar dilakukan walaupun secara perlahan tapi perlu ada peningkatan dari semasa ke semasa.

Dato' Yang DiPertua, masalah sosial juga merupakan satu cabaran yang besar. Yang jika kita tidak tangani saya bijak bakal menjadi beban besar kepada Kerajaan. Dan usaha menjadikan Perak maju 2015 sasaran penagihan dadah sifar tahun 2010 turut diperkatakan. Saya kurang jelas tentang apa yang cuba diperkatakan atau diperlakukan. Apakah dengan mensasarkan penagihan sifar tahun 2010, itu bermakna penagih-penagih ini akan dibunuhi pada tahun tersebut? Kerana dengan cara itulah sahaja kita harus menghapuskan mereka. Saya berpendapat dalam merangkakan sasaran biarlah realistik. Jangan sekadar melepas batuk di tangga. Penagihan dadah adalah suatu perkara serius kerana penurunan serius telahpun berlaku di sekolah-sekolah. Kalau kita tidak serius menangani masalah ini saya khuatir matlamat negara maju dan Perak Maju akan terconteng. Oleh itu, usaha yang bersungguh-sungguh mesti dibuat dengan kadar segera tanpa kompromi.

Dato' Yang DiPertua, perkara ini telah saya bangkitkan dalam sesi soalan tadi, masalah remaja berpeleseran secara liar amat membimbangkan. Senario ini boleh kita lihat di hujung minggu terutama di Parkson Grand dan depan pejabat MBI, Padang Polo dan Taman D.R. Saya rasa ADUN Selinsing pun ada membangkitkan perkara ini.

Persoalannya apa yang kita lakukan? Mereka bukan sahaja berpakaian menjolok mata dan berkeadaan tidak senonoh, dengan rambut-rambut punk dan berpelukan di khalayakan ramai tanpa segan silu. Malah saya difahamkan tempat-tempat awam banyak kegiatan-kegiatan yang tidak diingini termasuklah bercium dan bercumbuan dengan ghairah, tawaran sex dan *free sex* berlaku. Saya juga difahamkan menjadi tempat perjumpaan kumpulan black metal dan bohsia. Malah tempat permainan video di Parkson Grand situ pun ada permainan berunsurkan sex. Subang dan gelang yang dipakai oleh remaja-remaja yang berkeliaran juga turut ada tanda-tanda persetujuan melakukan sex. Memang saya setuju ini merupakan tanggungjawab ibubapa namun sebagai Kerajaan yang memerintah, kita tidak boleh berpeluktuhuh, kita juga turut, harus turut melakukan sesuatu. Dengan ini saya mencadangkan Undang-Undang Kecil Taman 1985 8(1) bagi yang berkelakuan kurang sopan di tempat awam dan Undang-Undang kecil taman 1985 3(T) iaitu sesiapa yang menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang wajib dikuatkuasa dengan kadar segera. Bagi membentras kelakuan tidak sopan di tempat-tempat awam. Kita tak perlu takut! Kalau dulu kita takut kerana baru-baru ini Dato' Bandar Kuala Lumpur telah menang kes bagi pihak dia.

**Y.B. ENCIK NGA KO MING:** Y.B., adakah Y.B. sedar cadangan tersebut adalah bercanggah dengan keputusan kabinet pada semalam?

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN:** Saya rasa tujuan kepada Speaker dulu. Kemudian baru kepada saya. Saya rasa saya tak ada masa, nanti Tuan Speaker buang masa saya, kita jawab kemudian. Wajib dikuatkuasakan dengan segera. Dato' Yang DiPertua, saya ambil untuk menyuarakan suara rakyat mengeluh mengenai bantuan kewangan JKM sehingga kini memaklumkan belum mendapat bantuan kewangan sehingga Januari. Perkara ini telah saya bangkitkan dalam soalan tambahan tadi dan berterima kasih kerana mendapat mesej yang bertalu-talu dari Pengarah JKM dan wakil JKM bertanya kepada soalan ini. Saya bukan nak membesar-besarkan isu tapi saya kesian kepada mereka yang merayu-rayu datang ke pejabat saya. Bila ditanya kepada JKM apakah sebab kelewatan ini, jawabnya peruntukan belum turun. Soalnya bolehkah urusan mengisi perut ditangguh berbulan-bulan? Bolehkah kita bertahan kelaparan berbulan-bulan sedangkan peruntukan itu bertujuan meringankan beban mereka yang miskin. Kalau mereka ada duit, mereka tak pohon pun bantuan.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** 5 minit lagi.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN:** Ok, Tuan Yang DiPertua, soalnya itu dan ini bukanlah boleh dijadikan alasan. Oleh itu saya harap perkara ini boleh ditangani secara bijak dan cubalah cari jalan agar peruntukan dapat diturunkan pada tiap-tiap awal bulan tanpa mengira hujung tahun atau awal tahun janganlah sampai dibawa dalam Dewan baru hendak bertindak.

Dato' Yang DiPertua, dalam mewujudkan aset dan prasarana, *environment* kita harus wujud seperti yang dihajatkan. Walaupun internet merupakan satu sumber namun peranan perpustakaan tidak boleh dinafikan. Kita lihat keadaan adalah bertentangan dari sepatutnya. Perpustakaan Tun Abdul Razak Ipoh, satu perpustakaan awam yang terbesar di Negeri Perak bangunan sahaja yang tersergam indah namun dalamnya tidaklah seperti yang diharapkan. Tidak banyak buku-buku baru yang ada, yang ada buku-buka lama yang tidak mengikut kehendak dan perkembangan semasa. Saya pergi *aircond* pun tak ada kerana dimaklumkan *aircondnya* rosak. Oleh itu saya berharap

agensi berkenaan tolong tenguk perpustakaan ini dan lakukan sesuatu agar perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

Dato' Yang DiPertua, masalah rasuah juga masalah yang membimbangkan di Perak, dari statistik yang saya dapat dari BPR pada tahun 2005 adalah didapati di Perak menduduki tempat kedua daripada negeri ini dari segi tangkapan iaitu sebanyak 52 kes di bawah negeri Selangor sebanyak 66 kes. Ini adalah suatu yang serius walaupun ada penurunan kes berbanding tahun yang sebelumnya, tapi menuduki tempat kedua dalam negara adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu ditangani secara serius. Langkah-langkah tegas dan berkesan dan proaktif perlu diambil bagi memastikan perkara ini dapat dibenteryas sebelum ia berakar umbi dan menjadi lebih teruk lagi.

Dato' Yang DiPertua, bercakap pasal zakat, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kerana di bawah Pengarah baru telah ada peningkatan iaitu sebanyak 6.5% daripada tahun 2005 namun sebenarnya kutipan zakat di negeri Perak masih rendah malahan lebih rendah dari Melaka, Pulau Pinang. Dua buah negeri kecil oleh itu usaha yang lebih gigih harus buat bagi memastikan kutipan ini dapat ditingkatkan. Saya ingin mencadangkan agar Perak mengikut jejak yang dilakukan di Melaka dan Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah dengan memperkenalkan Pusat kutipan zakat secara koparat kerana usaha ini telah dilakukan berjaya meninggikan kutipan. Satu aspek lagi yang saya bangkitkan kenapa negeri Perak tidak mewajibkan potongan gaji bagi tujuan zakat seperti yang dilakukan di Selangor. Dengan itu saya ingin mencadangkan agar pendekatan Selangor mewajibkan potongan gaji begitu juga zakat bagi orang-orang Islam harus ditimbangkan kerana ini dapat menambah kutipan zakat. Sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, saya juga ingin mencadangkan program gunasama bagi hakim-hakim Mahkamah Syariah dijalankan dengan Kerajaan Persekutuan seperti yang dilakukan oleh negeri-negeri lain di Malaysia. Pembayaran gaji hakim banyak boleh menjimatkan wang kerajaan negeri. Saya juga ingin mencadangkan agar pembinaan maahad tahfiz akan dibina .. masjid negeri dapat disegerakan. Ini adalah kerana pelajar-pelajar sekarang menumpang di INTIM amat tidak selesa kerana INTIM merupakan tempat latihan pegawai bukan pusat Maahad Tahfiz. Menyentuh tentang ucapan YB Lintang mengenai program dakwah kepada orang Asli saya difahamkan bahawa cuma ada satu unit dengan dua orang pegawai di Jabatan Agama Islam bagi tujuan dakwah orang asli. Manakah mampu dua pegawai untuk menguruskan hal ehwal dakwah bagi beribu-ribu orang asli. Dengan ini, saya mencadangkan unit dakwah orang asli Jabatan Agama Islam dinaik tarafkan ke taraf bahagian.

Mengenai sekolah agama saya terperanjat bagaimana Jabatan Agama Islam serta Jabatan Pendidikan boleh membenarkan pelajar-pelajar sekolah agama tidak menduduki SPM, sedangkan semua tahu kepentingan SPM terutama mata pelajaran Bahasa Melayu. Saya berharap perkara ini dapat dilihat secara serius agar jangan dibenarkan anak-anak Melayu yang akan tercicir lantas terus tergadai masa depan mereka. Bercakap pasal agama saya juga ingin memaklumkan serta memberi peringatan tegas kepada pihak pembangkang jangan cuba masuk campur urusan agama Islam. Jangan lah cuba menjadi hero, hero wanita Islam kononnya. Kalau nak jadi hero carilah isu lain soal agama jangan disentuh. Saya selaku wanita yang kawasan Pantai Remis ingin membela mengucapkan tak payah nak bising-bising, tak tahu buat tak tahu, duduk diam-diam, kami tak perlukan pembelaan YB kerana kami sendiri tau membela diri sendiri.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Minta laluan, boleh minta laluan,

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Minta maaf, saya nak teruskan.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM** : Tapi jangan cakap yang bukan-bukan.

**Y.B. NGA KOR MING** : Ya itu tak patut.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM** : Jangan putar balik, putar belit lagi

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : kita hanya minta minda yang terbuka saja ...

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA** : Teruskan.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Saya kesiankan kawan-kawan saya, kawan dah berbisik dah kat belakang nak bercakap. Kerajaan telah mewujudkan satu kementerian khas untuk wanita bagi membela wanita. Agama Islam begitu lengkap dan sempurna dari segi malahan agama Islam adalah satu sistem perundangan yang begitu kompitien dan relevan. Kami percaya apa yang sebenarnya ada kebaikan yang tersendiri termasuklah berkahwin empat. Sekurang-kurangnya zuriat yang lahir perkahwinan yang sah. Tidaklah timbul anak-anak lahir luar nikah. Ia juga menjamin hak-hak isteri anak-anak dilindungi. Saya bagi pihak wanita Islam ingin menyatakan kami tak sedikitpun tersentuh jauh dari tipu daya pembangkang yang ingin mengambil kesempatan cuba menangguk di air yang keruh. Saya hairan dengan parti DAP yang mengaku sebagai parti yang mewakili semua kaum, malah mencabar parti-parti yang mewakili satu kaum dibubarkan langsung tidak menjaga perasaan ahli-ahlinya sendiri yang beragama ..

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA** : Satu minit extra, ganti gangguan tadi.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Ini penting, masa kecemasan. Langsung tidak menjaga perasaan ahli-ahlinya sendiri yang beragama Islam. So saya nak mencabar di sini agar semua orang Islam atau pun orang Melayu dalam parti DAP keluar beramai-ramai dari parti itu begitu juga PAS saya nak ingatkan lupakan hasrat nak berbaik-baik kembali dengan DAP dan jika berbaik-baik juga bermakna parti PAS telah bersekongkol dengan parti yang menentang agama Islam. Kami di BN walaupun berlainan parti kami tahu menjaga perasaan antara satu sama lain.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM** : Tuan Yang Dipertua, ini satu pembohongan ..di tarik balik .. bilakah DAP menentang Islam. Itu satu perkataan yang tidak boleh dibenarkan .. tapi tak boleh cakap bohong dalam Dewan. Mana boleh putar belit sampai macam ini. Tuan Yang Dipertua, kita hanya minta orang-orang Islam seperti juga.....

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Dato' Yang DiPertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan Titah Ucapan Tuanku Pemangku Raja Perak, kawasan Gopeng yang mendapat 2 projek besar iaitu Teminal Makanan dan Kampus UiTM dan RMK-9, adalah diharapkan dengan terwujudnya projek ini akan wujud juga limpahan bangunan di kawasan Gopeng dan juga kelayakan setempat. Saya juga turut merakam terima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan malah kerja-kerja telahpun jalankan bagi pembinaan Jalan Batu Gajah bypass sebanyak RM87 juta dan dengan terlaksananya projek tersebut maka selesailah masalah jalan keluar penduduk Kampung Pisang yang kini menderita

kerana masalah jalan keluar yang bermasalah. Namun kerjasama adalah diharapkan agar projek dapat berjalan mengikut *schedule* dengan izin, terima kasih juga kepada semua Ketua Jabatan serta kakitangan kerajaan kerana telah banyak membantu saya menyelesaikan masalah rakyat dan harapan saya begitu tinggi agar kerjasama begini dapat diteruskan dari masa ke semasa. Akhir kata ada sedikit nukilan yang ingin dikongsi bersama untuk renungan dan pengamatan. Bercakap tentang RMK-9 kita tumpukan pembangunan insan, bos bukan mambang tapi juga insan tidak boleh tidak harus dibangunkan, malah kita semua renung-renungkan kedudukan bos bukan untuk dimegah-megahkan, bukan tempat menunjuk kuasa dihormati semua secara terpaksa, sompong dan bongkak dialah raja, jadi bos tanggungjawabnya besar diberi kepercayaan tunai tanggungjawab yang disasar, memang berat, memang besar, memang sukar tapi teman janganlah gusar berdoa pintalah petunjuk dari Allah yang maha besar. Niat seloka jangan dipesongkan bukan mengenen tapi berpesan kepada diri sendiri, rakan dan tauhan moga tercapai apa yang diharapkan, apa yang termaktup pada RMK-9, dengan itu, Sungai Rapat menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA : Tebing Tinggi.**

**Y.B. DATO' CHEW WAI KHOON :** Terima Kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang DiPertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat hadiran yang dihormati sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang DiPertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap. Yang Berhormat Timbalan Yang DiPertua rasa bangga kerana di bawah pimpinan Y.A.B. Menteri Basar dan usaha-usaha keras pimpinan-pimpinan yang lain, Negeri Perak telah mencapai pertumbuhan KDNK lima ratus dalam tahun 2005 yang hampir sama dengan Pencapaian KDNK Nasional iaitu 5.3%. ini adalah akibat daripada sumbangan besar daripada sektor pertanian, pelancongan, perindustrian, perkilangan dan sektor perkhidmatan yang lain pelaburan dalam hub biodiesel di Lumut pembinaan dan pemberian kapal di Lumut projek ternakan ikan laut secara bioteknologi di Pulau Pangkor sebanyak RM250,000,000 daripada sektor swasta adalah dialu-alukan kerana ini dapat memberangsangkan ekonomi Negeri Perak, tapi tahun 2005 sektor perkilangan telah mencatatkan komitmen pelabur hampir RM1.4 billion daripada pelabur langsung asing ini telah menunjukkan satu kemajuan yang besar perbandingan dengan tahun 2004. Dalam usul RMK-9 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia di dewan rakyat pada 31 Mac 2006, rancangan tersebut dirangka sebagai dasar rujukan dalam usaha ..... Malaysia menjadi negara yang makmur, progresif ada budaya tahan dan budaya saingan. Misi Nasional yang ditetapkan supaya Malaysia menjadi Negara Maju dalam tempoh 15 tahun dari sekarang merupakan satu takrif teras daripada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia RMK-9 amat meneliti beratkan hak biodiesel bahawa teknologi pertanian bioaquaculture dan kebenaran terkini dalam *information communication technology*.

Y.B. Dato' Timbalan Yang DiPertua , pelaburan baru yang diterima oleh Negeri Perak jelas menunjukkan Negeri Perak sedang merangka graf RMK-9 dan wawasan 2020 bagaimanapun banyak lagi langkah yang perlu di ambil oleh kerajaan Negeri Perak supaya dapat mencapai kemajuan dalam tempoh 10 tahun ini. Kerajaan Negeri Perak perlu menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pelbagai sektor supaya ianya mengurangkan aliran keluar populasi khasnya pemuda pemudi. Kemudahan infrastruktur seperti lebuhraya Ipoh – Lumut dan naiktaraf landasan pendaratan dan pelepasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh adalah perlu dilaksanakan

dengan segera. Ini adalah demi mengurangkan masa perjalanan dan menentukan pelbagai sektor.

Y.B. Timbalan Yang DiPertua, kami berasa gembira kerana bilangan pelancong yang melawat ke negeri Perak telah mencapai tahap 2.4 juta yang telah membawa keuntungan kepada Negeri Perak itu dalam bentuk pusat aktiviti yang dapat menarik perhatian pelancong yang menjual hasil kraftangan produk tempatan, hotel dan kedai makanan serta *outlet-outlet* di negeri ini. Kehadiran Air Asia di negeri perak ini adalah amat dialu-alukan contohnya *anybody can afford to fly* dengan izin, dan tambang yang ekonomik serta penggunaan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh untuk dijadikan pusat lagi kawasan tengah dan utara semenanjung Malaysia untuk penerbangan ke Asia Tenggara dan juga bandar-bandar lain di Malaysia, ianya telah membawa hidup baru kepada Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang tidak aktif untuk masa yang lama, saya berharap Air Asia akan memulakan penerbangan dari Ipoh ke tempat-tempat lain seperti Sabah, Sarawak, Kuantan dan Kota Bahru kebanyakannya penempatan penerbangan ke negeri lain seperti ke China, India, Indonesia, Negeri Thai, Vietnam dan sebagainya. Penerbangan dan pendaratan yang lebih kerap di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah akan membawa kebaikan kepada Negeri Perak terutamanya mereka di Daerah Kinta, keran ianya akan membawa maksud pelancong-pelancong, pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha tempatan atau luar negara.

Y.B. Dato' Timbalan Yang DiPertua, dalam kawasan Tebing Tinggi dan Pasir Pinji terdapat beberapa perkampungan Tradisi Melayu yang mana bernama Kampung Seri Kinta, Kampung Kuala Pari, Kampung Temiang, Kampung Paloh, Kampung Tebing Tinggi, Kampung Tok Gentang dan sebagainya. Walaupun kampung ini terletak di Bandaraya Ipoh tetapi saya berasa mereka telah abaikan seperti yang kita ketahui peruntukan dewan bandaraya Ipoh adalah terhad, kabaikan masa dia wakil rakyat memohon DBI untuk membaiki ataupun membuat jalan dan peparan untuk kampung-kampung ini dan jawapan yang terima selalu dia adalah tiada peruntukan. Walaubagaimanapun kawasan kampung tradisi melayu itu berada di luar kawasan bandaraya Ipoh pula boleh mendapat peruntukan sebanyak 200,000.00 setiap tahun untuk setiap kawasan DUN daripada Menteri Luar Bandar tetapi peruntukan ini tidak akan dapat diperolehi oleh kawasan DUN di dalam Bandaraya. Saya mengetahui bahawa di bawah RMK-9 peruntukan untuk pembangunan luar bandar Perak adalah sebanyak 160 billion ringgit. Saya ingin merayu kepada Y.A.B. Menteri Besar, Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya mendapat peruntukan untuk Kampung Tradisi-Tradisi DUN Tebing Tinggi ini adalah kerana kebanyakannya Kampung ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan jalan, longkang, lampu, jalan surau dan dewan orang ramai yang sempurna dan elok, contohnya di Kampung Kuala Pari terdapat satu jambatan sehala yang dibina oleh JPS melindungi Sungai Kinta yang digunakan oleh kenderaan seperti lori-lori, bas-bas dan kenderaan lain sebagai jalan singkat dari Menglembu dan Falim ke Jalan Bendahara dan Jalan Pasir Putih. Di jambatan sehala ini setiap hari kami dapat melihat peselisihan di antara pemandu-pemandu yang kehilangan kesabaran kerana menunggu untuk melintasi jambatan itu, tambahan pula jambatan ini adalah tidak selamat digunakan oleh penunggang-penunggang motosikal, penunggang basikal dan pejalan kaki keadaan ini amat membimbangkan kerana mungkin satu hari nanti entah siapa akan jatuh ke dalam sungai kerana dilanggar oleh kenderaan. Oleh yang demikian untuk mengatasi masalah ini saya berharap supaya jambatan baru dapat dibinakan di bawah peruntukan RMK-9.

Y.B. Timbalan Yang DiPertua, pembinaan Jalan Azlan Shah Selatan dari Pasir Puteh ke Falim yang dicadangkan pada RMK6 telah ditunda sehingga RMK8. Kini RMK9 telahpun belum mula tetapi dukacitanya dinyatakan masih belum kelihatan ada tanda-tanda bahawa projek tersebut akan dilaksanakan. Penduduk-penduduk dari kawasan Menglembu dalam menuju ke kawasan bandar akan menggunakan Jalan Lahat dan setiap hari mereka akan mengalami kesesakan jalanraya. Saya berharap projek tersebut dapat diselesaikan dengan segera . Banjir kilat yang serius sering berlaku di Jalan Tong See Ying, Happy Garden, Taman Mandarin, Ipoh telah berlaku sejak tahun 1998 sehingga kini, masih belum diselesaikan.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Lagi 5 minit terakhir

**Y.B. DATO CHEW WAI KHOON:** Pegawai dari DBI dan juga JPS telah menunjuk sistem longkang di kawasan ini tetapi kesannya masalah ini masih belum di atasi. Penduduk-penduduk di kawasan ini sering menghantar surat ketidakpuasan melaui surat-menyerat kepada DBI dan juga melalui media pencetakan. Namun masalah ..... kami harap sistem longkang dan masalah ini dapat diselesaikan. Y.B. Timbalan Yang Dipertua, saya harap rakyat yang berbilang kaum di negara kita akan terus bekerjasama dan berpegang tangan dalam perkembangan ekonomi Malaysia . Dengan ini saya mengakhiri ucapan ini dengan menyokong dan menjunjung kasih Titah Ucapan DYMM Pemangku Sultan Perak Darul Ridzuan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Sungai Manik.

**Y.B. TUAN HJ. IBRAHIM BIN KATOP:** Terima kasih Dato' Timbalan yang Dipertua Dato' Yang DiPertua, Ahli-ahli Dewan , tuan-tuan dan puan-puan ketua-ketua jabatan yang dimuliakan. Syukur Alhamdullilah, sekali lagi kita bersama-sama dalam Dewan Yang mulia ini untuk kita turut serta dalam membahaskan usul menjunjung kasih dan ucapan tahniah di atas titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak sempena Perasmian Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri yang Kesebelas. Dato' Timbalan Yang Dipertua, hari ini kita bertuah kerana kita sama-sama dapat membincangkan dua agenda pembangunan yang terpenting samada dalam negara mahupun dalam Negeri Perak sendiri. Hari ini kita membahaskan Rancangan Malaysia Ke 9 dan juga pelan strategi Perak Maju 2015. Masih belum terlewat untuk kita merenung balik intipati ucapan DYMM Tuanku yang mahukan supaya kita memberi perhatian yang serius bagi menjayakan misi Nasional yang menjadi teras RMK 9 serta untuk mamaku pembangunan Negeri Perak ke arah Negeri Maju menjelang 2015. Dalam titah DYMM Tuanku yang begitu panjang lebar telah memberikan sepenuh perhatian terutama kepada kita Ahli-ahli Dewan untuk dapat bersama-sama memikirkan sepenuhnya hasrat dan juga wasasan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berhubung dengan misi Nasional semasa membentangkan RMK9 pada 31 Mac yang lalu. Semuanya tak lain dan tak bukan untuk membangunkan negara dan membina kemakmuran bagi mengubah landskap sosio ekonomi negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya amat tertarik dengan cadangan DYMM Tuanku supaya Kerajaan Negeri dapat merangka beberapa program pelengkap, program pemanjangan, program sokongan , program tambahan serta program hiliran kepada program-program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan demi untuk membantu memesatkan pencapaian Pelan Strategi Perak Maju 2015. Apa yang dapat

saya perhatikan, sebagai pewaris takhta Negeri Perak DYMM Tuanku begitu perihatin serta mempunyai pandangan yang jauh dalam memastikan Negeri Perak akan terus maju melangkah megah untuk mencapai Negeri Maju menjelang 2015. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana berani meletakkan tahun sempadan untuk menjadikan Negeri Perak sebagai Negeri Maju pada tahun 2015, 5 tahun lebih cepat dari negara kita Malaysia. Inilah yang dikatakan pemimpin yang berani, yang mempunyai wawasan untuk bergerak ke hadapan walaupun dalam sedar Y.A.B. Menteri Besar tahu banyak onak dan duri untuk ditempuh dengan sumber yang terhad dan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Dewan ini juga telah difahamkan bahawa buat masa ini Kerajaan Negeri sedang menyediakan pelan komprehensif untuk menjadikan Negeri Perak negeri maju menjelang 2015 yang dikenali sebagai Pelan Strategik Perak Maju 2015. Dengan memberi keutamaan kepada usaha menghapuskan kemiskinan tegar, setinggan sifar dan juga meningkatkan pendapatan per kapita rakyat. Dalam kesempatan ini Dato' Timbalan Yang Dipertua, eloklah saya terlebih dahulu membincangkan sedikit kriteria atau kod indikator yang digunakan untuk menentukan sebuah kawasan ataupun sebuah negeri ataupun negara yang boleh diistiharkan maju. Pihak UNESCO telah menggariskan sebanyak 64 indikator yang merangkumi aspek penduduk, kesihatan, perumahan, pendidikan, pekerjaan, kebajikan serta aspek pendapatan dan juga perbelanjaan. Manakala Negeri Selangor menggunakan 75 indikator yang dibahagikan kepada 4 perkara penting iaitu tentang pencapaian ekonomi, kerajaan, perdagangan dan juga perniagaan dan juga kualiti kemudahan infrastruktur. Jadi, untuk Negeri Selangor, daripada 75 indikator yang ditetapkan, mereka telah dapat mencapai 58 indikator iaitu 77%. Jadi, kalau mengikutkan kategori pembangunan, Selangor berjaya melepassi tahap 70% dan mereka layak mendapat Negeri Maju. Walau bagaimanapun, status negeri maju Selangor telah disahkan oleh laporan pembangunan manusia Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2005 iaitu meletakkan Malaysia di tempat 61 daripada 177 negara dengan *Human Development Index* ataupun Indeks Pembangunan Manusia adalah 0.798 yang masih lagi dikategorikan sebagai sederhana maju. Manakala Negeri Selangor, Indeks HDInya ialah 0.817, Kuala Lumpur 0.861 dan Pulau Pinang 0.82. UNDP menetapkan bahawa indeks 0.85 ke atas adalah negeri ataupun negara yang termaju, 0.8 hingga 0.84 adalah maju, 0.75 hingga 0.79 adalah sederhana maju dan untuk HDI ini ianya diukur mengambil kira 3 aspek iaitu umur, kesihatan dan gaya hidup, status pendidikan dan juga taraf hidup ataupun kualiti kehidupan. Jadi apa yang kita lihat, Negeri Selangor pada 27 Ogos yang lalu telah mengisytiharkan Selangor Negeri Maju dan ianya adalah berasaskan kepada beberapa faktor, baik daripada segi pendapatan, daripada segi KDNKnya iaitu mereka telah mencapai sumbangan ekonominya tumbuh pada 8.1% sejak 2004 yang mana sektor perindustrian menyumbang 60% daripada 36 billion dalam KDNKnya dan untuk per kapita iaitu telah meningkat daripada 20,344 pada 2004 kepada 21,444 dan dalam perancangan struktur Negeri Perak, Jabatan Perancang Bandar telah menggariskan 33 indikator iaitu untuk sektor ekonomi, kependudukan, sosial kemasyarakatan, kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan juga alam sekitar. Dan dalam laporan tersebut untuk tahun 2000 kita hanya mencapai 21% dan InsyaAllah dijangkakan 48% pada tahun 2010 dan 70% pada tahun 2015. Jadi, di sinilah kita kena ingat, untuk kita pergi untuk mencapai Negeri Perak sebagai negeri maju, jadi kita terpaksa mengukur diri kita balik untuk kita melihat balik kepada semua aspek. Walaupun tiga aspek penting yang telah disuarakan, yang telah ditetapkan, namun kita tidak boleh melupakan aspek-aspek yang lain yang telah ditetapkan untuk kita menjadi sebuah negeri yang maju. Jadi, dalam masa 9 tahun yang akan datang, kita perlulah bermula daripada sekarang. Dengan itu di dalam soal ini kita perlu mengerahkan segala tenaga dan juga usaha kita bersama menuju ke arah

Perak Maju 2015. Kita tak boleh bersandar kepada Y.A.B. Menteri Besar keseorangan untuk memacukan pembangunan negeri tanpa sebarang sokongan dari semua peringkat.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Minta maaf, 5 minit lagi.

**Y.B. TUAN HJ. IBRAHIM BIN KATOP:** Kejayaan untuk menjadikan Perak Maju menjelang 2015 adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, sama ada pemimpin politik, kakitangan kerajaan dan swasta mahupun rakyat keseluruhannya. Dan di sini, oleh kerana itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatan kuasa sekretariat tetap yang khusus untuk memantau, menyelaras, mengawal selia, merancang segala aktiviti dan juga program yang telah atau yang akan dirancang bagi memastikan supaya harapan untuk menjadikan Perak Maju menjelang 2015. Sekretariat ini bertanggungjawab terus kepada Y.A.B. Menteri Besar dan ianya perlulah diujudkan secara *independent body* ataupun khas kerana dalam masa 9 tahun sekretariat ini akan menentukan semua kerja-kerja yang dibuat mengarah kepada Perak Maju 2015 dan satu perkara lagi yang dapat saya kemukakan di sini kerana apa yang dapat kita lihat, walaupun telah diperkatakan bahawa Perak telah menarik banyak pelabur datang ke Negeri Perak yang melibatkan jumlah pelaburan sehingga RM250 juta, tapi kita perlu lagi memacu ke arah ke hadapan dan saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat menubuhkan sebuah perbadanan pelaburan Negeri Perak yang khusus bertanggungjawab dalam memasarkan potensi Negeri Perak, bukan sahaja untuk menarik pelabur-pelabur luar negara, malah, pelabur domestik dan ianya perlulah diasangkan daripada PKNP sendiri kerana apa yang dapat kita lihat, peranan PKNP adalah begitu berat dan hari inipun kita tak nampak apa yang dibuat oleh PKNP dan saya terus sentuh kepada keperluan dalam kawasan Sungai Manik, saya di sini memohon supaya jabatan yang terlibat supaya dapat melihat balik pembangunan di Sungai Manik terutama beberapa projek yang masih lagi belum disiapkan walaupun telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke 7 dan sekarang telah masuk ke Rancangan Malaysia Ke 9 iaitu Jambatan Sungai Chikus ke Kampung Attaduri yang mana saya begitu sedih kerana alasan yang diberikan bukannya tidak ada wang, tapi kerana tidak mendapat kelulusan daripada Keretapi Tanah Melayu untuk memberi persetujuan menggunakan rizabnya. Jadi kalau boleh, pihak yang terlibat terutama JKR dapat menyelesaikannya kerana peruntukan sebanyak 15 juta yang telah disediakan masih lagi tertangguh sehingga sekarang. Dan yang keduanya adalah keperluan untuk mengadakan Tingkatan 6 yang telah saya suarakan banyak kali di peringkat daerah tapi sehingga kini masih lagi tidak mendapat maklum balas dan telah juga dimaklumkan oleh pihak PPD bahawa Tingkatan 6 tidak dapat disediakan di Sekolah Menengah Sultan Abdullah, Chenderong Balai kerana pengetuanya tidak pernah memohon. Jadi sekarang ini saya hendak bertanya sama ada sekolahkah yang bertanggungjawab, PPDkah ataupun Jabatan Pendidikan Negeri sendiri yang bertanggungjawab untuk menguruskannya kerana sewajarnyalah pihak JPN ataupun PPD mempunyai perancangan untuk mengadakan kelas Tingkatan 6 di kawasan-kawasan tertentu yang terpilih kerana Sungai Manik ni, dia jauh daripada Teluk Intan.

Jadi kalau kita lihat anak-anak di Sg. Manik nak pergi ke Teluk Intan pun sekarang ni dah susah dah. Dan yang keduanya saya memohon juga Kerajaan Negeri untuk dapat menilai semula tentang pemberian lesen pada pusat-pusat hiburan keluarga yang terdapat di Negeri Perak dan juga di dalam kawasan saya di Sg. Manik dalam daerah Hilir Perak kerana apa yang dapat kita lihat Pejabat Daerah yang bertanggungjawab untuk memberikan lesen pusat hiburan, Pihak Kerajaan Tempatan bertanggungjawab

memberikan lesen perniagaan. Tapi apa yang dapat kita lihat, banyak operator-operator pusat hiburan ini menyalahgunakan kelulusan yang diberikan. Jadi kalau boleh pihak Kerajaan Negeri dapat memantau semula dan juga dapat mengkaji semula di dalam memberi pelesenan kepada pusat hiburan keluarga kerana ini banyak masalah-masalah yang diwujudkan oleh pusat hiburan keluarga kerana terdapat beberapa aktiviti yang kurang sihat berlaku di dalam pusat hiburan itu sendiri dan di Sg. Manik pada hari ini banyak kejadian-kejadian sampingan limpahan daripada pusat hiburan itu berlaku kerana dah mula dah start kecurian berlaku di rumah-rumah. Jadi itulah yang kita takut kerana mereka menghabiskan masa dan juga wang ringgit di pusat hiburan. Dan yang keduanya, saya juga mencadangkan kepada terutama kepada Majlis Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat menggerakkan dan juga memajukan juga aktiviti bagi membantu Kerajaan Negeri dalam segi pembangunan kerana apa yang dapat saya lihat dalam laporan-laporan tahunan yang diberikan kepada kita ahli-ahli dewan hanya beberapa Pihak Berkuasa Tempatan sahaja yang mendapat keuntungan yang lainnya semuanya tak cukup duit. Jadi apabila tak cukup duit bapak terpaksa, mintak daripada bapak. Jadi sepatutnya Majlis-majlis Tempatan sekarang ini bolehlah sudah berdikari dan dengan sendirinya boleh membantu Kerajaan Negeri. Kalau tidak setiap tahun pihak Kerajaan Negeri terpaksa membantu dan juga membiayai semua program-program di peringkat Majlis Daerah Tempatan. Jadi dengan itu, pihak Kerajaan Negeri pun terpaksalah memberi ruang dan juga peluang kepada semua pihak majlis atau pun Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka dapat bergiat aktif untuk membangunkan ekonomi dan untuk menjana pendapatan sendiri.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Masa tamat.

**Y.B. ENCIK IBRAHIM BIN KATOB:** Dah habis dah? Jadi saya, yang sebenarnya banyak lagi. Jadi dengan itu saya memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain jadi saya daripada Sg. Manik menyokong. Sekian terima kasih.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Pasir Pinji.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG :** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Suara pembangkang akhirnya diberi peluang. Terima kasih Dato'. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua atas kebenaran untuk berucap dan saya ingin membahas Titah Ucapan D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak yang telah pun berlandaskan kepada RMK9 sebagai dasar rujukan dalam usaha membangunkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan juga berdaya saing. Dato' Yang Dipertua, penekanan yang diberikan oleh D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak ke atas RMK9 tersebut adalah kita patut mempertimbangkan dengan teliti dan ia adalah amat mengecewakan apabila kita di dalam dewan ini tidak diberikan peluang untuk mengkaji dan mempertimbangkan langkah-langkah utama dalam rancangan jangka masa 5 tahun yang akan datang ini. Dan juga misi negara untuk mencapai Wawasan 2020. Yakni sejauh manakah RMK9 ini akan memberi manfaat kepada Negeri Perak. Di dalam ucapan pembentangannya pada 31 Mac 2006 yang lalu Y.A.B. Perdana Menteri telah menyentuh mengenai Wawasan 2020, katanya kita perlu bertindak pantas hanya 15 tahun sahaja yang tinggal antara sekarang sehingga 2020. Kita perlu menjadikan tempoh 15 tahun itu tempoh yang paling produktif dan yang paling bermakna demi mencapai cita-cita kita. Kita mesti menjadikan 15 tahun ini tahun-tahun yang terbaik dalam usaha kita untuk berdiri megah pada tahun 2020 nanti, mengumumkan bahawa Wawasan yang kita gagaskan telah tercapai.

Selanjutnya beliau juga mengatakan rakyat mahu melihat keazaman politik dan ketegasan kerajaan melaksanakan rancangan ini sebagai langkah pertama misi nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. RMK9 membuka ruang untuk kita mengenalpasti apa yang telah kita capai. Mengenalpasti kelemahannya dan seterusnya meletakkan kita di landasan perjalanan mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Misi nasional menyediakan perspektif jangka panjang dirangka bagi menghasilkan prestasi yang lebih baik dan meningkatkan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara. Itu adalah pembentangan daripada Y.A.B. Perdana Menteri.

Dato' Yang Dipertua, saya menyokong sepenuhnya pandangan beliau ini. Kita perlu bertindak pantas dan saya percaya mesyuarat dewan yang mulia ini telah pun ditangguhkan pada minggu ini untuk membolehkan kita menerima pembentangan RMK9. Di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini juga telah dijemput ke Dewan Rakyat untuk mendengar atau pun menerima pandangan RMK9 tersebut. Akan tetapi setelah pembentangan RMK9 oleh Y.A.B. Perdana Menteri saya berasa amat kecewa dan hampa apabila pihak Kerajaan Negeri tidak mengambil langkah yang sewajar dan sepatutnya untuk membentangkan RMK9 tersebut dengan lebih terperinci di peringkat Negeri Perak. Saya percaya kebanyakan warga Perak masih tidak tahu apakah pembangunan atau manfaat yang akan diperolehi oleh Negeri Perak dalam RMK9 tersebut. Saya percaya supaya warga Perak ingin tahu berapakah peruntukan kewangan daripada RM220 billion yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat daripada RMK9 adalah untuk Negeri Perak. Kita hendak tahu daripada peruntukan tersebut apakah projek-projek pembangunan dan pembangunan prasarana-prasarana lain yang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang akan membentuk pembangunan Negeri Perak ini. Dalam erti kata yang lain manakah pengagihan-pengagihan peruntukan kewangan tersebut akan dilaksanakan. Dewan ini patut diberitahu ataupun membahas secara terperinci tersebut.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Boleh bagi laluan?

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Boleh.

**Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM:** Boleh tanya sebenarnya dewan ini ditangguh untuk membahaskan RMK9 nasional. Boleh bagi tahu kenapa semua projek-projek yang secara terperinci tidak dibentangkan dalam dewan ini tak?

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Itulah isu yang dibangkitkan oleh saya di sini. Setahu kita daripada pembentangan Y.A.B. Perdana Menteri kita ada teman baru di Simpang Pulai. Tapi adakah wajar teman itu? Jangan salah anggap, teman itu bukan teman wanita, itu terminal makanan. Bukan teman wanita. Jadi kesemua projek-projek ini kita perlu tahu dengan lebih terperinci macam apa yang dicadangkan kelompok industri automotif. Apakah peluang kejayaannya dan masalah-masalah yang bakal dihadapi? Kenapa dewan ini tidak membahaskan isu ini? Kesemua program-program strategik yang telah pun dinyatakan oleh D.Y.M.M. Pemangku Raja. Nanti dulu, nanti dulu. Sebagai ada program pelengkap, program pemanjangan, program sokongan. Apa itu semua? Apa itu program tambahan, program hiliran yang telah dinyatakan dalam Titah Ucapan tersebut? Adakah kita membincangnya? Adakah kita diberitahu? Langsung tidak. Dan yang amat penting kita juga ingin tahu rancangan Kerajaan Negeri Perak dalam pelaksanaan RMK 9 tersebut, yang mana kata laluan sekarang adalah *Delivery System*. *How do you make sure that* pelaksanaannya adalah dijalankan

dengan lancarnya dan tanpa sebarang masalah? Yang amat penting berapakah jangkaan peratus kegagalan ataupun apa-apa masalah dalam projek-projek yang bakal akan dijalankan di Negeri Perak dalam tempoh RMK 9.....

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG:** Minta laluan.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Nanti, nanti.

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG:** Boleh minta laluan tak?

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Lagi ada satu, saya akan bagi.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Jangan kacau dia, nanti dia panik, nanti dia panik. Jangan kacau dia.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Jangan kacau dulu. Jangan ganggu dulu ya. Apa yang menghampakan adalah butiran-butiran dalam RMK9 itu tidak dibekalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini agar kita dapat mengkajinya, membincangnya, mempertimbangkannya. Saya rasa Y.B. Pangkor ingin tahu sama ada Pangkor akan dapat satu marin park yang terunggul ataupun terbesar di rantau ini. Ini ada ke kita tahu projek, langsung tidak tahu. Setahu kita...

**Y.B. DATO' ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Boleh jawab?

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** ..... RM220 billion daripada Kerajaan Pusat, Negeri Perak dapat berapa? Tak tahu. Siapa nak minta laluan?

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Bagi laluan.

**Y.B. ENCIK SEE TEAN SENG:** Terima kasih kerana memberi laluan. Dalam RMK9 itu sebenarnya nak menggariskan dasarnya secara umum. Jadi itu memberikan arah tuju kita. Tahukah saudara Yang Berhormat, bahawa Perlembagaan Amerika itu cuma satu muka surat sahaja tak payah panjang-panjang *detail-detail* kalau tidak tiga hari tiga malam kita tak habis bentang RMK9 itu.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Ok, siapa meneruskan.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Memang RMK merupakan dasar, tapi dasar pun kita nak tahu apa kandungannya. Buat apa tahu dasar tak ada kandungan. Tin kosong itu.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Boleh bagi laluan.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, saya tak beri laluan. Nanti dulu, nanti dulu. Saya akan sampai Manjoi nanti.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Boleh bagi laluan, boleh bagi laluan.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Minta penjelasan.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Nanti dulu, nanti dulu. Manjoi akan diberi giliran nanti bukan sekarang. Dato' Yang Dipertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan mengadakan sesi mesyuarat dengan negeri yang khas untuk membahaskan RMK9 diperingkat negeri tersebut pada minggu yang akan datang. Kita patut mencontohi Negeri Sarawak dengan mengadakan sesi khas untuk membincang dan membahaskan RMK9.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR:** Mana-mana, *repeat-repeat that.*

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Pada 20 April yang akan datang mungkin wakil kerajaan boleh pergi dan belajar dulu sebelum balik sini.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Boleh saya, Yang Berhormat.....

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Y.A.B. Menteri Besar telahpun membentangkan secara terperinci di dewan yang mulia ini agar Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan RMK9 tersebut. Walaupun sesi dewan mesyuarat ini telah ditangguhkan ke minggu ini. Adakah kita mengambil kesempatan ataupun peluang. Langsung tidak. Kita tidak mengambil kesempatan untuk mengkaji dengan lebih teliti yang itu adalah amat-amat penting sebab pada setahu saya perbincangan ataupun perbahasan di dalam sesi hari ini minggu ini hanya dengan izin *on the surface sahaja touching on the surface sahaja. We do not know the micro working of it.*

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Yang Berhormat boleh saya bagi laluan sikit.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Nanti, nanti.

**Y.B. DATO' HJ. NADZRI BIN HJ. ISMAIL:** Apa ini, bagilah peluang.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Sabar dulu, saya akan bagi peluang nanti. Jangan risau, jangan risau. Y.A.B. Perdana Menteri telah pun memberikan penekanan yang amat kuat kepada kejayaan RMK9 ini. Sehingga beliau mengatakan sesiapa yang menjadi penghalang kepada kejayaan RMK9 ini *please get out of the way.*

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Lima minit lagi. Lima minit terakhir.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Oleh yang demikian saya berharap kita berbincang dan membahaskan RMK9 ini dengan lebih terperinci agar perlaksanaannya akan berjalan lancarnya di dalam Negeri Perak ini. Dato' Yang Dipertua, kalau inisiatif pertanian baru kerajaan harapan utama program tersebut adalah untuk transformasi pertanian tradisional menjadi pertanian komersial moden. Cadangan-cadangan untuk mencapai matlamat ini termasuklah cadangan konvensional antaranya penanaman semula konsolidasi dan rehabilitasi tanah. Pembangunan hutan dan mekanisme pemasaran baru. Kesemua langkah-langkah ini adalah berhasrat untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti hingga ke tahap mendapat penghasilan pengeluaran yang bernilai tinggi.

Dato' Yang Dipertua, saya percaya hasrat kerajaan ini tidak akan tercapai sekiranya kerajaan negeri Perak tidak memberi pengiktirafan yang sewajar kepada sumbangan-sumbangan dan hak-hak asasi petani-petani ataupun peneroka-peneroka yang telah bertungkus-lumus dan gigih mengerjakan kawasan pertanian mereka. Baru-baru ini sebanyak 20 peneroka-peneroka di atas tanah kerajaan selama 20 tahun di kawasan Bercham telah pun menerima notis untuk mengeluarkan, mengosongkan tanah mereka. Ini adalah satu tindakan yang tidak adil kerana cara mereka dihalau dari tanah tersebut langsung tidak memberi pertimbangan kepada jasa, hak asasi dan sumbangan petani-petani tersebut. Apa yang amat menghairankan adalah bahawa tanah tersebut telah diberikan kepada pihak SSI '*State Secretariat Incorporated*' pada 2hb. Julai yang lalu, 2 Julai 2003 yang merupakan sebuah anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak ini . Pemberian ini adalah umpama pemberian dari tangan kiri ke tangan kanan, apa matlamatnya. Soalan utama kenapakah tanah tersebut diberikan kepada SSI dan bukannya petani-petani tersebut. Apakah kriteria yang dipertimbangkan pelupusan tanah tersebut. Setahu saya, SSI langsung tidak mempunyai 'track' rekod dari segi pembangunan. Oleh itu pembangunan sebagai alasan untuk pelupusan tanah tersebut adalah tidak boleh terima langsung. Saya percaya hakikat ini adalah pelupusan tersebut adalah semata-mata untuk memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan berbandingkan kepentingan-kepentingan hak petani-petani tersebut. Setelah mendapat tanah tersebut SSI telah memasuki perjanjian usaha sama dengan pemaju tanah untuk membangunkan tanah tersebut. Satu senarai yang amat-amat '*familiar*'. Oleh itu ini adalah tidak masuk akal ataupun tidak boleh diterima. Pelupusan tanah adalah untuk membangunkan tanah sedangkan SSI memang tidak berkeupayaan membangunkan tanah tersebut dengan sendiri.

Dato Yang Dipertua, sekiranya pelupusan sedemikian dibiarkan berlaku, baik saya cadangkan Kerajaan Negeri memberikan keseluruhan tanah sedia ada di Negeri Perak kepada SSI, tangan kanan kepada tangan kiri. Betul tak. Tak perlu kita ada Kerajaan Negeri yang perlu pertimbangkan pelupusan tanah itu terus kepada SSI, yang amat sedih adalah sehingga hari ini Kerajaan negeri langsung tidak berbincang dengan petani-petani tersebut. ADUN kawasan tersebut pada tahun 2003, adalah sekarang kita hendak wakil daripada EXCO Kepayang sekarang dan juga ADUN penggal ini masih dari parit BN, MCA. Saya ingin tahu pendirian mereka berdua di atas isu ini. Apakah pendirian mereka. Mungkinkah mereka boleh dapat memberi pendapat mereka di dewan yang mulia ini pada hari ini. Saya nak tanya kepada mereka berdua, ada boleh? Dato' Yang Dipertua,

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Satu minit lagi.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG :** Banyak lagi Dato Yang Dipertua, saya harap banyak soalan yang ditimbulkan berkenaan dengan mengenai isu pemberian tanah dapat dijawab oleh Kerajaan Negeri ini yang terutamanya apakah terma-terma syarat dan syarat-syarat perjanjian usaha sama SSI dengan pemaju tanah tersebut. Siapakah yang akan mendapat munafaat daripada pembangunan tersebut. Dan berapakah keuntungan yang akan diperolehi. Adakah terdapat ketelusan di dalam pemberian kontrak kepada pemaju tersebut.

Dato' Yang Dipertua, perkara ini berlaku dibanyak tempat di Lawan Kuda, di Tambun, dan kini Bercham. Bilakah kita akan berhenti bertindak sedemikian, iktirafkan jasa dan sumbangan peneroka-peneroka di atas tanah-tanah tersebut. Dato Yang Dipertua, kenaikan cukai tanah oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini adalah amat membimbangkan

warga Negeri Perak. Wakil daripada Manjung, Y.B. Manjoi telah mengatakan pihak DAP hanya tahu cakap saja ratusan tapi ratusan apa.

**Y.B. TIMBALAN DATO' YANG DIPERTUA:** Masa Tamat. Ganti satu minit atas gangguan tadi. Satu minit.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG :** Saya nak tanya adakah Yang Berhormat akan menyelesaikan masalah sekiranya kami memberikan angka tersebut kepada anda. Isu yang terakhir, Dato' Yang Dipertua adalah mengenai arahan Kerajaan Negeri tentang pemberhentian penyembelihan ayam dan itik dipasar-pasar di sekitar di seluruh Negeri Perak. Pada dasarnya peniaga-peniaga ayam, itik tidak membantah arahan tersebut akan tetapi mereka memohon dan merayu agar Kerajaan Negeri menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sebelum arahan tersebut dikuatkuasakan.

**Y.B. DATO' CHANG KO YOUN:** Dato' Yang Dipertua, pagi ini sudah umum. '*Time already extended for them*'.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG :** Ya, bukan, kita hendak kata sekarang, apakah rancangan untuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan dan bagaimana mereka boleh terus menyembelih ayam. Itu yang penting. Itu yang amat penting sebab hasil pencarian mereka akan tergugat. Dato' Yang Dipertua, semalam saya '*prepared*' sampai 2.00 pagi, bagilah peluang.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** OK, isu terakhir telahpun selesai. Masa tamat. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Ini adalah mengenai kawasan saya, saya perlu bangkitkan di sini, Y.A.B. Menteri Besar Perak telahpun mengatakan disesi mesyuarat yang lalu.

**Y.B. TIMBALAN DATO' YANG DIPERTUA:** Benarkan dia menggulungkan.. Jangan ganggu lagi, saya minta kerjasama dari semua. Yang Berhormat kita akan berbahas sehingga pukul 6.30 petang ini. Dan saya akan beri peluang untuk semua ahli-ahli Yang Berhormat. Yang hendak berbahas untuk memberi ucapan. Kuala Kurau , bukan-bukan beliau belum habis, minta maaf , saya ingat Yang Berhormat hendak minta penjelasan. Cepat-cepat.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, isu kolendoriam di Pasir Pinji . Y.A.B. Menteri Besar Perak telah menyatakan bahawa perniagaan tersebut iaitu penempatan abu mayat tidak boleh dijalankan, akan tetapi, akan tapi saya masih menerima aduan, demi aduan mereka masih menjalankan perniagaan tersebut di situ . Asap semakin tebal, tiap-tiap hari pun ada. Malah iklan syarikat tersebut tersiar didalam suratkhabar sekarang, apakah, kenapakah pihak berkuasa tempatan tidak boleh mengambil tindakan terhadap syarikat yang memang dan jelasnya melanggar undang-undang negeri kita, Negara kita , kemanakah kedaulatan Undang-undang dan Rukun Negara. Saya harap Kerajaan Negeri ambil perhatian dan menyelesaikan masalah ini. Tiap kali saya hendak bangkit pun rasa malulah. Mereka kata Kerajaan Negeri tak boleh buat apa-apa kah?

**Y.B. TIMBALAN DATO' YANG DIPERTUA :** OK, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Kurau.

**Y.B. ENCIK MOHD. SALLEH BIN MAT DISA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di dewan yang mulia ini dalam usul menyembah ucapan tahniah serta menjunjung kasih titah ucapan DYMM pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Saya juga ingin mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan sekalong penghargaan dan tahniah kepada pemimpin yang kami kasih Y.A.B. Dato Seri Mohd. Tajul Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di atas kepimpinannya yang cemerlang sebagai ketua kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang aman, makmur damai dan sejahtera ini. Yang Berhormat Dato Timbalan Yang Dipertua, menyentuh titah ucapan DYMM pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, baginda telah menyentuh tentang perancangan Kerajaan Negeri yang selaras dengan perancangan RMK-9 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Y.A.B. Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 31 Mac yang lalu, di dalam meransang dan menjana pembangunan Negara yang lebih pesat dan terancang menjelang Wawasan 2020 nanti. Menyentuh tentang perancangan Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan iaitu dalam konteks merangsang sektor pertanian dan industri asas tani agar sektor ini menjadi enjin ketiga pertumbuhan ekonomi Negara, kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa sektor pertanian ini perlu '*ditransformasikan*' secara menyeluruh dan bersepada dan dimensi sektor ini perlu diperluaskan agar ianya nanti akan menjadi satu sektor penting yang akan menyumbang kepada sebahagian besar ekonomi Negara. Walau bagaimanapun kita begitu yakin dan percaya dengan perancangan-perancangan yang jitu dan kerja keras serta komitmen padu dari semua pihak terutamanya kementerian pertanian dan industri asas tani maka masa depan sektor pertanian, khususnya di Negeri Perak ini akan mencapai kejayaan yang gemilang. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, Dato Timbalan Yang Dipertua, Daerah Kerian yang mempunyai penduduk berjumlah 172,530 orang, 52% daripadanya iaitu 30,125 orang adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan sektor pertanian. Daripada jumlah ini 36% iaitu 10,819 orang adalah terdiri daripada pesawah-pesawah padi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, kawasan Kerian Laut yang merangkumi Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan Bagan Tiang dengan keluasan keseluruhan lebih kurang 29 ribu ekar ini merupakan salah satu kawasan jelapang padi bagi daerah Kerian. Bagi keseluruhan kawasan ini satu-satunya pusat bekalan air utamanya adalah dari Tasek Bukit Merah. Oleh kerana kawasan Kuala Kurau, Tanjung Piandang serta Bagan Tiang ini dikenali sebagai '*komparment*' A, B dan C ini, dari segi lokasinya terletak disebelah bawah iaitu kawasan muara sungai, maka kawasan ini sering mengalami limpahan air yang berlebihan ini di tambah pula dengan bentuk yang semula jadi muka bumi daerah Kerian ini iaitu dari segi topografinya ia berbentuk seperti mangkuk, memang menyukarkan lagi keadaan untuk mengalirkan air keluar daripada kawasan petak-petak sawah padi ini. Hal ini Dato' Timbalan Yang Dipertua telah menyebabkan tanah-tanah di kawasan ini sentiasa berada dalam keadaan berlebihan air dan akibatnya rata-rata tanah-tanah sawah di kawasan ini menjadi lembut dan hal ini telah mengakibatkan beberapa perkara berikut:-

- 1) Pengurusan air di kawasan ini tidak dapat dikawal dengan '*efisyen*'. Akibatnya ialah hasil padi yang rendah iaitu sekitar 3.5 metrik tan perhektar iaitu jauh daripada sasaran kementerian Pertanian iaitu sebanyak 10 metrik tan perhektar. Ini adalah kerana pengurusan air yang tidak dapat dikawal sepenuhnya didalam kawasan petak-petak sawah telah mengakibatkan hasil padi yang agak terjejas.

- 2) Hasil-hasil padi di kawasan ini sering kali tidak dapat dituai sepenuhnya kerana mesin-mesin penuai yang digunakan untuk menuai padi yang telah masak itu sering terbenam di dalam lumpur sawah yang lembut. Sebagai contohnya pada tahun 2004 sahaja, lebih kurang 2000 hektar sawah-sawah yang terlibat tidak dapat dituai dan ini melibatkan lebih kurang 3,000 petani-petani yang mengalami kerugian mengikut dua musim jumlahnya jutaan ringgit.

Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua, saya telah meninjau beberapa kawasan berkenaan dan keadaanya amat memilukan sekali. Terasa hiba dihati saya apabila melihat padi yang masak menguning itu terhampar dibumi tanpa dapat dituai sepenuhnya. Apatah lagi apabila menatap wajah-wajah kekecewaan yang terpancar dimuka petani-petani tersebut. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua, akibat daripada keadaan ini petani-petani yang terlibat dengan keadaan berkenaan bukan saja telah kehilangan punca pendapatan mereka untuk menyara keluarga, malah mereka dihimpit derita dan sengsara selama semusim berkenaan apatah lagi mereka ini mempunyai anak-anak yang ramai untuk disara. Untuk mengalas perut mungkin tak bermasalah, kerana sepat dan haruan dapat dipukat dibendang, kangkung dan ulam dapat dipetik dihujung halaman. Persoalannya ialah anak-anak sekolah perlukan pakaian, guru sekolah perlukan yuran, sibapa pening tidak keruan akhirnya Y.B. juga yang jadi sasaran.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya dilahirkan dari celah-celah kesusahan dan keperitan petani-petani di bendang. Denyut nadi dan urat jantung saya adalah terbentuk dan membesar bersama-sama sesuap nasi yang terhasil dari tanah lumpur lanar laut dari sawah-sawah kawasan itu. Sebagaimana anak yang dilahirkan oleh petani miskin, 48 tahun yang lalu, dan sebagai pemimpin kerdil, yang diberi kepercayaan dan diletakkan harapan yang tinggi menggunakan oleh petani-petani yang malang ini adalah tidak adil bagi saya jika sekiranya suara-suara kepiluan, rintihan-rintihan kesengsaraan serta keluhan-keluhan penderitaan dan kekecewaan petani-petani yang miskin ini tidak dapat saya kumandangkan dalam dewan yang mulia pada hari ini.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Lima minit lagi.

**Y.B. ENCIK MOHD SALLEH BIN MAT DISA :** Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, episod duka ini perlu dihentikan dengan segera. RMK9 telah memperuntukkan sebanyak RM 220 billion untuk rancangan pembangunan Negara bagi tempoh 5 tahun akan datang. Dan kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 11.4 billion bagi membangunkan sektor pertanian iaitu peningkatan 70% jika dibandingkan dengan RM 8 iaitu sebanyak 7.7 billion ringgit. Dan apa yang lebih mengembirakan lagi ialah sebahagian besar peruntukan itu akan digunakan untuk membangun infrastruktur yang berkaitan dengan pengairan dan saliran serta penyelidikan dan pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Tuan Yang DiPertua, sebagai penyambung suara hati dan nurani rakyat-rakyat petani di kawasan saya ini iaitu di Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan Parit Buntar serta seluruh daerah Kerian amnya, saya memohon dan merayu agar kerajaan Negeri Perak dapat memberikan perhatian yang serius tentang perkara ini dan agar peruntukan RMK- 9 ini dapat disalurkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk menyelesaikan masalah petani-petani di kawasan ini. Oleh itu Y.B. Dato' Timbalan Yang DiPertua, bagi membantu menyelesaikan perkara ini dan hasil

perbincangan dan dialog yang saya adakan dengan Ketua-ketua Komponen LPP, Pengurus-pengurus serta Pengerusi-pengerusi LPP kawasan berkenaan, maka di sini saya ingin mengutarakan beberapa rumusan-rumusan dari perbincangan tersebut yang dijadikan sebagai cadangan di dalam dewan yang mulia ini. Di antaranya ialah, cadangan yang pertama ialah mempertingkatkan kemudahan infrastruktur pertanian iaitu meningkatkan sistem pengairan dan saliran daerah Kerian ini khususnya di *compartment* B dan C. Dalam hal ini pengumuman Yang Berhormat Tan Sri Muhyuddin Yasin, Menteri Pertanian Industri dan Asas Tani di Sg. Manik berkenaan dengan peruntukan RM 30 juta iaitu program pengairan dan saliran melalui projek Kerian - Sg. Manik yang juga melibatkan Kerian yang mana ini telah disahkan sekali lagi oleh pihak berkenaan di perjumpaan bersama Y.B. Tan Sri Muhyuddin diperjumpaan yang diadakan di sekolah menengah kebangsaan Selinsing bahawa pakej peruntukan 30 juta itu adalah termasuk sekali dengan Daerah Kerian dan ini perlu diambil perhatian. Cadangan yang kedua, membina ban-ban boropit yang kukuh iaitu yang dapat dijadikan jalan-jalan ladang disepanjang lot-lot persisiran pantai dari Kuala Kurau hingga ke Sg. Kota iaitu sepanjang lebih kurang 16 km di mana ban-ban ini dapat digunakan untuk mengawal air didalam petak-petak sawah di kawasan persisiran pantai khususnya di *compartment* A, B dan C. Cadangan yang ketiga ialah membekalkan pam-pam pada setiap pintu-pintu air yang dapat digunakan untuk mengepam lebihan air dari ban-ban borofit telah berlaku lebihan air di kawasan berkenaan. Cadangan yang keempat ialah jadual penanaman padi juga perlulah disemak dikaji dan disusun semula agar jadual penanaman padi itu dapat disesuaikan bagi mengelak padi dituai pada musim hujan iaitu pada bulan April dan Oktober iaitu musim hujan yang maksimum. Cadangan yang kelima, peruntukan disalurkan kepada agensi berkenaan agar semua rumah-rumah jaga pam dibaik pulih dan disediakan kemudahan infrastruktur yang perlu agar iaanya selesa untuk didiami dan seterusnya mewajibkan penjaga-penjaga pam untuk tinggal di rumah-rumah jaga pam yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang DiPertua, meminta pada yang ada, merayu pada yang kasih. Harapan saya dan harapan ribuan petani-petani di daerah Kerian yang saban hari memerah keringat tua dan bergelumang dengan lumpur di sawah ini yang selama ini hanya bertemankan lompatan sepat dan haruan di bendang yang selama ini hanya berhibur dengan nyanyian ketitir dan pipit di sawah-sawah usang maka hari ini suara jiwa dan nurani mereka semua saya perdengarkan di dewan yang mulia ini dan saya sambungkan kepada pemimpin negeri yang kami kasih iaitu Y.A.B. Menteri Besar agar dapat memberi cahaya dan sinar baru yang lebih gemerlap kepada mereka semua.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang DiPertua, dalam titah ucapan DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Baginda telah juga menyentuh tentang bidang pendidikan yang memberangsangkan di Perak dan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memperluaskan institusi-institusi pendidikan rendah dan swasta supaya rakyat negeri perlu dapat dirangsang agar terus menyemai budaya menghargai ilmu melalui peningkatan minat membaca dan belajar sepanjang hayat. Ini selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu, iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi Negara serta memupuk minda kelas pertama. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri tempoh hari telah menyaksikan peruntukan yang agak tinggi bagi program meningkatkan kemudahan sekolah-sekolah luar bandar. Sektor pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM 1.15 billion bagi menambah baik sekolah-sekolah luar bandar serentak dengan itu RM-9 juga telah memperuntukkan

sebanyak RM 284 juta yang dikhaskan untuk pembistarian sekolah-sekolah. Selaras dengan teras dan hasrat Kementerian Pendidikan iaitu kos ...

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Y.B. masa tamat.

**Y.B. ENCIK MOHD. SALLEH BIN MAT DISA :** Saya perlu gulung Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang DiPertua. Saya perlu gulungkan kalau tidak maksud saya tak sampai. Saya mohon dua tiga minit lagi saya mohon kepada Dato'.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA :** Dua minit.

**Y.B. ENCIK MOHD. SALLEH BIN MAT DISA :** Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang DiPertua, di kawasan saya di DUN Kuala Gula terdapat beberapa buah sekolah yang terletak di kawasan Luar Bandar malah ada di antaranya jauh dipendalaman yang sangat-sangat memerlukan perhatian dan tindakan segera oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Kami sebagai wakil rakyat seringkali dijemput ke sekolah-sekolah berkenaan untuk Majlis-majlis Rasmi dan aktiviti-aktiviti lain sering dihujani dengan berbagai-bagai persoalan dan permohonan yang dilihat sememangnya perlu dilaksanakan. Saya ringkaskan Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, di antara sekolah-sekolah tersebut yang perlu diberi perhatian ialah sekolah Kebangsaan Sg. Baru. Sekolah ini yang mempunyai 261 orang murid dan 9 buah kelas hanya mempunyai 6 bilik darjah sahaja yang dapat digunakan. Ini menyebabkan sekolah ini terpaksa beroperasi dua sesi iaitu pagi dan petang. Kekurangan kelas ini telah menyukarkan pentadbiran sekolah apatah lagi tambahan dengan kelas agama JECA yang terpaksa dengan izin *protin class* untuk menjalankan pengajaran dan pembelajarannya. Oleh itu bagi pihak penduduk-penduduk kawasan berkenaan saya mohon kepada kerajaan dan juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak agar dapat memberikan perhatian kepada perkara tersebut demi kepentingan anak-anak kampung berkenaan. Satu lagi sekolah yang perlu diberi perhatian ialah Escap Parit Tok Ngah di mana sekolah ini mempunyai satu blok bangunan kayu yang lama yang begitu uzur yang terletak di tengah-tengah kawasan sekolah berkenaan. Bangunan ini masih digunakan oleh murid-murid sekolah walaupun keadaan bangunannya nampak begitu uzur dan merbahayakan. Kita tidak mahu trajedi menimpa guru di Kedah yang maut kerana terpijak lantai yang reput berulang sekali lagi di sini. Dengan ini kita mohon perkara ini mendapat perhatian segera dari pihak Jabatan berkenaan. Saya nak habiskan Yang Berhormat Dato Timbalan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang DiPertua, Sesungguhnya bagi memajukan misi nasional yang merangkumi lima teras penting ini iaitu meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi Negara, meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti dan inovasi Negara serta memupuk minda kelas pertama menangani masalah ketidaksamaan ekonomi, meningkatkan tahap serta kemampuan kualiti hidup serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan Negara merupakan satu misi besar yang bukan mudah untuk dicapai, sesungguhnya ia memerlukan komitmen dan kesungguhan yang tinggi serta ikhtizam yang cukup kuat untuk melakukan loncakan yang jitu ini. Bagi merealisasikan segala yang diimpikan oleh Negara dan kita semua dengan tekanan-tekanan persekitaran hasil dari arus globalisasi ini serta dunia tanpa sempadan bagi mencapai misi besar Negara kita memerlukan kekuatan kita semua terutamanya pemimpin-pemimpin yang berada di dalam dewan ini untuk sama-sama mengharungi cabaran-cabaran yang sangat hebat ini. Walaubagaimanapun, dengan kekuatan semangat dan kualiti istimewa yang ada pada pemimpin-pemimpin semua saya yakin dan percaya

disebalik cabaran dan rintangan yang hebat ini kita akan pasti berjaya mencapai impian yang kita harapkan. Asalkan kita semua sanggup dan bersedia untuk mengalas cabaran besar ini demi kepentingan Negara kita yang kita kasih. Akhir sekali, Yang Berhormat Dato Timbalan Yang DiPertua, sebagai menyuntik semangat bagi kita semua untuk menghadapi cabaran yang sangat hebat ini izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan satu ungkapan yang dipetik dari Martin Luther King Jr yang berbunyi *the ultimate* dengan izin, *the ultimate measures of a man is not where he stands in a movement of comfort and convenience but where he stands at time of challenge and controversy.* Sekian Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, Kuala Kurau mohon menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat kawasan Bercham.

**Y.B. ENCIK GOOI SENG TEIK:** Terima kasih kepada Timbalan Yang DiPertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Raja Mohd Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, saya ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam menyokong usul ucapan titah baginda Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan yang telah disampaikan dalam Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Ke 11 Darul Ridzuan pada 10 April 2006 ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B Menteri Besar Perak membangunkan Negara Malaysia kita menjadikan sebuah Negeri Perak yang makmur dan maju, progresif, adil, berdaya saing dan berdaya tahan. Timbalan Yang DiPertua, antara keutamaan yang diberikan di dalam Rancangan Malaysia Ke 9 adalah usaha-usaha menghapuskan kemiskinan tegar dan meningkatkan pendapatan per kapita rakyat serta menyediakan tempat tinggal yang selesa. Di kawasan DUN Bercham masih terdapat lagi mereka-mereka yang boleh dikategorikan sebagai berpendapatan rendah dan tinggal di kawasan lot setinggan. Ada di antara mereka telahpun menginap di kawasan tersebut hampir 50 tahun sebelum merdeka tetapi masih belum diberi hak milik. Ini menyebabkan mereka tidak dapat membuat pinjaman perumahan dari institusi kewangan serta membina rumah kerana khawatir kerajaan mungkin mengambil balik tanah-tanah tersebut dan rujukan lain. Saya berpendapat memandangkan kerajaan akan melaksanakan implikasi sistem pengurusan tanah secara *on line* maka saya berharap pihak kerajaan dapat memproses permohonan pindahan milik tanah dan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan dengan cepat, adil, tepat dan telus. Mereka yang terlibat tidak perlu mengambil masa yang lama menunggu nasib mereka dan menduduki tanah-tanah setinggan tersebut.

Timbalan Yang DiPertua, dalam kawasan DUN Bercham terdapat 2 kawasan Kampung Baru iaitu Kampung Baru Bercham dan Kampung Baru Kg. Tawas. Kedua-dua Kampung Baru tersebut telah mendapat kelulusan di peringkat Bandaraya Ipoh di tahun 2001 dan 2003 dalam Mesyuarat Perancangan Desa dan Bandar bahawa bersangkut dengan kelulusan syarat letakkan dalam tempoh 5 tahun mereka mestilah menukar kelulusan untuk mendapat permohonan kebenaran menukar syarat sebagai kawasan perniagaan. Oleh kerana dalam tahun 2003 purata penduduk dalam kawasan tersebut membuat pembaharuan geran lanjutkan tempoh, kebanyakannya permohonan masih lagi dalam proses kelulusan. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya lanjutkan tempoh tambahan 5 tahun oleh kerana mereka di bawah kelulusan hak tempoh tertentu untuk kemudahan sedemikian demi faedah kepada mereka yang terlibat. Timbalan Yang DiPertua,.....

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Cakap tengok sinilah sikit. Ha.ha. berucap tengok sini sikit.

**Y.B. ENCIK NGA KHOR MING:** Bercham cakap dengan *speaker* tolong bangkang.

**Y.B. ENCIK GOOI SENG TEIK:** Meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah. Di samping itu juga pihak Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian kepada golongan berpendapatan rendah dan rata-rata tidak mampu menyesuaikan diri dalam kehidupan dalam bandar kerana perbelanjaan yang tinggi. Keadaan yang tidak seimbang di antara penduduk-penduduk berpendapatan rendah dengan golongan berada akan mengwujudkan pelbagai masalah sampingan termasuk budaya sosial yang tidak sihat serta kegiatan-kegiatan yang boleh membahayakan penduduk. Pada masa ini didapatinya pembangunan di kawasan DUN Bercham begitu rancak, bangunan yang diwujudkan sebagai pusat bandaraya dan bagunan rumah kedai sekim perumahan. Namun begitu perlu ada kajian seluruh pembangunan keseluruhan kawasan DUN Bercham dengan mengambil kira mereka yang berpendapatan rendah dengan menyediakan kemudahan rumah pangsa kos rendah mampu milik. Dia ada membantu mengurangkan setinggan, gejala sosial di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Kes ini dirujukkan rumah pangsa di Bercham. Walaupun perumahan projek telah siap dalam tempoh 20 tahun dahulu, mereka di situ masih dalam tunggu mendapat *strata title*. Selama ini saya didapati memberi pertolongan kepada mereka dan terdapatnya mereka terhutang kepada Kerajaan Negeri dalam cukai tanah lebih 150, 550 ringgit. Inilah satu bebanan selama tempoh ini dan projek ini telah diisyiharkan bankrap semenjak tahun 1993. Dari masa itu sehingga hari ini mereka tidak tentu hala ke mana mereka patut pergi dengan berlakunya sedemikian. Tunggakan dari segi Lembaga Air Perak baru-baru ini didapati selesai dengan sempurnanya tunggakan sehingga 90,000 ringgit ini dapat diselesaikan dengan bayaran ansuran. Saya mengambil kesempatan di Dewan mulia ini, mencadangkan kepada kerajaan terutama Pejabat Tanah dapat membantu mereka dapat *strata title*. Dengan itu mereka benar-benar boleh menikmati rumah yang milik mereka itu adalah satu kawasan idaman hidupnya. Gangguan kerosakan sering berlaku di kawasan DUN Bercham sedikit banyak akan menjaskan pembangunan di kawasan-kawasan DUN Bercham dan sekitarnya. Penduduk dan mereka yang terlibat dengan perniagaan khusus akan tidak terasa selesa sekiranya satu langkah konkrit tidak diambil. Begitulah juga dengan kebersihan di kawasan terutama jadual kutipan sampah serta penyakit-penyakit, banjir kilat yang berlaku, rumput panjang di kawasan awam dan hakmilik individu. Agensi terlibat perlu diberi penekanan peranan mereka untuk menjaga kebersihan dan membaiki kerosakan dengan segera demi kebaikan kepada semua penduduk.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** 5 minit lagi.

**Y.B. ENCIK GOOI SENG TEIK:** Aktiviti kemasyarakatan perlu dipertingkatkan bagi mendidik warga kota bersama memainkan peranan masing-masing untuk memelihara kesejahteraan dalam kawasan seperti dilauangkan oleh kerajaan *a healthy city and a safety city*, dengan izin. Banyak aktiviti boleh dirancangkan antara kehidupan mereka seperti gotong-royong, JKK kawasan dan Rakan Muda boleh membawaikan masyarakat menilai bererti bertanggungjawab kepada kerohanian dan kesejahteraan dewasa. Maka dengan ini saya mohon menyokong.

**Y.B. DATO' TIMBALAN YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Sungkai.

**Y.B. DATO' R. GANESAN:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang DiPertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas titah ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Yang Ke 11. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Nasional menyedari bahawa bidang pertanian merupakan bidang utama dan penting bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak telah menjadikan bidang pertanian sebagai aspek utama sebagai sumber menjana ekonomi yang produktif dan dapat memberi pulangan kepada rakyat. Inilah usaha dan tanggungjawab yang baik untuk rakyat. Kita mesti berani menukar *mind set* untuk menukar tanggapan bahawa hanya makan gaji sahaja yang boleh menyara hidup. Negeri Perak yang bertuah ini amat besar dan mempunyai keluasan yang cukup strategik untuk menghidupkan amalan pertanian yang moden dan boleh memberi pulangan yang besar dan boleh menjadikan petani kita menguasai teknologi pertanian yang canggih.

Dato' Yang DiPertua, Kesungguhan kerajaan untuk menggalakkan pertanian moden ini adalah dengan mempelbagaikan produk yang boleh menampong sekurang-kurang untuk kegunaan tempat dan paling baik adalah untuk dieksport. Sayur-sayuran, buah-buahan yang bersesuaian dengan tanah hendaklah dihasilkan dengan mutu yang tinggi agar pulangan tinggi ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Oleh itu, tindakan proaktif hendaklah digerakkan oleh jabatan-jabatan kerajaan supaya kaedah-kaedah baru yang boleh mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi dapat diperkenalkan dan digunakan dalam pertanian era baru di Perak. Era biotek hendaklah digerakkan secara maksimum bagi memungkin petani-petani kita dapat mengelakkan diri dari belenggu kemiskinan dan hutang- piutang akibat produk yang sedikit. Penggunaan biotek mestilah didukung dan disokong secara bersepadu bagi menjelmakan petani yang berjaya dan boleh dikategori usahawan atau petani jutawan. Saya juga berharap agar pegawai-pegawai pertanian tidak hanya mentadbir di bilik hawa dingin sahaja, malah pegawai-pegawai kerajaan mesti turun padang untuk mengenal pasti masalah petani dan sekali gus boleh merungkai persoalan yang dikemukakan secara pantas. Sehubungan dengan itu saya berharap isu petani-petani Kuala Bikam, Bidor, Bidor Station, Sungkai hendaklah diatasi dengan cukup positif yang boleh membawa makna kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dato' Yang DiPertua, hasil atau produk pertanian hendaklah dipasarkan melalui jalanraya atau kaedah perhubungan yang baik dan bermutu. Oleh itu, saya berharap jalan perhubungan dari Sungkai ke jalan besar Teluk Intan terus ke Lumut melalui Kampung Baru Kuala Bikam amat perlu bagi membangunkan kawasan sekitar. Perjalanan yang pantas dan bernaik taraf boleh mengelakkan kesesakan atau melambatkan sebarang pemasaran produk pertanian dan juga dengan adanya jalan alternatif ini, kesesakan lalulintas di Pekan Bidor dapat dikurangkan. Amat penting, kawasan di Sungkai dapat dimajukan sebagai kawasan industri pemakanan kerana lokasi yang sesuai, berhampiran dengan lebuhraya dan kos buruh yang menarik. Oleh Itu saya berharap agar satu usaha hendaklah digerakkan bagi membolehkan Sungkai terus menerima arus perubahan pembangunan secara aktif. Kesimpulannya ialah, kaedah moden pertanian, perhubungan yang teratur dan bermutu, prasarana yang baik, pemasaran pantas, keseluruhannya akan membawa impak yang paling besar kepada kita semua, iaitu industri pertanian yang saya kira boleh membawa kemakmuran kepada kita semua rakyat Negeri Perak yang terbilang.

Dato' Yang DiPertua, apabila kita merancang menukar orientasi pertanian ke arah yang lebih moden maka *man power*, dengan izin, hendaklah petani yang sanggup bekerja keras dan boleh memahami teknologi. Oleh itu, belia-belia kita yang berminat hendaklah diberikan kursus atau pendedahan teknologi moden. Belia-belia adalah tenaga penggerak yang boleh merealisasikan impian kita bersama iaitu pertanian moden. Walaupun wujud peluang namun kecenderungan mereka amat berkurangan dengan pertanian. Oleh itu, tindakan agresif mestilah dirancang dan dilaksanakan untuk mengubah pemikiran belia-belia ini. Kursus jati diri, kursus bina insan atau apa juga kursus yang boleh menukar aliran pemikiran belia-belia mestilah dilakukan untuk membolehkan belia-belia boleh melihat bahawa pertanian adalah bidang yang boleh membawa kemakmuran kepada diri sendiri, masyarakat dan Negara. Belia-belia mesti dipupuk dan dibajai kerana mereka adalah penyambung kejayaan bangsa. Oleh itu kejayaan bangsa dan Negara mestilah dipertahankan dan diperluaskan agar Negara ini boleh dijadikan contoh dan menjadi medan utama anak-anak kita bersaing diperingkat antarabangsa. Oleh itu, saya amat berharap belia-belia ini boleh bergiat aktif dalam aktiviti pertanian dan penternakan melalui kerjasama dan gerakan bersepadu di antara jabatan-jabatan kerajaan yang terbabit. Belia-belia juga mesti diberikan peluang untuk menerajui atau pemain utama dalam industri ICT di Negeri Perak khususnya. Belia-belia hendaklah diberikan peluang untuk mengerakkan kepakaran ICT bagi menyuburkan peluang kepada semua untuk menikmati saingen pertanian di alam maya.

Dato' Yang Dipertua, pembangunan mestilah berteraskan pelajaran kerana melalui pelajaran anak-anak kita akan menyedari bahawa semua pembangunan yang dilakukan adalah hasil kebijaksaan kerajaan. Oleh itu, saya amat berharap bahawa bidang pelajaran mestilah diberikan perhatian yang teliti dan disempurnakan untuk memberi manfaat kepada anak-anak sekolah ini. Murid-murid hendaklah menerima pelajaran yang bermutu ini tidak boleh kita sangkal kerana kurikulum yang disediakan boleh dikategorikan bertaraf dunia kerana tenaga pengajar dan kurikulum yang boleh membawa maksud berguna kepada anak-anak sekolah ini. Saya berharap sauna yang kondusif hendaklah dinikmati oleh semua anak-anak sekolah di Negara ini. Saya amat berharap bahawa persekitaran fizikal yang baik dan terjamin keselamatannya boleh melegakan keputusan yang baik kepada anak-anak kita terutamanya anak-anak sekolah yang menerima ajar di sekolah-sekolah di ladang-ladang atau estate. Saya berharap struktur bangunan yang berbahaya hendaklah digantikan dengan yang baru kerana kita amat mementingkan keselamatan anak-anak sekolah ini. Meja, kerusi, papan putih, kipas, bilik, tandas atau apa juga peralatan fizikal yang susah uzur hendaklah digantikan kerana kemudahan asas ini boleh meransang anak-anak kita mengajar dan menguasai ilmu pengetahuan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Tiga minit lagi.

**Y.B. DATO' R. GANESAN:** Melalui pelajaran kita percaya bahawa anak-anak yang berbeza budaya dan agama dapat kita satukan dan melalui perpaduan saya amat percaya bahawa ini adalah petanda bahawa kegemilangan bangsa akan terus menerus bersama kita. Kebajikan guru-guru yang berkhidmat di ladang ataupun estate untuk mengajar anak-anak bangsa hendaklah diberikan perhatian supaya tumpuan mereka jelas ke arah anak-anak kita. Dato' Yang Dipertua, pembangunan di kawasan luar Bandar hendaklah diberikan perhatian agar rakyat tidak menderita, contohnya Kampung Poh, Kampung Chegar di Bidor, Kampung Plang Baru dan Kampung Muhibbah di Sungkai yang mana sistem perparitan tidak sempurna sekiranya perkara ini tidak diambil

tindakan maka saya khuatir kecuaian kita boleh menyebabkan pelbagai masalah yang akan datang di pintu rumah penduduk. Sistem perparitan yang sempurna dapat mengelakkan suasana yang tidak diingini seperti jangkitan penyakit dan banjir kilat. Kesihatan yang baik dapat memberi nikmat kepada rakyat. Kesihatan rakyat yang baik tentulah akan menjadikan mereka rakyat yang produktif. Dato' Yang Dipertua, Jabatan Parit dan Saliran mesti mengambil tindakan terhadap isu hakisan tanah di Kampung Poh, Kampung Rahmat Changkat Sulaiman, Kampung Tiang Bentara yang melibatkan sungai yang mengalir disitu walaupun kos untuk meluruskan sungai adalah tinggi, saya berharap langkah jangka panjang wajar dibuat dan diambil tindakan. Sekian, Dato' Yang Dipertua, Sungkai mohon menyokong. Terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Kenering.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. TARMIZI BIN IDRIS:** Assalamualaikum Warahmatullahhi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana memberi kesempatan kepada saya di dewan yang mulia ini untuk turut membahaskan usul yang menjunjung kasih atas Titah ucapan D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan semasa Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Perak ke Sebelas 10 April yang lalu. Persidangan kali ini juga amat besar erti dan maknanya kepada kita semua kerana Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Pemangku jelas menyentuh mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sembilan dan Pelan Strategik Perak Maju 2015. Pada 31 Mac yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke Sembilan telah mengariskan 15 untuk dijadikan landasan serta arah tuju kerajaan di dalam pelaksanaannya. Apakah ianya akan menjadi kenyataan adalah ianya benar-benar dapat mencapai sasaran seperti mana yang ditetapkan. Sesungguhnya Rancangan Malaysia ke Lapan yang lalu memberikan banyak pengajaran serta iktibar kepada kerajaan dan kita semua mengenai bidang tugas tanggungjawab peranan yang perlu dipikul bersama ke arah menjayakannya. Ketirisan dan kesilapan yang lalu perlu dijadikan panduan kepada kita untuk terus memperbaikinya dan jangan sekali-kali mengulanginya. Ketegasan dan amaran keras Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa hari yang lalu kepada jentera pelaksana iaitu pegawai-pegawai kerajaan membuktikan ketegasan pucuk pimpinan Negara untuk melihat. Perkara yang sama dalam Rancangan Malaysia ke Lapan tidak berulang di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan nanti. Sebagai penyokong kerajaan diperengkat negeri seruan yang sama ini juga saya lontarkan kepada mereka-mereka yang sudah tidak berminat ataupun tidak memberikan perkhidmatan yang baik supaya turut melepaskan jawatan. Wakil-wakil rakyat dan orang ramai khususnya membincangkan akan keupayaan serta kemampuan jentera kerajaan sebagai pelaksana dalam melakukan tugas yang sebegini besar untuk dijayakan ramai yang masih menaruh keyakinan kepada pegawai serta jentera kerajaannya ada pada masa kini tetapi dalam pada masa yang sama kedapatan juga mereka yang terus mempersoalkan keupayaan ini dengan disertakan contoh-contoh dan bukti-bukti kelemahan yang ada pada masa dulu dan berterusan pada masa kini.

Dato' Yang Dipertua, dengan peruntukan RM20 billion di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan iaitu peningkatan RM30 billion jika dibandingkan dengan Rancangan Malaysia ke Lapan yang lepas kerajaan benar-benar mengharapkan agar misi nasional ini dapat memacu Malaysia menuju wawasan Negara dengan pendekatan berasaskan ilmu pengetahuan, kreativiti, inovasi dan memupuk minda kelas pertama. Disamping memastikan matlamat kemajuan Negara adalah bersifat realistik serta seimbang bagi para rakyat. Ia juga membolehkan pembangunan tamadun dan kecemerlangan bangsa

dan dalam masa yang sama mengangkat martabat dan kesucian agama sesuai dengan konsep Islam Hadhari. Teras pertama dan kedua misi nasional ini adalah usaha bagi meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi Negara dan mementingkan keupayaan pengetahuan kualiti serta inovasi, manakala tiga lagi teras tertumpu ke dalam usaha untuk menangani permasalahan ketidaksamaan sosial secara membina meningkatkan tahap serta kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi serta pelaksanaan Negara. Sesungguhnya bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sembilan kita perlu lipat gandakan usaha mengarap seluruh tenaga ke arah menjayakannya dengan lebih unggul demi untuk menjulang martabat dan maruah Negara. Supaya ianya tidak berlaku seperti mana ungkapan orang-orang tua tumbuh cermai tepi belukar, bunga melati dihujung balai, kalau tak pandai mengutus akar, pucuknya nanti layu terkulai.

Dato' Yang Dipertua, antara penekanannya yang telah diutarakan di dalam Titah Kebawah Duli Tuanku, adalah memperkatakan tiga perkara utama dalam pelan strategik Perak Maju 2015 iaitu membasi kemiskinan tegar kedua setinggan sifar dan yang ketiga meningkatkan pendapatan perkapita. Dari ketiga-tiga saya ingin menarik dan mengutarakan mengenai masalah kemiskinan apabila kita bercakap mengenainya kita tidak boleh lari daripada melihat punca-punca kemiskinan dan cara ataupun langkah-langkah perlu diambil bagi mengatasinya. Oleh yang demikian saya amat bersetuju dengan saranan sahabat saya wakil dari Selama di dalam ucapan semasa menyokong usul menjunjung kasih tempoh hari dengan langkah-langkah dan pendekatan yang perlu diambil bagi menanganinya. Di dalam dewan yang mulia ini juga saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat membantu dan mengurangkan jumlah kemiskinan dan juga dengan memberikan peluang penempatan peserta-peserta khususnya dari kalangan golongan miskin tegar ini. Di ladang-ladang milik agensi kerajaan contohnya di kawasan saya Felda. Pada saya undang-undang dan peraturan yang kita buat boleh dipinda jika ianya dilakukan untuk kesejahteraan rakyat. Lakukanlah demi kebaikan bersama kerana di kawasan saya masih wujud tiga, empat Felda Plantion yang merupakan ladang milik Felda sepenuhnya.

Dato' Yang Dipertua, dari jumlah peruntukan 6.9 billion kepada Kementerian Pertanian dan Asas Tani jelas satu peningkatan yang besar bagi 3.3 billion pada Rancangan Malaysia ke Lapan meletakkan harapan yang cukup tinggi kerajaan kepada Kementerian. Dalam masa yang sama saranan daripada pucuk pimpinan Negara yang mengajak rakyat dengan kempen petani satu perniagaan bumi hijau, buku hijau dan sebagainya menampakkan kesungguhan kerajaan untuk melaksanakannya. Rakyat mulai sedar akan peluang ini dan mula menunjukkan minat menjayakannya, tetapi dalam masa yang sama saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini menangani permasalahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil khususnya dikawasan yang saya wakili iaitu Kenering daerah kecil Lenggong dan juga Hulu Perak iaitu ancaman tanaman gajah liar yang telah menjelaskan usaha petani-petani untuk pengetahuan lebih dari 1500 ekar kawasan kelapa sawit dan getah telah dimusnahkan oleh gajah dikawasan yang saya sebutkan nanti. Ini gajah daripada Lintang agaknya. Pokok-pokok yang sudah mengeluarkan hasil contohnya pokok getah kulitnya dimakan dan dalam masa yang sama pokok tersebut ditolak dan dalam masa yang sama juga untuk pokok kelapa sawit umbutnya dimakan oleh gajah dan yang lebih dahsyat daripada itu ini di kampung saya sendiri terdapat loji air luar Bandar yang mana gajah juga telah masuk ke tempat tersebut dan berendam mandi dan berkubang di tempat dalam loji air. Siapakah yang bertanggungjawab kepada penyelesaian masalah ini apakah peranan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar bagi menangani permasalahan ini apakah mereka benar-

benar mampu melaksanakan tanggungjawab untuk terus mempastikan hidupan ini. Hidupan ini tidak lagi menganggu tanaman petani-petani dalam masa yang sama sewajar juga petani-petani malang ini mendapat pampasan di atas kemusnahan hasil tanaman mereka, jika pemasalahan ini berterusan saya bimbang minat pekebun-pekebun kecil di kawasan yang saya wakili pudar dan dalam masa yang sama turut menyumbang kepada wujudnya lebih ramai golongan miskin tegar dan dikesempatan ini saya juga mengambil...untuk mengucapkan tahniah kepada tuan Pegawai Daerah Hulu Perak yang telah mengadakan satu mesyuarat tergempar dengan menjemput pihak daripada Jabatan Penghidupan Liar untuk memberikan taklimat dan memberikan kata dua kalau tidak mampu untuk melaksanakan maka sebagai Pegawai Daerah beliau akan mengisyiharkan darurat. Ini satu tindakan tegas dan terima kasih, selain daripada tanaman getah dan kelapa sawit tidak apa yang dapat dibanggakan mengenai pencapaian.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** masa dah cukup.....

**Y.B. TUAN HAJI MOHD TARMIZI BIN IDRIS :** 2 minit lagi, tutupkan cerita kerja Dato' Yang DiPertua, serupa juga wakil daripada Lintang dan juga Temenggor masyarakat Orang Asli juga perlu diberikan keutamaan dan pembelaan oleh yang demikian saya mencadangkan agar penempatan Orang Asli di Kampung Air Bah juga dinaikkan taraf dengan memberikan status tanah pertanian kepada mereka kerana mereka dan masa kini sedang giat berusaha untuk terus hidup dan insyaAllah boleh mencapai kejayaan dengan usaha gigih yang mereka lakukan. Ini nak potong-potong banyak potong ini..... mengenai bidang ternakan saya melihat peluang yang ada begitu luas dikawasan yang saya wakili dan saya mengharapkan agar Jabatan Haiwan berperanan memastikan ladang-ladang yang ada kursusnya di Sungai Soh, Kampung Chepor, Temelong, Luat, Pulau Cheri dan sebagainya dibangunkan dan dalam masa yang sama kerajaan dapat menyediakan kemudahan jalan pertanian ke kawasan-kawasan yang terlibat. Dan dalam masa yang sama, pembangunan Pekan Lawin yang terancam perlu disegerakan dan PKNP nampaknya memulakan kerja-kerja pembangunan Bandar Baru Lawin, tetapi apa yang mendukacitakan proses untuk meratakan tapak juga mengambil masa yang terlalu lama.

Dato' Yang DiPertua, kita tidak boleh tunggu terlalu lama untuk menjadikan negeri kita Negeri Maju, kepada Kementerian Pelajaran saya ingin sarankan agar diwujudkan sekolah Kebangsaan di Kampung Ulu Kenderungi ini tempat kampung Yang Berhormat Dato' ADUN Temenggor, kesesuaian tapak telah kita kenal pasti bila kita tidak boleh berlengah-lengah lagi laksanakanlah dan dalam masa yang sama kita juga memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk memastikan sekolah berasrama penuh wujud di daerah kita ataupun tidak, setidak-tidaknya sekolah Rancangan Khas didirikan kerana ini akan membantu mempercepatkan pembangunan pendidikan, jadi dah habis

Dato' Yang DiPertua, ada satu yang terakhir yang yang dari saya kerana saya cukup akur dengan masa yang diberikan rancanganlah pembangunan luar bandar untuk kami khurususnya segerakanlah pembinaan, jambatan air jada yang telah lama yang dijanjikan dan juga dalam masa yang sama berikanlah peluang peruntukan yang sewajarnya untuk terus memastikan sekolah Agama Rakyat dan juga surau serta dewan-dewan jalan luar bandar dikawasan yang saya wakili mendapat peruntukan yang sewajarnya. Akhir kata, sebagai saranan saya tapi pembangkang tak ada tapi saya bacalah jugak, kepada pembangkang yang cuba mengaitkan Sistem Perundangan Islam dan Kesucian Agama yang menjadi teres dan pegangan kita semua, saya ingin menarik kata-kata

bidalan melayu, kata orang tua-tua, kalau bertatih jangan terus berlari, setelah duduk baru berlunjur kaki, tergadahlah selalu supaya tidak terantak, cari-carilah bantal apabila kita mengantuk, jangan guna cuka untuk mengubati luka atau jadi pelunjuk atau jari telunjuk yang mencucuk mata, jangan jadi jelatang di hulu yang racun muara, dengan kata-kata itu Kenering ucap terima kasih diberi peluang berucap dan menyokong usul yang dibentangkan. Sekian terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** terima kasih. Rungkup

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD :** terima kasih Dato' Yang DiPertua, Y.A.B. Menteri Besar, Ahli-Ahli EXCO dan Ahli-Ahli Dewan Undangan, Yang Bahagia Setiausaha Dewan, Ketua-Ketua Jabatan, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian. Saya ingin ucapan terima kasih banyak kepada Dato' Yang DiPertua sebab menunggu daripada semalam, alhamdulillah baru sekarang dewan dah nak tutup baru dapat walaubagaimanapun saya ucapan terima kasih banyak, tidak kita urusan banyak tadi.

Dato' Yang DiPertua, dalam masalah RMK-9 banyak di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat telahpun memperkatakan tapi soalnya sekarang ini saya merasakan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri pun tidak begitu faham berkaitan dengan RMK-9 dan peranan ini harus pihak Jabatan Penerangan mengambil inisiatif dan juga memberikan pegangan secara terperinci kepada pemimpin-pimpinan tempatan dan juga kepada penduduk-penduduk kampung yang memerlukan penjelasan secara *detail* kaitan dengan RMK-9 ini, dalam RMK-8 kita dapat bahawa banyak perkara-perkara yang telahpun kurang dapat dilaksanakan dengan begitu sempurna terutamanya dari segi sektor pertanian di mana boleh dianggapkan bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh kakitangan Jabatan Pertanian begitu gigih tapi oleh kerana masalah peruntukan yang tidak begitu mencukupi menyebabkan program-program yang diatur oleh Jabatan Pertanian banyak tergendala dan sebagai contoh di kawasan saya yang mempunyai keluasan 21,000 hektar yang melibatkan 87% daripadanya ialah petani ataupun pekebun kecil telahpun gagal untuk mengusahakan tanaman kelapa daripada kelapa pandan, kelapa biasa sehingga usaha yang terakhir mengwujudkan kelapa masak. Kawasan-kawasan tersebut sekarang ini kelihatan terbiar dan tidak memberikan sebarang hasil kepada petani-petani saya merasa amat dukacita bahawa tindakan ini seolah-olah kawasan pertanian di kawasan Bagan Datoh hanya dijadikan medan percubaan oleh jabatan-jabatan untuk mencuba tanaman-tanaman baru dan yang menjadi mangsa dan yang terkorban ialah petani-petani ataupun pekebun-pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya tanaman kelapa sawit diberi keutamaan menggantikan tanaman kelapa di kawasan Bagan Datoh di mana sebahagian besar daripada pekebun-pekebun kecil telahpun sedar bahawa tanaman kelapa biasa tidak memberikan apa-apa hasil sedangkan tanaman kelapa sawit sebagaimana yang telahpun digembar-gemburkan bahawa ianya merupakan salah satu sumber industri iaitu Bio-diesel, malah baru-baru ini ditemui di Perlis bahawa tebu jugak boleh menghasilkan Bio-Petrol tetapi kelapa hanya mengharapkan kelapa hijau untuk kepada laki-laki yang berumur 60 tahun ke atas sahaja. Tuan-tuan dan saudara-saudara yang saya hormati sekalian,

Dato' Yang DiPertua, untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya satu dana diwujudkan khursus kepada petani-petani yang ingin menanam kelapa sawit untuk menukar daripada kelapa-kelapa sawit dan dana ini hendaklah disalurkan kepada melalui PPK Kawasan masing-masing supaya ianya dapat di salurkan kepada pekebun-pekebun kecil yang berminat untuk menanam kelapa sawit oleh kerana saya

mencadangkan ini oleh kerana Jabatan Pertanian tiada peruntukan dan di luar bidang daripada Jabatan Pertanian untuk memberikan benih ataupun kemudahan-kemudahan bagi penanam-penanam kelapa sawit yang mana ianya banyak memberikan hasil yang lebih lumayan kalau dibandingkan dengan tanaman kelapa. Satu perkara lagi berkaitan dengan masalah yang timbul daripada kegagalan pertanian di kawasan Bagan Datoh ataupun di kawasan-kawasan kelapa yang lain di mana masalah yang, masalah yang sedang dihadapi ialah masalah parit-parit di kebun-kebun kelapa tersebut, Bagan Datoh mencadangkan saya mencadangkan supaya satu peruntukan program menggorek parit sebanyak 50.17 km berharga 301, 020 ringgit diberikan dalam RMK-9 ini dan sebaik-baiknya pada tahun 2006 ini, yang keduanya meninggikan ban untuk menggelakkan daripada berlaku banjir iaitu sepanjang 8.8 km berharga 484,000 kemudian membina pembentung 23 unit berharga 296,000 dan membina jalan ladang sepanjang 75 km bernilai 2,843,800 ringgit dan jambatan MTV 23 unit bernilai 1,386,000 perlu dilaksanakan di kawasan pertanian di kawasan Bagan Datoh.

Dato' Yang DiPertua, satu perkara lagi yang amat menyedihkan kepada penduduk-penduduk ataupun pekebun kecil di kawasan tersebut di mana lebih kurang 1023 hektar tanah yang telahpun dibanjiri air masin sejak daripada tahun 96, akibat ban pecah sehingga kini tidak mendapat sebarang pampasan ataupun bantuan daripada pihak kerajaan perkara ini telahpun saya majukan dalam ucapan saya dalam dewan yang mulia ini pada tahun 2004 tapi sehingga ini tidak mendapat sebarang reaksi daripada Kerajaan Negeri, dari segi pembangunan yang lain bahawa pembangunan infrastruktur juga merupakan pembangunan perlu yang diadakan di kawasan Negeri Perak ini dan khususnya di kawasan Bagan Datoh tapi yang jadi penghalang utama ialah masalah dari segi jentera kerajaan sendiri di mana Pentadbiran Tanah Daerah tidak seragam walaupun sistem yang digunakan pada ketika ini sistem online contohnya masalah pecah sempadan sepatutnya apabila berlaku ataupun ada sistem online ini perkara ini dapat dilakukan dalam masa yang singkat dan cepat tapi masih juga mengambil masa 2 tahun dari segi pindahmilik, pindahmilik juga telah makan masa hampir-hampir 2 bulan, pelepasan gadaian keadaannya begitu jugak ini amat diperlukan oleh pihak peniaga-peniaga yang telah selesai membayar pinjaman daripada bank perlu melepaskan gadaian terpaksa makan masa 3-4 bulan baru dapat diselesaikan. Masalah gadaian, kelulusan tanah dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pejabat Tanah. Saya difahamkan bahawa di Pejabat Tanah Hilir Perak Teluk Intan, sejak daripada tahun 1997 sehingga sekarang beratus-ratus fail telahpun dihantar ke MMK masih tidak dapat keputusan jadi saya mohon daripada pihak kerajaan negeri supaya dapat mengkaji balik masalah penyelarasan Pejabat Tanah ini supaya kerja-kerja awalan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan permohonan tanah sebaiknya hendaklah diproses oleh pihak Pejabat Tanah dan keputusan haruslah barulah diberikan kepada pihak kerajaan negeri ataupun dalam Mesyuarat Exco perkara ini banyak menimbulkan masalah Dato' Yang DiPertua, satu contoh di mana satu keputusan *overlapping* di mana satu Syarikat Innovest telah pun diluluskan tanah di persisiran pantai di sepanjang daripada Simpang Empat ke Sungai Batang yang keluasannya lebih kurang 1000 ekar melibatkan penempatan penduduk-penduduk nelayan Bagan Pasir Laut yang mana penduduk-penduduk ini telahpun menetap hampir 100 tahun yang lalu, tapi oleh kerana pihak kerajaan negeri tidak meneliti dan juga mengikuti laporan yang diberikan oleh Pejabat Tanah menyebabkan tempat tinggal nelayan-nelayan ini telahpun diluluskan kepada syarikat ini dan saya difahamkan bahawa syarikat tersebut telahpun membayar premium tanah yang sekarang ini menjadi masalah kepada kami di kawasan khususnya kepada Dato' Rajoo yang mana tanah tersebut telahpun dimiliki oleh pihak Gadaf Marble yang sebelum ini oleh pihak Innovest.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Dua minit lagi. Y.B., lagi dua minit. Lagi dua minit.

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD:** Laju ni.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Lewat dah

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD:** Yang seterusnya saya merayu supaya dalam Rancangan Malaysia Ke 9, ini satu peruntukan diberikan bagi membina jalan utama daripada Simpang Empat ke Bagan Datoh, yang kedua membina dan juga membaiki pelabuhan Bagan Datoh dan yang ketiga membina sekolah berasrama penuh dan saya difahamkan bahawa peruntukan untuk membina sekolah berasrama penuh telahpun diluluskan dan sekarang ini Y.B. Pangkor sedang berusaha untuk membawa perkara ini ke Pangkor, jadi saya minta tolonglah kepada Y.B. Pangkor, kesianlah kami di Bagan Datoh ni. Tak ada apa yang tinggal, tinggal itu aja yang terkonteng-konteng. Yang ke empatnya di Bagan Datoh ni

Dato' Yang DiPertua, tak ada satu padang bolapun yang dimiliki oleh Kerajaan. Semua padang bola dimiliki oleh estet, oleh sekolah dan pihak-pihak swasta. Jadi maknanya setiap kali kami akan mengadakan aktiviti rekreasi, sukan dan sebagainya, terpaksa menumpang dan minta tolong kepada pihak swasta dan sekolah. Seterusnya masalah guru KAFA. Guru KAFA ni, saya difahamkan, gaji bulan sebelas tahun 2005 belum dibayar lagi dan elaun bagi bulan satu, dua dan tiga di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk menaikkan elaun 500, sampai sekarang pun belum lagi dibayar. Dan seterusnya Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat saya mohon kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapat memberi keutamaan di kawasan Bagan Datoh, sama ada di Hutan Melintang ataupun Pekan Bagan Datoh ...

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih.

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD:** ...eh nanti dulu. Oleh kerana tapaknya telahpun disiapkan. Seterusnya masalah bantuan Kebajikan Masyarakat. Saya mohon bantuan bulanan ini dapat ditambah daripada seratus ke tiga ratus ringgit, tambang sekolah dan juga bayaran peperiksaan mengikut kesesuaian. Seterusnya saya juga merayu kepada jabatan-jabatan dan Kerajaan Negeri supaya memberikan keutamaan kontrak kepada kontraktor-kontraktor kelas F di kawasan-kawasan ADUN dan Parlimen. Oleh kerana sistem pemberian kerja sekarang ini secara undi mengikut daerah, jadi ada setengah daripada kontraktor di kawasan-kawasan Parlimen ataupun kawasan DUN, tidak mendapat kerja sepanjang tahun 2005.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Disokong.

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD:** Dato' Yang Dipertua, Y.A.B. telahpun meluluskan sebidang tanah 23 ekar untuk dimajukan kepada SPNB sejak tahun 2004 dan perkara ini telahpun diserahkan kepada SPNB dan pelancaran pecah tanah telahpun dilakukan pada 17.1.2006, tapi malangnya tanah tersebut tidak dapat dibangunkan lagi oleh kerana ada kaitan masalah yang belum lagi diselesaikan oleh pihak perancang. Jadi saya mohon jasa baik daripada jabatan perancang supaya dapat memberikan keutamaan kepada program ini kerana ini adalah merupakan satu program rumah mampu milik , satu-satunya yang diadakan di kawasan Bagan Datoh. Satu perkara lagi saya mohon kepada Y.A.B.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Satu campur satu dah sepuluh ni.

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD:** Satu lagi, ni habis dah, tak ada kacau dah. Satu lagi iaitu terdapat sebidang tanah bagi rumah murah seluas 10 ekar di Batu 77, Sungai Batang yang dimiliki oleh SSI. Kita telahpun mencadang supaya tanah ini dibangunkan untuk rumah murah oleh syarikat daripada kawasan Bagan Datoh. Jadi mohon supaya mendapat kelulusan seterusnya daripada Y.A.B. Menteri Besar sendiri oleh kerana jika ianya mendapat kelulusan sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah perumahan. Akhirnya saya selaku rakyat Perak ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Perdana Menteri kerana berani membuat keputusan untuk membatalkan pembinaan Tambak Johor yang baru daripada Johor ke Singapura dan saya rasa keputusan ini merupakan satu keputusan yang begitu hebat dan kita rakyat Negeri Perak sama-sama dengan kepimpinan Y.A.B. Menteri Besar sewajarnya memberi sokongan padu kepada kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri kita. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, jemput Temenggor.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato' Yang DiPertua, terima kasih kerana beri peluang untuk saya membahas juga dalam usul Titah Ucap Terima Kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Pemangku Raja Negeri Perak berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ke 9 yang turut sama dibahaskan pada persidangan kali ini. Dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia, Kerajaan Negeri telah merangka untuk perancangan lima tahun tentang Rancangan Malaysia Ke 9 berkaitan dengan pembangunan selama 5 tahun. Y.A.B. Menteri Besar telah menekankan secara jelas untuk membasmi kemiskinan tegar, untuk menjadikan setinggan sifar dan juga untuk meningkatkan pendapatan perkapita. Amat malang sekali, pihak pembangkang seolah-olah menyatakan tiada rancangan sedangkan jelas bilamana Y.A.B. Perdana Menteri membentang di Parlimen satu buku tentang Rancangan Malaysia Ke 9. Intipati utamanya , lima teras yang cukup jelas satu persatu kalau kita baca, kecuali kita tidak meneliti buku yang berkenaan, maka kita kata Kerajaan pukul tong kosong. Sebenarnya, dengan lima teras ini, kalau kita tengok satu persatu, harapan Perdana Menteri sebenarnya Rancangan Malaysia Ke 9, Dasar Ekonomi Baru dah berjaya, kecuali ketirisan ada benda-bendanya yang kita ingin melihat pada tahun 2005 dah berjaya, tetapi berapa ramai rakyat telah berjaya dalam pendidikan, berapa ramai korporat yang telah berjaya. Sebenarnya berjaya yang cukup amat besar, kecuali ada beberapa peringkat yang kita tengok kurang berjaya. Dalam pada itu, saya tidak berhasrat hendak bercakap soal yang terlampaui global di peringkat negeri. Saya lebih hendak menumpukan di daerah Hulu Perak. Saya melihat, pendapatan utama di daerah Hulu Perak ialah getah. Satu ketika, harga getah jatuh. Maka petani-petanipun gila nak jual pokok getah. Kerana satu ekar harganya antara 3,000 ke 7,000 bila pokok getah yang banyak. Harapan saya kepada RISDA , mananya petani yang dah tersilap, yang telah menebang pokok-pokok getah, maka diberi baliklah bantuan kerana seperti yang kita tahu, pertanian ini sebenarnya memerlukan belanja yang tinggi. Kerajaan dah membantu berapa puluh tahun . Tidak mungkin pekebun-pekebun getah ini berjaya kalau Kerajaan melalui RISDA tidak menyediakan peruntukan tanam semula, menyediakan baja. Kerana itu, yang penting pada hari ini Kerajaan atau mana-mana pihak mesti memberi satu penekanan kepada rakyat bahawa pertanian itu ialah perniagaan, memerlukan belanja, kena sabar, tanggung risiko, cari pasaran barulah kita boleh dapat pulangan yang lumayan. Dalam pada itu, di daerah Hulu Perak saya merasakan, kita buat satu pengkhususan. Tanaman kontan yang perlu

diberi keutamaan ialah tanaman cili. Kita sudah ada pengusaha yang berjaya. Kita boleh wujudkan mentor. Bila yang berjaya tadi mentor, kita wujudkan di keliling-keliling yang baru ini di Hulu Perak menti-mentinya. Jadi, dengan ini kita boleh jadi satu pengkhususan di Hulu Perak tanaman cabai ataupun cili. Dalam masa yang sama saya juga mengharapkan dikalangan sana menanam sayur, tapi yang berjaya setakat ini ialah cabai. Satu lagi tanaman makanan yang nampak paling berjaya di Hulu Perak ialah limau madu, bukan bermadu. Limau madu paling sedap, paling manis, sila beli di Gerik, di Kuala Rui, InsyaAllah. Kalau hendak bolehlah saya bagi sebiji dua, kalau terlampaui banyak, sekilopun tiga ringgit. Jadi, saya mengharapkan Kerajaan, Jabatan Pertanian memberi satu penumpuan di Gerik, tanah yang banyak, melalui tak kira tanpa kaum. Yang mengusahakan limau madu ni sebahagian besarnya teknikalnya yang mendapat baja yang baik ini, di kalangan masyarakat Cina. Tapi saya ingin melihat supaya Cina dan Melayu dan lain-lain bangsa di Grik dapat mengusahakan secara intensif untuk menanam limau madu, dan seperkara lagi tanaman baru yang nampak mungkin akan menjadi yang baik di Hulu Perak ialah melo mas. Saya nampak satu perancangan masa depan. Pertanian perlu buat, tanam pokok melo mas, di tengah-tengah kita tanam cabai. Maka petani, dalam jangka pendek dia akan mendapatkan hasil cili. Dalam jangka masa panjang melo mas, melo mas adalah satu buah macam limau bali, ia tahan dan boleh kita cari pasaran ke peringkat antarabangsa. Saya ingin melihat dalam masa 5 tahun, 10 tahun daerah Hulu Perak, rakyatnya dapat dipertingkatkan pendapatan per kapita dengan menumpukan tanaman-tanaman ini. Satu tanaman lagi yang boleh kita tumpukan di Hulu Perak ialah durian *Montong*. Saya pun tak tahu durian siam ni. Konon kata durian ini cukup menjadi terutama di kawasan DUN Yang Amat Berhormat di Pengkalan Hulu dan durian ini kalau dijaga elok-elok kita cari kilang yang buat cip-cip perasa durian, maka saya merasakan Hulu Perak akan maju kalau ditumpukan tentang pertanian ini. Begitu juga satu perkara lagi saya nak mengucapkan terima kasih kepada jabatan seperti RISDA, Lembaga Getah dan juga Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan kerana di waktu harga getah jatuh mereka memberi bantuan dalam bidang penternakan. Saya melihat potensi yang paling baik dan meminta biarlah Jabatan Haiwan memantau dan membantu penduduk di Hulu Perak untuk penternakan lembu *pitlaw* dan insyaallah FELDA menjadi mentornya di Lepa Nenering, hampir 1 juta diberikan di Lepa Nenering dan saya yakin di Lepa Nenering akan menjadi pusat penternakan *pitlaw*. Dalam masa yang sama mereka yang telah mengusahakan setakat ini dengan bantuan RISDA tadi, Lembaga Getah, FELDA kita boleh tumpu juga di Hulu Perak, lembu bebas ragut, maknanya lembu lepas dia makan merata-rata kerana di Hulu Perak padang ragut amat luas. Dalam masa yang sama ingin juga saya berterima kasih kepada RISDA kerana telah menggerakkan masyarakat di Hulu Perak untuk menternak kambing, kambing telinga panjang iaitu kambing jampari. Jadi diharapkan Jabatan Haiwan terus memantau mencari peruntukan dan boleh mewujudkan beberapa wira-wira penternakan di Hulu Perak. Dalam masa yang sama..... tadi soalan saya patut dijawab oleh wakil kerajaan tapi tak sempat nombor 16. Tasik Temengor yang luas, airnya ialah air *reserve* untuk minum Negeri Perak dan Jabatan Perikanan telah mencadangkan untuk mereserve 200 hektar untuk penternakan ikan sangkar. Maka saya mengharapkan dengan konsep mentor-menti kita mencari usahawan yang berjaya yang modal besar kita bagi mereka sampai 100 ekar untuk ikan sangkar di Tasik Temengor ekoran ada satu mentor maka kita akan gerak orang tempatan untuk beri sangkar-sangkar kecil, dia tak ada fikir pasal pasaran, dia akan menjaga kualiti ikan tadi dan terus dia jual kepada mentor tadi maka saya yakin di Tasik Temengor akan menjadi pusat pengeluaran ikan sangkar, tetapi Jabatan Perikanan mestilah memantau perkara ini. Kerajaan Negeri membantu mencari pelabur dan kalau ada di dalam dewan ini yang boleh bagi tahu kepada pelabur-pelabur yang ada keupayaan untuk menternak ikan sangkar di Tasik Temengor, marilah

beramai-ramai. Setakat ini ada tapi kita tak tahu macam mana kedudukan saya pun tak dapat jawapan, tapi saya cukup yakin masa depan Tasik Temengor, kita akan ada ikan sangkar. Dalam pada itu pelancongan pada saya, *Royal Belum* dan pada kita saya nak menyeru pada Kerajaan Negeri supaya dibuat satu pengkhususan. Ini tebuk sat tumpu sana sat tumpu sini akhirnya orang tak tau ke mana nak pergi di Negeri Perak. Saya amat mengharap, *Royal Belum* dah lama di beri iklan, tumpukan kepada *Royal Belum* supaya semua pelancong-pelancong ni datang, dalam masa yang sama tengoklah tempat-tempat lain, tapi pada saya penumpuan. Sama juga kita kata barang kraf dalam Negeri Perak, kita ada satu pengusaha yang paling hebat, MARIWASA. MARIWASA ni yang buat apa nama tu.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Cokmar.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Negara luar pun mengappreciate, menghargai MARIWASA ini, tetapi kita tak.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Jangan menoda.....

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** ..... pada MARIWASA ini dan pengusaha-pengusaha kecil akan menjual barang mereka kepada MARIWASA. Kita kena pakai konsep mentor dan menti. Pasal kalau MARIWASA bagi labu sayung, bagi dekat dia, dia pun lilitlah dengan warna perak, lilitlah warna emas harga patut RM 7 dia boleh jual sampai seribu. Dia boleh jual sampai 6 ratus, tetapi ini maksud saya kita kena bagi pengkhususan. Biar dalam Malaysia, sebut MARIWASA, PERAK. Macam dalam kepala kita sampai hari ini sebut je barang pewter, Selangor Pewter. Kita hendak orang dalam Malaysia kata MARIWASA, barang yang berkaitan dengan yang macam ini. Dalam pada itu lagi, dalam 5 teras ini saya juga hendak di Hulu Perak seperti mana kata Y.B. Tarmizi diwujudkan satu sekolah menengah rancangan khas. Saya tengok Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan dalam masa 5 tahun ini ada 229 sekolah menengah akan dibina, tarik satu sekolah menengah tadi buat di Grik untuk dikumpul pelajar-pelajar yang mencapai kejayaan cemerlang di Grik sampai tingkat tiga. Lepas tingkat tiga depa kena pergi ke sekolah yang lebih baik lagi. Kalau tidak depa jadi orang Grik sampai bila-bila lah, kan?

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Lagi 5 minit, lagi 5 minit....

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Nak buat lagu mana, ni? Dalam pada itu pada saya lah, satu lagi Kementerian Pelajaran, kita nak mencapai kejayaan cemerlang. Sebenarnya Kementerian Pelajaran mesti menyediakan bajet untuk motivasi. Motivasi ini untuk guru-guru, untuk pelajar-pelajar, untuk ibu bapa. Hari ini Kementerian Pelajaran tidak menyediakan bajet untuk motivasi. Cikgu, saya daripada cikgu, kalau dah 5 tahun mengajar sebenarnya dia naik jemu tetapi kalau kita buat awal tahun satu motivasi mereka akan mengajar anak kita dengan rajin. Kerana itu saya cukup yakin Kementerian Pendidikan mesti menyediakan bajet untuk motivasi kepada guru-guru, kepada ibu bapa dan juga sekolah. Dan dalam masa yang sama saya juga menyeru Kerajaan Negeri, semua jentera kerajaan, semua rakyat Negeri Perak samada swasta ataupun siapa juga menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan, sekolah utama maka kementerian mesti menjadikan sekolah ini tempat tarikan ibu bapa. Hari ini mungkin ada kelemahan pada sekolah kebangsaan menyebabkan ibu bapa daripada keturunan cina nak menghantar sekolah jenis kebangsaan cina. Begitu juga India, kerana tidak ada tarikan yang menarik bila masuk ke sekolah kebangsaan ini seolah-

olahnya macam biasa maka Kementerian, Jabatan Pelajaran perlu fikirkan bagaimana untuk menarik minat semua ibu bapa supaya masukkan anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan dan dalam masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian iaitu kes Orang Asli di RPS Kema di mana pada sayalah kalau nak tunjuk di Hulu Perak permulaan Orang Asli sedar tentang nak menambah pendapatan bergantung pada diri sendiri dengan menoreh getah. Malangnya bila harga getah dah mahal, sudah cerdik sedikit mereka berlaku perebutan. FELCRA yang mengusahakan hampir 2 ribu ekar di RPS Kema sudah tidak boleh *control*. Kita minta FELCRA, JOA dan saya bersama Tuan DO duduk bersama cari satu penyelesaian sehingga hari ini saya minta FELCRA teruskan untuk memantau dan menjaga kebun getah di RPS Kema tetapi tak berani nak masuk takut masalah penentangan daripada segelintir Orang Asli, tetapi pada saya kerajaan kena tengok ini sebagai satu masalah masa depan. Dalam Rancangan Malaysia ke 9 di Hulu Perak, saya cadangkan untuk mengatasi kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli kita kena melatih mereka untuk menjadi penoreh getah. Tak perlu kita bagi saham kepada mereka, kalau kita bagi saham kepada Orang Asli mereka menjadi manusia yang menerima bantuan. Tidak mahu berusaha, kerana itu untuk Orang Asli di Banun di Kelian Intan, di Hulu Grik mesti kita tanam dengan pokok getah. Hakmilik tanah tak perlu kita bagi pada Orang Asli, kita bagi pada Jabatan Orang Asli untuk menjaga, pemegang amanah kepada kebun-kebun getah yang berkaitan. Dalam masa yang sama juga, seperti mana saya tengok di Hulu Perak kemiskinan tegar ini kita jangan tengok pukul rata. Kita kena tengok umur. Kalau umur 50 tahun ke atas bolehlah kita bagi saham. Tetapi kalau umur 50 tahun ke bawah tak boleh bagi saham. Kita kena bagi kebun. Macam Perbadanan Pertanian dah ada kebun getah, bagi 3 ekar pada mereka barulah mereka berusaha untuk mendapat ini. Kalau bagi saham, cukup bulan naik motor pergi ambik saham. Setengah ada nampak senang, cukup bulan duit masuk *free*, tak payah kerja. Ini maknanya perancangan kerajaan. Saya pun kadang-kadang tak berapa setuju bila mana jabatan-jabatan seperti Pertanian, Perikanan bila nak membantu orang miskin tegar, tapi bentuk bantuan tidak mendidik mereka untuk menjadi manusia yang berdikari. Kita memberi bantuan dan akhirnya mereka susah, pertanian tinggi, bantuan yang ada mereka jual untuk dapat duit *cash*. Akhirnya mereka tidak ada perubahan pada diri mereka. Saya bersetuju dengan cadangan Kenering di Hulu Perak terdapat kawasan luas Felda Perladangan. Apa salah yang Kerajaan Negeri bagi beribu-ribu ekar kepada FELDA, FELDA sumbang balik kepada rakyat dalam 10% atau 5% dan kita isi 10 ekar dengan mungkin FELDA tak nak bagi rumah, Kerajaan Negeri boleh menyediakan rumah dan mereka ini boleh bertukar daripada miskin tegar menjadi orang yang lebih upaya. Kalau hari ini tuan-tuan, Ahli-Ahli Dewan pergi ke Felda Lawin Selatan, pergi ke Felda Bersia yang ada 10 ekar pokok kebun getah kalau mereka menoreh sendiri koman-koman pendapatan sebulan 7 ribu, 8 ribu. Ha... koman-koman ya, mintak maaf.....

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Dengan petani pulak.....

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dan seperkara lagi, ini kita berperang daripada tengahari sampai ni, saya bukan nak fitnah saya bukan nak kata ini tipu, kalau tipu ni salah bahagian Majlis taip. Saya nak baca ni ya, kita semua dengar. Ni fitnah ke apa benda ni. Sebelum, ha ini Nga Kor Ming, Pantai Remis kata. "Sebelum saya mengakhiri saya juga ingin membela nasib warga wanita muslim khususnya dengan kelulusan Rang Undang-undang Keluarga Islam yang membenarkan suami Muslim mengahwini bini kedua tanpa perlu mendapat keizinan isteri pertama. DAP bersama Sister In Islam membantah keras undang-undang tersebut yang amat tidak adil untuk kaum wanita muslim". Tuan-Tuan dengar, puan-puan dengar, Yang Berhormat dengar

ini kalau bohong, fitnah seperti dua wakil DAP tadi, ni *check* kita boleh tengok ni. Satu lagi teks dia, "Saya rasa setiap kaum, ha ni kedua dia kata, ini kena pada Dato' Ramly ya, "Saya rasa setiap kaum lelaki Muslim seperti Yang Berhormat Dato' Ramly, Manong tidak ingin isterinya berkahwin dua juga sepatutnya poligami yang diamalkan ada sistemnya kerana pada zaman atas ajaran Nabi tetapi rang undang-undang tersebut adalah tidak adil kepada semua kaum wanita". Saya rasa Yang Berhormat Exco Dato' Siti Salmah senyum lebar. Setuju dengan tak setuju, tak setuju atau tidak, setuju, tak setuju, tak apa. Dua ayat yang ada ini, sebagai seorang Islam, sebagai yang kita tak pernah memperkatakan orang lain, memberi satu, yang memberi terguris yang amat sangat kepada kita. Apa yang berlaku di Negara Denmark? Kerana melukis karikatur Nabi, berperang di sana, kalau kita di sini mengambil kesempatan bagi tau kepada masyarakat luar, apa akan berlaku? Kalau saya bercakap di Grik, hari ini mereka akan boleh ajak bertumbuk. Kalau saya bercakap di Grik. Jadi kalau kita tak tau tentang perkara-perkara yang berkenaan dengan Islam ada benda boleh kita cakap, ada benda kita tak boleh bercakap, daripada kita belum merdeka sehingga merdeka kita sudah ada daripada zaman Nabi Muhammad S.A.W. kita dah ada undang-undang Islam tentang perkahwinan, sudah ada.....

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD. DAUD:** Mintak laluan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Sila, laluan.

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD. DAUD:** ..... laitu daripada *hansard* daripada apa yang dicakap yang ditulis daripada *hansard* la, tapi seolah-olah ADUN Pantai Remis tak mengaku dia menafikan sedangkan benda tu tertulis dalam *hansard* dah jelas, apa jenis orang mintak pandangan Ahli Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** *Hansard* ini cukup jelas bukan kita ambil di tepi longkang, bukan kita ambil di tong sampah tapi ini ditulis oleh pihak Majlis yang diucapkan ditulis oleh pihak Majlis daripada wakil yang berkenaan.

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD. DAUD:** Dato' Yang Dipertua.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Minta laluan. Temengor, laluan. Laluan, Temengor.

**Y.B. ENCIK CHE RI BIN MD. DAUD:** Dato' Yang Dipertua, masa yang dibagi sudah melebihi. Jadi saya tuntut la untuk saya yang belum bercakap ni. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN:** Dato' Yang Dipertua, saya nak mengusulkan supaya perkara yang ditulis ini boleh kita bawa keluar kita maklumkan kepada pengundi-pengundi di tempat kita kerana bila ada aje mereka akan kata ini fitnah, bohong, dengan Yang Amat Berhormat pun boleh mereka menjawab bohong, dengan Dato' Nadzri pun mereka kata bohong, bohong apa nama? Boleh kita fotokopi, kita boleh edar kepada semua ini dia yang paling ketara pembohongan, penafian yang dibuat oleh DAP. DAP pada ini, saya buat kesimpulan apa yang kerajaan buat baik mereka tidak pernah bersetuju tetapi kita daripada Barisan Nasional tidak pernah mempertikaikan soal ugama lain pernahkah kita dengar di kalangan wakil-wakil sini bercakap soal ugama buddha, pernahkah kita mempersenda kristian, pernahkah kita mempersenda hindu, tak pernah kerana kita memegang dan menghormati kaum budaya yang berbeza dalam negara ini. Jadi saya amat mengharap supaya di masa-masa akan datang pembangkang kalau nak melihat isu lihat elok-elok, jangan bagi ada dikalangan yang lain berasa amat pedih,

amat terasa sangat dan kesimpulan saya dalam menjayakan RMK-9 ini terutama Negeri Perak, terutama Negeri Perak kita perlu kerjasama seperti mana Y.A.B. dalam perhimpunan pagi menyatakan mesti tulus, ikhlas, mesti telus tak ada selindung-selindung dan bertanggungjawab maka 3 sektor yang dikatakan oleh Perdana Menteri, sektor swasta, sektor awam, masyarakat sivil mesti bergabung bagi merealisasikan pada tahun 2010 RMK-9 dapat dijayakan Negeri Perak 2015 mesti menjadi Negeri Maju, bak kata sahabat saya saudara Hasim Hasan.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Terima kasih.....

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN :** bila kita nak bekerja ikat tali kasut, satu pasukan swasta, awam kami wakil rakyat semua pihak bagi nak melihat Negeri Perak Maju 2015, Temenggor mohon menyokong.

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa dah hampir pukul 7.00, saya tagguhkan dewan ini dan dewan akan bersidang semula pada hari Isnin 17 April 2006 jam 9.00 pagi, Dewan ditangguhkan.

Persidangan ditangguhkan pada jam pada jam 7.00 petang.